

Jilid II
Bil. 5



Hari Isnin
19hb Mac, 1984

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 649]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) [Ruangan 712]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 777]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J.,
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M.
(Kubang Pasu).

.. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO
MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S.
(Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO
YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

.. Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S.,
P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

.. Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

.. Menteri Kebajikan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH
AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N., (Kuala
Langat).

.. Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO'
AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P.,
S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

.. Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH
HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu
Kelantan).

.. Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M.,
J.M.N. (Batu Berendam).

.. Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,
D.P.C.M. (Taiping).

.. Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN,
D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).

.. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

.. Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ,
D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

Yang Berhormat Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

- .. Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- .. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- .. Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- .. Menteri Penerangan, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- .. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- .. Menteri merangkap Duta Besar Malaysia ke Indonesia, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- .. Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- .. Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- .. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- .. Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- .. Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- .. Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P. (Temerloh).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- .. Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Baru).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- .. Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TEMBAKAU (Keningau).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, A.M.P. (Telok Anson).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- .. Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- .. TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- .. TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- .. TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- .. DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- .. TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- .. DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- .. DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- .. TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- .. TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- .. DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- .. TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- .. TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubuk Antu).
- .. TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- .. TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).

- Yang Berhormat TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- .. DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- .. TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- .. DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- .. DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- .. TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- .. DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- .. TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- .. TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- .. TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- .. TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- .. DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- .. TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- .. TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- .. TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- .. TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- .. DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- .. TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- .. TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- .. DATO DR. HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- .. TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- .. TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- .. TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- .. DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- .. TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- .. DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- .. TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- .. TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- .. TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- .. TUAN MARK KODING (Kinabalu).

Yang Berhormat DR KOH TSU KOON (Tanjong).

- .. DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- .. TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- .. DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- .. DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- .. DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- .. TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- .. TUAN LING SIE MING (Sibu).
- .. TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- .. TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- .. DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- .. TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- .. DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- .. TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- .. TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- .. TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- .. TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- .. TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- .. DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- .. TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- .. TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- .. TUAN OTHMAN BIN ABDUL (ULU MUDA).
- .. DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- .. TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- .. TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- .. TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).

- Yang Berhormat DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,
P.J.K. (Padang Rengas).
- .. TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- .. TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M.
(Baling).
- .. TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik
Pulau).
- .. TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- .. TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang
Terap).
- .. TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- .. TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- .. DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- .. TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- .. TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- .. WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- .. WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- .. WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- .. WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- .. TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- .. TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- .. DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N.
(Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 19hb Mac, 1984

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*(Tuan Yang di-Pertua mem-
pengerusikan Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAANLEBUHRAYA SEREMBAN—
KUALA LUMPUR

1. Tuan Mohd. Amin bin Haji Daud minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Lebuhraya Seremban/Kuala Lumpur merupakan perangkap maut (death-trap) di tempat-tempat yang sedang diperbaiki kerana tidak mempunyai lampu-lampu isyarat dan papan-papan tanda yang mencukupi; selain daripada itu kerap kali didapati lebuhraya ini sesak dengan kenderaan berderet-deret hingga berbatu-batu panjangnya; jika sedar, adakah beliau akan memberhentikan kutipan tol di lebuhraya ini buat sementara waktu sehingga keadaan lebuhraya itu pulih seperti sedia kala.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa kemalangan jalanraya telah berlaku di Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban setelah kerja pembaikan dan pembinaan semula jalan tersebut telah bermula. Tetapi sukaiah saya menerangkan kepada Dewan yang mulia ini dan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa semua langkah telah diambil untuk

memberitahu kepada pemandu-pemandu kereta mengenai kerja pembaikan dan pemulihan yang telah dibuat bagi lebuhraya tersebut.

Langkah-langkah ini termasuklah:

- (i) mengadakan dan menambahkan lagi papan-papan tanda dan lampu-lampu isyarat di tempat-tempat yang merbahaya;
- (ii) mengadakan robot yang memberi isyarat bagi memperlancarkan kenderaan; dan
- (iii) memberi makluman kepada orang ramai melalui surat-suratkhobar, TV dan juga radio.

Walaupun langkah-langkah seperti yang saya sebutkan telah diambil, tetapi dukacita saya menyatakan bahawa masih ramai lagi pemandu-pemandu kereta tidak mengambil indah atau memperdulikan amaran-amaran itu. Oleh yang demikian, maka berlakulah kemalangan-kemalangan jalan raya yang tidak diinginkan itu.

Antara sebab-sebab kenapa kemalangan-kemalangan tersebut berlaku ialah:

- (a) kecuaiannya pemandu;
- (b) keengganan mematuhi syarat-syarat trafik;
- (c) sikap tidak peduli untuk memahami tanda-tanda trafik;

- (d) terlalu laju membawa kenderaan;
- (e) membuat pusingan 'U' (U-turn) di lebuhraya tersebut sesuka hati.

Ini semua adalah faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya kemalangan sehingga pada akhirnya Kementerian saya terpaksa meminta bantuan daripada pihak Polis untuk membuat penguatkuasaan yang lebih ketat. Dengan penguatkuasaan tersebut dan dengan adanya pemandu-pemandu kereta yang ditahan dan disaman oleh pihak Polis, maka kemalangan-kemalangan ini telah berkurangan.

Saya telah beritahu bahawa kemalangan-kemalangan yang membawa maut ialah 3 dalam tahun 1984 dan 2 dalam bulan Disember, 1983. Bagi lain-lain bulan ialah 7. Kemalangan-kemalangan biasa dalam bulan Januari hingga November, 1983 berjumlah 49. Dalam bulan Disember ialah 13 dan bagi tahun 1984 ialah 35. Tindakan-tindakan yang diambil oleh pihak Polis bagi tahun 1984 ialah 612 dan 406 daripadanya adalah kerana lari laju (speeding). Kes-kes yang telah diambil tindakan oleh mahkamah bagi tahun 1983 ialah 586. Kesalahan-kesalahan melanggar peraturan dua garisan (double line) dalam tahun 1983 ialah 720 dan tahun 1984 ialah 500. Jumlah denda yang telah dikutip bagi bulan Januari dan Februari, 1984 ialah \$52,210 dan tahun 1983 ialah \$101,724.

Saya juga suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa kerja untuk menaikkan taraf jalan dan membaiki semula jalan sepertimana yang dilakukan di Lebuhraya Kuala Lumpur—Seremban itu adalah satu proses yang sentiasa dibuat bagi mana-mana jalan atau lebuhraya selepas satu-satu waktu yang tertentu. Sebagaimana yang kita maklum bahawa Lebuhraya Kuala Lumpur—Seremban telah dibina kira-kira 7 tahun yang lalu dan sejak itu belumlah

ada kerja-kerja pembaikan yang besar dijalankan sehingga baru-baru ini sahaja dan ini telah menimbulkan keadaan dalam mana lebuhraya tersebut telah menjadi lemah disebabkan ada kenderaan yang berat dan lalulintas yang pesat lebih daripada apa yang dijangkakan pada ketika pembinaannya.

Dengan keterangan saya tadi itu maka tidak adalah sebabnya kenapa Kementerian saya patut memberhentikan kutipan tol di Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban ketika kerja pembaikan dan pemulihan ini sedang dilakukan.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Menteri Kerja Raya sama ada beliau sedar ataupun tidak bahawa terdapat juga sebab-sebab mengapa kekecohan Lebuhraya Seremban/Kuala Lumpur ialah dengan adanya kenderaan-kenderaan yang berjalan terlampau perlahan. Jika sedar, adakah beliau akan mengambil tindakan terhadap mana-mana kenderaan yang berjalan terlampau perlahan.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, tindakan-tindakan di atas kereta-kereta atau kenderaan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi ialah bukan dalam kuasa saya. Tetapi saya akan minta pihak Polis untuk mengambil tindakan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ada menyatakan bahawa langkah-langkah seperti lampu-lampu isyarat dan juga papantanda-papantanda telah dipasang di Lebuhraya Seremban/Kuala Lumpur di tempat-tempat yang disebutkan sebagai perangkap maut.

Tetapi saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada beliau sedar bahawa kadangkala lampu-lampu isyarat itu nampaknya

tidak cukup menyala, dengan izin, not bright enough pada waktu malam khasnya apabila musim hujan dan ini mengakibatkan bahaya kepada pengguna-pengguna jalan dan suka saya mendapat tahu apakah langkah Yang Berhormat Menteri suka ambil untuk menentukan bahawa masalah ini dapat diatasi.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyasat perkara-perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Saya telah menerima beberapa aduan daripada rakyat jelata. Selepas itu saya telah melawat di kawasan bukan sahaja pagi tetapi malam dan saya telah mengarahkan kepada kontraktor untuk mengadakan lampu iaitu flood-lights yang lebih terang. Saya harap pada hari ini kita sudah ada beberapa lampu yang kita boleh gunakan di dalam tempat itu.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri Kerja Raya. Tadi Yang Berhormat ada menyebutkan bahawa accident ataupun kecelakaan ini disebabkan oleh pemandu kereta. Bagaimana pula kalau kecelakaan ini disebabkan oleh pihak JKR, misal kata batu besar di tengah jalan ataupun lobang besar yang tidak ditimbus. Jadi, kalau kecelakaan timbul disebabkan oleh JKR apakah pihak Kementerian ini bercadang membayar ganti rugi kepada pihak yang terlibat dan adakah pernah JKR membayarnya.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak pernah bayar ganti rugi apabila mereka tidak ambil apa-apa tindakan mahkamah tetapi ada juga pihak-pihak telah mengambil beberapa tindakan bukan di Lebuhraya Seremban ke Kuala Lumpur tetapi daripada jalan-jalan yang lain. Kes-kes ini ada dalam mahkamah tetapi belum dapat diselesaikan lagi.

NILAI ISLAM DI JABATAN JABATAN KERAJAAN— PENERAPAN

2. Tuan Mohd. Razlan bin Abdul Hamid minta Perdana Menteri menyatakan bahawa Kerajaan sedang berusaha menerapkan nilai-nilai Islam di jabatan-jabatan Kerajaan dan kepada rakyat di negara ini. Apakah langkah-langkah tertentu Kerajaan supaya pelaksanaan penerangan nilai-nilai Islam ini tidak tercemar dan dapat dilaksanakan dalam erti kata yang sebenar-benarnya.

22. Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan sejauh mana berkesannya sehingga hari ini pelaksanaan Konsep Penerapan Nilai-nilai Islam Dalam Pentadbiran Negara, utamanya dari segi sikap dan mental pentadbiran negara hari ini.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Awang bin Jabar): Tuan Yang di-Pertua, suka saya menjawab pertanyaan No. 2 ini bersekali dengan soalan yang ke 22 kerana kedua-dua soalan ini seakan-akan sama.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa Kerajaan sedang berusaha melaksanakan program penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran dan pembangunan secara beransur-ansur. Penerapan nilai-nilai Islam itu melibatkan penggunaan asas-asas Islam yang boleh membawa kebaikan kepada semua golongan masyarakat tanpa mengira keturunan dan agama bagi menambahkan kecekapan pentadbiran awam dan memupuk perpaduan. Pelaksanaan penerapan nilai-nilai Islam dibuat atas keyakinan bahawa nilai-nilai yang mulia dan unggul yang terkandung dalam ajaran-ajaran Islam itu akan dapat memberikan asas-asas yang kukuh bagi mencapai maksud mewujudkan pentadbiran negara yang

bersih, cekap dan amanah melalui pembinaan pekerti dan akhlak yang baik.

Perkara-perkara yang keterlaluan dan boleh menjejaskan perpaduan kaum atau sebarang pertimbangan mengikut asas-asas pentadbiran dengan pengurusan yang cekap dan berkesan akan sentiasa dijaui.

Mengenai usaha-usaha menerapkan nilai-nilai Islam di Jabatan-jabatan Kerajaan dan kepada rakyat di negara ini adalah seperti berikut:

- (1) Kerajaan sedang menyediakan etika kerja Islam yang boleh digunakan oleh semua lapisan masyarakat dan sektor. Etika ini akan menggariskan sikap bekerja dengan ikhlas, bersemangat gotong royong, amanah, tekun, cekap dan berpadu fikiran demi mencapai kebahagiaan manusia sejagat;
- (2) Mempergiatkan dakwah Islamiah dan memperkembangkan syiar Islam melalui kegiatan-kegiatan di Instituti Dakwah Islamiah (INDAH) dan Majlis-majlis Agama Islam di negeri-negeri, di samping itu media massa Kerajaan juga sentiasa memberi perhatian yang khusus kepada penyebaran ajaran-ajaran Dakwah Islamiah yang betul. Untuk makluman Yang Berhormat lagi setiap kakitangan Kerajaan adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan tata tertib yang mengandungi nilai-nilai Islam seperti menghendaki kakitangan beramanah, bersikap jujur dan berhimah tinggi.

Tujuan Kerajaan mengadakan peraturan-peraturan tata tertib itu ialah dengan melalui melancarkan Kempen Kepimpinan Melalui

Teladan, mempergiatkan usaha-usaha membasmi rasuah dan juga menggalakkan ceramah-ceramah agama bagi kakitangan Kerajaan adalah untuk mewujudkan satu pentadbiran yang bersih, cekap dan amanah iaitu satu sistem nilai yang selaras dengan prinsip-prinsip agama Islam.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri tadi ada menerangkan tentang garis-garis panduan yang telah dibuat oleh Jabatan Perdana Menteri kepada kakitangan Kerajaan untuk meninggikan nilai-nilai Islam ini.

Pertama soalan saya, sehingga hari ini adakah suatu arahan surat pekeliling kepada seluruh kakitangan Kerajaan di atas garis-garis panduan yang telah diterangkan tadi.

Kedua, beliau tadi menerangkan etika kerja mengikut Islam sedang disusun. Bilakah etika ini akan dilaksanakan.

Ketiga, sekiranya terdapat ada kakitangan Kerajaan yang tidak mengikut tata tertib yang dikatakan oleh beliau tadi sehingga ini sudahkah ada terdapat kakitangan yang melakukan pelanggaran tata tertib seperti itu dan sekiranya di masa akan datang ada kakitangan yang melanggar tata tertib mengikut nilai-nilai Islam itu apakah tindakan yang akan diambil oleh Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, mengenai garis panduan dan etika kerja yang saya sebutkan tadi, kedua-dua ini masih di dalam persiapan. Jadi, apabila perkara ini siap, insya Allah, Jabatan Perdana Menteri akan mengarahkan Jabatan-jabatan yang berkenaan untuk dilaksanakan.

Tentang tata tertib yang dinyatakan oleh Yang Berhormat itu, Tuan Yang di-Pertua, sukacitalah saya menyatakan bahawa tindakan tata tertib mengikut Perintah Am (General Orders) Kerajaan sudah ada dan mana-mana kakitangan Kerajaan yang melanggar tata tertib sama ada tata tertib mengikut General Orders ataupun garis panduan yang akan dimasukkan ke dalamnya itu, pihak Jabatan yang berkenaan akan mengambil tindakan.

RANGKAIAN KETIGA TELEVISYEN

3. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Penerangan menyatakan bilakah Rangkaian Ketiga—Televisyen akan mula penyiarannya, butir-butir mengenai franchise dan peraturan rancangan serta nama pemegang-pemegang saham masing-masing Rangkaian Ketiga Televisyen dengan memberikan peratus saham yang dimiliki oleh setiap pemegang saham.

29-3-1984

1. Tuan Quah Wee Liam minta Menteri Penerangan menyatakan oleh kerana pada masa sekarang Televisyen Malaysia telah ada dua saluran bilakah rakyat negara ini boleh dapat saluran ketiga yang dijanjikan.

29-3-1984

10. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Penerangan menyatakan sejauh manakah setakat ini usaha Kerajaan mengswastakan Rancangan TV Rangkaian Ketiga dan syarikat manakah yang berjaya menjalankan pengswastaan itu.

Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan dari Ahli Yang Berhormat kawasan Kota Melaka ini bersama-sama dengan soalan dari Ahli Yang Berhormat

Kawasan Pasir Puteh pada 29hb Mac, 1984 yang menanyakan syarikat manakah yang menjalankan Televisyen Rangkaian Ketiga dan sejauh manakah kemajuannya. Dan Ahli Yang Berhormat daripada kawasan Keluang pada 29hb juga yang menanyakan bilakah Televisyen Rangkaian Ketiga ini dimulakan siarannya.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Chan Siang Sun: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan telah pun memberi kuasa kepada Sistem Televisyen Malaysia Berhad, pendeknya STMB untuk menjalankan Televisyen Rangkaian Ketiga.

Walau bagaimanapun, terpulanglah kepada syarikat tersebut untuk memulakan siarannya berdasarkan kepada keupayaan dan kemampuan syarikat tersebut dalam menyediakan infrastruktur-infrastruktur dan rancangan-rancangannya.

Sekiranya dengan franchise Ahli Yang Berhormat kawasan Kota Melaka itu maksudkan lesen untuk mengendalikan Stesyen Televisyen, inginlah saya memaklumkan bahawa lesen tersebut telah dikeluarkan oleh Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos di bawah peruntukan Akta Telekom 1950 pada 9hb November 1983.

Mengenai peraturan rancangan atau scheduling of programmes, dengan izin, saya sukacita tidak dapat memberi apa-apa maklumat mengenainya oleh kerana perkara itu menjadi hak syarikat yang akan mengendalikan rangkaian Televisyen tersebut sahaja.

Berkaitan dengan nama pemegang-pemegang saham pula, Ahli Yang Berhormat itu bolehlah berhubung dengan pihak Pendaftar Syarikat untuk mendapat maklumat-maklumat yang diperlukan itu.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri kata kenapa Kerajaan enggan memberi butir-butir mengenai program-program. Oleh kerana sungguhpun stesyen ini diberi kepada STMB, satu syarikat swasta, bukannya semua programming yang akan di bawah jagaannya akhirnya Kementerian Penerangan tersebut supaya semua program tidak bercanggah dengan dasar-dasar dan tujuan nasional Kerajaan.

Kedua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri enggan memberi butir-butir mengenai saham-saham yang dibahagikan kepada beberapa puak untuk menjalankan STMB.

Oleh kerana yang Kementerian tersebut atau Kerajaan tidak memberi kriteria, kenapa saham-saham dibahagikan dan adakah saham-saham ada dibahagikan antaranya kepada Philip Holdings, satu Holdings UMNO dan lain-lain merupakan hak saham-saham yang tetap atau boleh dipindah kepada lain. Bukankah benar bahawa antara seorang yang dapat saham-saham seorang tokoh dalam UMNO ada pindah saham-saham kepada sebuah suratkhbar nasional bahasa Cina dengan syarat mendapat peratus ownership kepunyaan dalam suratkhbar itu.

Adakah ini sealiran dengan dasar-dasar Kerajaan?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama berkenaan dengan program-program apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, jawapan itu atau soalan itu sudah dijawab sendiri. Oleh kerana program tentulah tidak akan bercanggah dengan aspirasi dan dengan cita-cita negara kita. Jadi soalan itu sudah dijawab sendirilah (*Ketawa*).

Yang kedua berkenaan dengan saham-saham atau pemegang saham, saya fikir dari mulanya dikatakan oleh Yang Berhormat itu ialah Syarikat Fleet Holdings sudah mengadakan atau mula-mulanya mengendalikan menubuhkan satu syarikat kerjasama yang mana kumpulan-kumpulan yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat itu sudah diberitahu kepada Dewan ini. Jadi oleh kerana itulah satu syarikat Berhad, tentulah ada kumpulan-kumpulan dalam syarikat itu.

Jadi pemegang saham-saham seberapa banyaknya tentulah dalam satu syarikat Berhad, tentu ada kumpulan-kumpulan yang mempunyainya, ini satu hakikat yang tidak dinafikan. Sekian.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang penggunaan bahasa. Bahasa apakah yang akan dipakai bagi rangkaian Televisyen kita yang ketiga.

Sama ada Bahasa Kebangsaan ataupun campuran dan kalau campuran berapa percentskah digunakan untuk Bahasa Kebangsaan dan bahasa-bahasa yang lain.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, dari segi penggunaan bahasa tentulah keutamaan mestilah diberi kepada Bahasa Kebangsaan—Bahasa Rasmi kita. Jadi kegunaan bahasa-bahasa yang lain tentulah jikalau program itu berkehendakkan dapatlah digunakan pula.

PITA RAKAMAN UCAPAN PEMIMPIN PEMBANGKANG

4. Dato Haji Abu Bakar bin Umar minta Menteri Pelajaran menyatakan setakat manakah benarnya yang mengatakan ada pihak-pihak yang tertentu membahagikan pita rakaman ucapan Pemimpin-pemimpin

pembangkok memburuk-burukkan Kerajaan dan khasnya Perdana Menteri kepada pelajar-pelajar di luar negeri seperti di Amerika dan lain-lain. Kalau benar apakah tindakan yang akan diambil ke atas mereka-mereka itu dan adakah adil tindakan diambil ke atas pelajar dan penuntut-penuntut yang terpengaruh dengan diayah kumpulan-kumpulan itu sedangkan kumpulan tersebut masih bebas dengan kerja-kerja mereka.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato Mohamed Khalil Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah benar rakaman ucapan-ucapan pemimpin-pemimpin pembangkang yang mengandungi ucapan-ucapan yang menyentuh pemimpin dan dasar Kerajaan secara kritikal diedarkan kepada pelajar-pelajar secara individu dan ada yang seterusnya dirakam semula oleh setengah-setengah pelajar kita untuk disampaikan kepada pelajar-pelajar yang lain.

Tape-tape ini juga dijual untuk dibeli oleh pelajar-pelajar kita. Walaupun perbuatan ini dilakukan dan pelajar kita mungkin mendengar rakaman-rakaman tersebut dari segi kesannya dia adalah terkawal oleh kerana jumlah besar pelajar-pelajar kita tidak terpengaruh, bahkan mereka melaporkan balik kepada Jabatan Penuntut Malaysia, perbuatan percubaan mempengaruhi pemikiran mereka melalui cara ini.

Kita mengakui terdapat juga sebilangan kecil yang menjadi dengan izin, hard core bersetuju dengan kandungan rakaman ini, tetapi oleh kerana mereka sendiri tidak menjadi penghasut dan tidak pula bertindak secara militant, pihak Kementerian adalah bersikap toleransi berkenaan hal ini.

Untuk keterangan yang lebih jelas kepada Yang Berhormat, seperti yang telah Kerajaan nyatakan dari segi

tindakan yang diambil ia semata-mata adalah terhadap pelajar yang melanggar syarat-syarat perjanjian atas sebab-sebab, antara lain, seperti enggan berkhidmat dengan penganjur, berkahwin tanpa kebenaran penganjur semasa di peringkat GCE, 'A' Level, Matrikulasi, Gred 13 dan sebagainya, gagal, menukar kursus dan menukar universiti tanpa kebenaran, jenayah, menarik diri dari kursus, melanggar peraturan kursus, perbuatan salah laku yang pada pendapat Kerajaan menjatuhkan nama baiknya atau Kerajaan ataupun tindak-tanduk seperti menipu, memberi keterangan palsu dan menjadi ahli di dalam pertubuhan yang tidak diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat memberikan maklumat dan bukti siapakah yang terlibat dengan pita rakaman ini. Adakah Kerajaan mengedarkan pita rakaman ucapan pemimpin-pemimpin pemerintah juga?

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, ini memang jadi amalan biasa kerana melalui bahan-bahan penerangan, bahan-bahan yang melibatkan dasar cara kita melaksanakan program pembangunan dan sebagainya, ini memang dihantar kepada pelajar-pelajar kita sebagai maklumbalas untuk mereka mengetahui apa yang Kerajaan lakukan di dalam negara kita sendiri.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Timbalan Menteri Pelajaran apabila benar adanya tep rakaman itu sudah tentulah pihak Kementerian tahu siapa yang terlibat memberi ucapan itu. Jadi apabila tahu siapa yang berucap adakah pihak Kementerian ini pernah membuat laporan kepada pihak berkuasa berkenaan supaya mereka itu diambil tindakan undang-undang dan kalau mereka itu merupakan parti

Pembangkok dalam negeri kita ini minta mereka itu membuktikan sejauh manakah kata-katanya itu benar?

Dato Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, dari segi tep itu biasanya tidak disebut pula siapa yang berucap dan kita pun tidak mengetahui kerana daripada tep-tep yang diserahkan balik kepada kita tidak ada menyebutnya. Walau macam manapun, kita tahu dari segi nada inti ucapan itu sudah tentu tidak datang daripada pihak lain melainkan daripada pihak Pembangkang.

Mengenai kandungannya pula memang tep-tep itu dikaji dan sekiranya dia mengandungi bahan-bahan yang berlawanan dengan undang-undang kita barulah kita mengambil tindakan.

Saya juga ingin menyatakan mengikut laporan tep-tep seperti itu yang mengandungi kritikan kepada pihak Kerajaan juga diedarkan di sini sama ada secara terbuka ataupun secara tidak terbuka dan kita juga bersifat toleransi di sini dan itulah sebabnya kita mengatakan di luar negeri pun kita juga bersikap toleransi dari segi tep itu kerana seperti saya katakan tadi tentang kesanya adalah terkawal.

PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA—KENAIKAN BARANGAN UTAMA

5. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri minta Menteri Kewangan menyatakan kemajuan yang dicapai di dalam pertumbuhan ekonomi negara kita sejak melambung naiknya harga-harga bagi barangan utama Malaysia di dalam pasaran dunia, terutamanya kelapa sawit dan getah.

Menteri Kewangan (Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, prestasi ekonomi negara telah bertambah baik berikutan dari pemulihan ekonomi antarabangsa

terutama sekali negara-negara rakan perdagangan Malaysia sejak separuh penggal kedua tahun 1983. Oleh kerana permintaan luar negeri telah bertambah akibat daripada pemulihan ekonomi antarabangsa itu, harga dan jumlah eksport bagi barangan utama Malaysia telah meningkat terutama sekali getah.

Di samping itu juga eksport barang-barang keluaran kilang seperti barang-barang elektronik dan bahan-bahan kimia telah bertambah.

Anggaran awal menunjukkan bahawa dalam tahun 1983, jumlah eksport telah meningkat kepada \$32,860 juta atau pertambahan sebanyak 16.9% berbanding dengan \$32,018 juta atau \$13.9% yang dianggarkan dalam Belanjawan 1984.

Di samping itu nilai import telah meningkat kepada \$30,803 juta, memberikan lebih dagangan kepada Malaysia bagi tahun 1983 sejumlah \$2,057 juta berbanding dengan kurangan yang berjumlah \$859 juta bagi keseluruhan tahun 1982.

Hasil daripada perkembangan yang menggalakkan dalam sektor eksport, pertumbuhan sebenar ekonomi Malaysia sekarang ini dianggarkan sebanyak 5.8% berbanding dengan kadar pertumbuhan sebanyak 5.6% dalam tahun 1982.

Berdasarkan kepada jangkaan bahawa ekonomi antarabangsa terutamanya negara-negara OECD akan bertambah kukuh dari 2.3% pada tahun 1983 kepada 3.5% dalam tahun 1984, permintaan luar negeri dijangka akan menjadi lebih kukuh dan ini akan mendorong pertumbuhan sebenar ekonomi Malaysia pada tahun 1984.

Anggaran terakhir menunjukkan bahawa ekonomi negara akan mencapai pertumbuhan 6.7% dalam tahun 1984 berbanding dengan 6% seperti yang dianggarkan dalam Belanjawan 1984.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa harga barangan utama khususnya kelapa sawit melambung naik baru-baru ini oleh kerana spekulasi tidak bertanggungjawab, judi yang terbesar di negara kita iaitu di Kuala Lumpur Commodity Exchange dan Kuala Lumpur Commodity Clearing House akan menjejaskan ekonomi negara ini bukan sahaja mengenai masa depan kelapa sawit baik pun daripada segi eksport dan penggunaan dan harga untuk pengguna-pengguna tetapi juga merosakkan imej negara kita khususnya usaha-usaha Kerajaan untuk menunjukkan Commodity Exchange utama di dunia. Apakah tindakan akan diambil oleh Kerajaan supaya dapat memulihkan terhadap Commodity Exchange itu khususnya mengenai integrity mereka yang bertanggungjawab menguruskan KLSE dan KLCCCH supaya skandal skandal itu tidak menjadi satu skandal yang lebih besar daripada Bumiputera Malaysia Finance?

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar tentang berlakunya amalan kurang sihat dalam Bursa Komoditi Kuala Lumpur baru-baru ini akibat spekulasi dan lain-lain tindakan yang diamalkan oleh setengah pihak. Dan Kerajaan walaupun telah menetapkan berbagai peraturan untuk menjamin supaya Bursa Komoditi itu akan digunakan dengan sebaik-baiknya untuk kepentingan semua pihak akan tetapi tak dapat hendak menutup semua lubang yang pandai dicari oleh golongan yang suka mengambil kesempatan untuk mencari keuntungan dengan cepat dan banyak.

Walau bagaimanapun, oleh kerana keadaan itu amat membimbangkan Kerajaan yang pada fikiran Kerajaan juga boleh menjejaskan imej Kerajaan di luar negeri mengenai pasaran komoditi, maka Kerajaan akan

mengambil semua langkah supaya dapat mengawal agar perkara itu tidak berulang lagi di masa hadapan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pemulihan ekonomi dunia itu yang disebutkan oleh Yang Berhormat mulai akan kekal buat beberapa tahun atau sementara beberapa bulan sahaja dan bilakah kadar pertumbuhan ekonomi negara kita akan pulih kepada kadar 8% setahun yang dianggarkan di dalam Dasar Ekonomi Baru.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, jawab yang ringkasnya, Tuhan sahaja yang mengetahui.

Tuan Lee Lam Thye: Tadi Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa Kerajaan akan mengambil beberapa langkah untuk memulihkan kepercayaan dan keyakinan kepada Bursa Komoditi Kuala Lumpur, di sini suka saya bertanya sama ada Yang Berhormat Menteri dapat memberitahu Dewan ini tentang apakah langkah-langkah yang pihak Kerajaan akan ambil untuk ke arah ini.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa langkah yang akan diambil nanti akan dimaklumkan kepada orang ramai apabila langkah itu hendak dibuat.

BAHAN UTAMA—JUMLAH PENGELUARAN 1980-1983

6. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berapakah jumlah pengeluaran bahan utama seperti getah, timah, kelapa sawit, kayu kayan dan minyak dalam tahun 1980-1983. Berapakah jumlah eksport berbanding dengan pemerosesan dalam negeri. Setakat mana dan bagaimanakah dasar

perindustrian berhubung dengan pemerosesan bahan-bahan mentah tempatan boleh dikatakan berjaya.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, mengikut angka dari terbitan Kerajaan, pengeluaran bahan-bahan utama seperti getah, timah dan timah padat (tin concentrated), minyak kelapa sawit mentah, kayu balak, kayu yang digergaji dan petroleum mentah, bagi tahun 1980-1983 adalah berjumlah seperti berikut:

Bahan Utama/Tahun	1980	1983
Getah ('000 tan metrik)	1.530	1.530
Timah dan timah padat ('000 tan metrik)	61.4	39.0

Tuan Yang di-Pertua: Adakah panjang jawapan itu, Yang Berhormat?

Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-haj: Panjang juga (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta supaya diberikan jawapan bertulis.

TANAMAN KOKO— KEDUDUKAN MALAYSIA

7. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Malaysia sekarang menjadi pengeluar utama koko di dunia, berapa hektar tanah yang sedang ditanam dengan koko, berapa metrik tan koko telah dihasilkan dan apakah jenis barang makanan yang dihasil daripada koko tempatan oleh pengusaha-pengusaha tempatan.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhut Wan): Tuan Yang di-Pertua, Malaysia merupakan Negara ke tujuh dalam pengeluaran koko dunia.

Sehingga akhir tahun 1983 keluasan tanaman koko di negara ini dianggarkan 167,000 hektar dan menghasilkan sebanyak 80,000 tan metrik biji koko kering. Barangan makanan dari koko yang dihasilkan oleh pengusaha-pengusaha tempatan adalah seperti kepingan koko, serbuk koko, coklat, minuman dan koko candies.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Soalan tambahan. Sebagai dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian tadi Malaysia merupakan negara yang ke tujuh di dunia dalam pengeluaran koko. Maka Institut Getah (RRI) ada ditubuhkan di Malaysia dan Instituti Kelapa Sawit yang dinamakan PORIM ada ditubuhkan di Malaysia, adakah Kementerian ini menubuhkan sebuah institut berkenaan dengan koko?

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, untuk membetulkan keterangan saya tadi kepada Yang Berhormat itu, koko ialah tanaman yang bukan nombor tujuh, tetapi nombor tiga. Yang nombor satu, getah dan nombor dua kelapa sawit. Yang saya sebutkan negara yang mengeluarkan koko dalam dunia ini, kita nombor tujuh, negara Malaysia yang mengeluarkan, nombor tujuh dalam senarai (list). Jadi, syor yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu akan dipertimbangkanlah. (*Ketawa*).

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa banyak pokok koko kepunyaan pekebun-pekebun kecil di Sarawak selalu diserang dengan penyakit-penyakit koko tanpa pekebun kecil berkenaan tidak mampu mengubati penyakit-penyakit itu dan, jika ya, apakah tindakan yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini?

Tuan Luhut Wan: Pihak Kementerian Pertanian sedar terhadap masalah itu Tuan Yang di-Pertua. Sekarang Kerajaan negeri sedang menelitikan dengan mendalam lagi.

SUBSIDI MINYAK DIESEL— AKIBAT PEMBATALAN

8. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar akibat pembatalan subsidi minyak diesel, ia telah mencetuskan satu pusingan-pusingan inflasi yang terbaru;
- (b) sama ada Kementerian beliau sedar tentang kenaikan harga barang-barang pengguna, selain dari Barang-barang Terkawal; dan
- (c) apakah tindakan Kementerian beliau tentang harga barang yang dinaikkan secara sewenang-wenangnya.

21-3-84

2. Dr Chen Man Hin minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk mengawal inflasi serta menahan harga-harga daripada terus meningkat memandangkan bayaran pengangkutan telah meningkat, harga minyak tanah pula telah meningkat dari 45 sen kepada 60 sen sebotol serta juga harga minyak masak telah meningkat dari \$1.40 sebotol kepada \$2.80.

6-4-84

29. Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa harga barang-barang keperluan harian akhir-akhir

ini telah naik. Jika beliau sedar, apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil bagi mengatasi kenaikan harga barang-barang tersebut.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Oo Gin Sun): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan hari ini bersama dengan soalan daripada Yang Berhormat Dr Chen Man Hin pada 21-3-1984 dan soalan daripada Yang Berhormat Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid pada 6-4-1984, memandangkan ketiga-tiga soalan ini mempunyai pokok persoalan yang sama.

Untuk menjawab soalan (a), Kementerian saya sedar bahawa penarikan balik subsidi diesel telah memberi kesan kepada pihak-pihak yang menggunakan diesel, tetapi sama ada ini telah mencetuskan satu pusingan inflasi yang terbaru hanya dapat dilihat jika kita kaji Angkatunjuk Harga Pengguna untuk awal tahun ini. Walaupun angka ini belum dikeluarkan tetapi saya telah difahamkan bahawa Angkatunjuk Harga Pengguna untuk bulan Januari, 1984 tidak dijangka berbeza jauh dari kadar inflasi bagi seluruh tahun 1983. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar inflasi untuk tahun 1983 bagi Semenanjung Malaysia ialah 3.7%. Memandangkan ini, saya tidak bersetuju bahawa pembatalan subsidi telah mencetuskan satu pusingan inflasi yang terbaru.

Mengenai soalan (b), Kementerian saya sedar bahawa selain dari barang-barang terkawal, terdapat kenaikan harga barang-barang pengguna. Kenaikan harga barangan tidak dapat dielakkan sama sekali lebih-lebih lagi bagi negara kita yang mempraktikkan ekonomi terbuka di mana terdapat juga tekanan-tekanan inflasi yang di

luar kawalan kita seperti kenaikan kos import, kuasa penawaran dan permintaan di pasaran, perubahan-perubahan harga yang bermusim atau seasonal, dengan izin, dan sebagainya.

Untuk menjawab soalan (c), bagi barang-barang keperluan yang diawasi harganya oleh Kerajaan seperti gula, tepung gandum, susu pekat, barang-barang petroleum iaitu petrol, diesel, minyak tanah, LPG, simen dan besi keluli, pengeluar-pengeluar tidak boleh menaikkan harga sewenang-wenangnya oleh kerana tiap-tiap cadangan mereka untuk mengubah harga perlu mendapat persetujuan Kerajaan terlebih dahulu. Sebelum Kerajaan memberi persetujuan, kajian-kajian terperinci kos-kos pengeluaran dan pendedaran akan dibuat. Di samping itu, terdapat 111 jenis barangan yang tertakluk kepada penandaan harga ke atasnya di bawah Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1977. Penandaan harga ini bertujuan membantu pengguna membuat bandingan harga antara satu kedai dengan kedai yang lain sebelum melakukan sesuatu pembelian. Kerajaan juga sentiasa memastikan bahawa bekalan barang-barang keperluan sentiasa stabil dan mencukupi untuk menampung permintaan pengguna. Dengan adanya kestabilan bekalan, Kerajaan yakin bahawa para peniaga tidak akan berkesempatan untuk melakukan sebarang amalan manipulasi harga dan menaikannya dengan sewenang-wenangnya. Salah satu lagi tindakan yang diambil oleh Kerajaan ialah langkah-langkah fizikal seperti penghapusan atau pengurangan cukai import atas barang-barang keperluan seperti makanan dan bahan-bahan mentah.

Kerajaan juga berharap semoga pengguna dapat berbelanja secara rasional, membeli hanya apabila perlu

dan jangan sesekali terburu-buru membeli sesuatu tanpa menentukan terlebih dahulu keperluan dan kemampuan diri sendiri.

DASAR PERTANIAN MALAYSIA

9. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Pertanian menyatakan cara manakah Dasar Pertanian Negara sepertimana yang diisytiharkan oleh Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini membantu membenteras kemiskinan di dalam sektor pertanian bersangkutan dengan Rangka Rancangan Jangka Panjang dan mengapakah Dasar Pertanian Negara tidak mengandungi matlamat tertentu mengurangkan kemiskinan.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, kemiskinan di sektor pertanian dapat dikurangkan dengan memaksimumkan pendapatan kebun menerusi peningkatan daya pengeluaran. Dasar Pertanian Negara yang diumumkan baru-baru ini menekankan kepada peningkatan pendapatan daripada pertanian melalui penggunaan sumber-sumber yang lebih cekap. Peningkatan pendapatan dari kebun sudah tentunya dapat menambahkan pendapatan petani-petani dan seterusnya menyumbangkan kepada penyelesaian masalah dan kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda.

Tuan Othman bin Abdul: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menyebutkan bahawa dalam Dasar Pertanian Negara telah pun mementingkan soal daya pengeluaran dan pendapatan. Adakah pihak Kementerian sedar bahawa beberapa unsur penting di dalam Dasar

Pertanian Negara ini telah ditinggalkan terutamanya masalah kemanusiaan dan institusi-institusi yang akan menggerakkan sumber pengeluaran? Yang kedua, harga hasil keluaran telah tidak ditimbang dengan kos input-input pertanian. Jika sekiranya pihak Kementerian sedar apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi mengatasi perkara ini?

Tuan Luhat Wan: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat mengatakan kita telah meninggalkan kebanyakan yang ada tercatat di bawah Dasar Pertanian Negara, yang sebenarnya kita menuju ke dasar ini oleh kerana Dasar Pertanian Negara ini telah diumumkan sebelum lama dahulu. Jadi, kita sekarang sedang mengatur program-program yang tertentu supaya selaras dengan Dasar Pertanian Negara.

Tuan Newman Gaban: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, sama ada pendapatan yang diperolehi melalui eksport bahan-bahan pertanian telah menyumbangkan dengan berkesan kepada pembasmian kemiskinan di luar bandar. Jika tidak nyatakan pihak nanakah yang telah mendapat faedah dari perkembangan dan kemajuan bahan-bahan eksport pertanian yang tersebut.

Tuan Luhat Wan: Tuan Yang di-Pertua, mengikut maklumat yang kita ketahui semua pihak.

GURU-GURU DI SEKOLAH CHINA

10. Dato Michael Chen Wing Sum minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada benar bahawa pada awal tahun ini, Kementerianya masih menghadapi kesusahan untuk

mendapatkan cukup guru-guru untuk mengajar di sekolah Cina dan jika ya, apakah langkah yang Kerajaan telah ambil atau akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Khalil Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tidak ada masalah besar untuk mendapatkan guru mengajar di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina. Pada awal tahun ini memang terdapat sekolah-sekolah yang mengalami sedikit kekurangan guru terlatih. Langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah ini adalah:

- (i) Menempatkan guru-guru baru keluaran maktab-maktab perguruan ke sekolah-sekolah yang mempunyai kekosongan.
- (ii) Bagi sekolah-sekolah yang mempunyai lebih guru, guru-guru yang berlebihan ini akan ditukarkan ke sekolah-sekolah yang kekurangan guru.
- (iii) Guru-guru sandaran tanpa latihan telah diambil untuk mengisi baki kekosongan di mana perlu.

Tuan Chan Kok Kit: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran beri tahu sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa masalah mendapatkan guru-guru yang cukup untuk mengajar di sekolah-sekolah Cina adalah satu masalah yang berlaku setiap tahun dan Kerajaan tidak diberi perhatian yang sepenuhnya kepada masalah ini. Adakah Kerajaan sengaja tidak mahu mengatasi masalah ini, kerana dia mahu lambat laun menukar sekolah-sekolah Cina menjadi sekolah kebangsaan di mana kuasa ini terletak dalam tangan Menteri Pelajaran menurut Fasal 21 (2) Akta Pelajaran 1961?

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat adalah tidak benar kita tidak memberi perhatian kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dari segi mendapatkan guru-guru yang secukupnya. Saya ingin mengatakan di sini, kekosongan adalah disebabkan oleh kerana dari segi pemohon-pemohon yang datang daripada masyarakat Cina kurang yang minat menjadi guru. Dan mereka yang memohon jumlah besarnya adalah wanita walaupun tidak berapa tetapi selepas ditemuduga jumlah besar daripada yang memohon sudahlah angkanya kecil tidak pula didapati mempunyai kelayakan untuk menjadi guru, ini sebenar masalahnya. Saya tidaklah hendak bertaki dengan Ahli Yang Berhormat yang menyebut fasal yang mengatakan seolah-olahnya kita hendak menukarkan corak sekolah ini kepada sekolah kebangsaan, ini merupakan satu soalan lain. Tetapi ingin saya menyarankan iaitu memang tidak benar, kita tidak memberi perhatian untuk menyelesaikan masalah-masalah yang ada di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Seow Hun Khim.

(Soalan No. 11 Y.B. Tuan Seow Hun Khim tidak hadir).

MASYARAKAT TURKI DI PULAU CYPRUS

12. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat minta Menteri Luar Negeri menyatakan sikap Kerajaan Malaysia terhadap tindakan masyarakat Turki di Pulau Cyprus yang telah mengisytiharkan Kemerdekaan Wilayah mereka dari pemerintahan Kerajaan keturunan Greek di pulau itu.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa itu sebagaimana yang telah dinyatakan dalam kenyataan dalam Menteri Luar Negeri Malaysia pada 21hb November, 1983 mengenai perkara yang sama, Malaysia tidak bersetuju dengan sebarang langkah yang akan membawa kepada pembahagian (dismemberment) sebuah negara yang berdaulat. Mengenai Cyprus, Malaysia sentiasa akan menyokong tuntutan yang adil dan sah masyarakat Cyprus keturunan Turki untuk menjadi rakan perkongsian yang setaraf dengan masyarakat Cyprus keturunan Greek dalam satu rangka sebuah negara Republic Cyprus yang merdeka dan berdaulat. Malaysia juga berpendirian bahawa masyarakat Cyprus keturunan Turki mempunyai hak untuk didengar di dalam semua forum-forum antarabangsa di mana isu Cyprus itu dibangkitkan. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Rauf Denktash pemimpin masyarakat Cyprus keturunan Turki sendiri dalam suatu kenyataannya bahawa sebenar-benarnya mereka bertujuan untuk mencari penyelesaian yang adil dan berkekalan dan perisytiharan itu bukanlah muktamat tetapi bertujuan untuk membuka jalan bagi usaha yang serius ke arah pencapaian perpaduan dalam sebuah negara Cyprus yang bersatupadu dan adil. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya bacakan sebahagian daripada kenyataan Rauf Denktash itu; Bahawa perisytiharan itu "will not hinder but facilitate the establishment of a genuine Federation".

LEBUH RAYA ALOR SETAR— GUA CHEMPEDAK, KEDAH

13. Tuan Othman bin Abdul minta Menteri Kerjaraya menyatakan apakah nama pemborong yang

mendapat tawaran 30% daripada projek bagi pembinaan Lebu Raya Alor Setar-Guar Chempedak, Kedah. Adakah pihak Kementerian sedar bahawa pemborong induk dari Taiwan telah tidak mementingkan pemborong-pemborong tempatan dalam kerja-kerja kecil (sub-kontrak) bagi pembinaan jalan tersebut. Jika sedar, mengapa tindakan tidak diambil bagi membaiki keadaan berkenaan supaya sekurang-kurangnya pemborong tempatan mendapat sedikit faedah dari hasil pembangunan negara.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, projek yang dimaksudkan itu ialah projek Lebuhraya Alor Setar-Gurun sepanjang 32 km. Pemborong yang ditawarkan bagi kerja pembinaan projek itu ialah Ret-Ser Engineering Agency dari Taiwan. Kontraktor dari Taiwan itu adalah menjalankan projek ini secara usahasama dengan sebuah syarikat tempatan bertaraf bumiputera iaitu Kerjaya Binaan Sdn. Bhd. yang mana Kerjaya Binaan Sdn. Bhd. akan menjalankan kerja bernilai 30% dari kerja kontrak itu. Kontraktor serta rakan usaha sama itu telah pula memberikan beberapa kerja tertentu kepada kontraktor-kontraktor kecil (sub-kontraktor) tempatan. Oleh itu adalah tidak benar menyatakan bahawa pemborong induk dari Taiwan tidak mementingkan pemborong-pemborong tempatan dalam kerja pembinaan lebuhraya tersebut.

INDUSTRI-INDUSTRI TANPA INSENTIF

14. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan memandangkan bahawa lebih banyak lagi industri-industri tanpa insentif cukai (2,080 dalam tempoh 1971-1979) telah diluluskan daripada cukai

industri dengan insentif cukai (1,168 bagi tempoh yang sama), apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengkaji semula insentif-insentif cukai ini supaya mereka cukup menarik untuk menggalak penubuhan lebih banyak lagi industri-industri untuk menentang difisit yang kian memburukkan belanjawan negara kita dan adakah Menteri berkenaan dapat memberitahu Dewan yang mulia apakah perubahan-perubahan kepada insentif-insentif cukai industri ini.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa bilangan projek yang telah diluluskan dengan galakan cukai dalam tahun 1971 hingga 1979 adalah kurang berbanding dengan bilangan projek yang telah diluluskan tanpa sebarang galakan cukai. Bilangan projek yang telah mendapat galakan cukai dalam tempoh tersebut adalah 1,777 manakala 2,078 projek telah diluluskan tanpa galakan cukai. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna bahawa usaha-usaha perlu diambil untuk menambahkan bilangan projek-projek yang diberi galakan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemberian galakan adalah berdasarkan kepada beberapa kriteria seperti penempatan projek, kadar eksport, tahap teknologi, kesan-kesan "spin-off" dan "linkage" penggunaan bahan tempatan serta jenis barang yang dikilang.

Namun begitu, sukalah saya jelaskan bahawa sesebuah syarikat yang tidak menikmati galakan cukai di bawah Akta Galakan Pelaburan 1968 masih berpeluang untuk menikmati galakan yang diadakan melalui Akta Cukai Pendapatan 1967. Syarikat berkenaan masih layak mendapat galakan Elaun Pelaburan Semula (Reinvestment Allowance) jika syarikat mengalami pembesaran yang diluluskan oleh Kementerian saya. Perbelanjaan yang

layak hendaklah dibuat sebelum akhir tahun taksiran 1985. Di samping itu syarikat-syarikat yang tidak menikmati galakan seperti Taraf Perintis, Galakan Menggunakan Buruh dan Galakan Tempat Kedudukan adalah layak mendapat galakan elaun eksport bernilai 5% dari nilai f.o.b. keluaran syarikat, jika syarikat mengeksport keluaran mereka.

Kajian semula sistem galakan dengan tujuan untuk meningkatkan kekesanannya sedang dijalankan dan perakuannya dijangka akan dikemukakan kepada Kerajaan dalam separuh masa kedua tahun ini. Adalah terlalu awal untuk menghuraikan syor-syor yang akan dikemukakan nanti.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah.

(Soalan No. 15 Y.B. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah tidak hadir).

LAWATAN MENTERI LUAR CHINA KE MALAYSIA

16. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah pokok perbincangan yang dijalankan dengan Menteri Luar China semasa lawatannya ke Malaysia baharu-baharu ini. Sejauh manakah keputusan dan hasil dari perbincangan itu akan dapat mewujudkan keamanan di rantau ini.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum Menteri Luar China Encik Wu Xueqian telah bertemu dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Yang Berhormat Mulia Menteri Perdagangan, Yang

Berhormat Menteri Perusahaan Utama dan Menteri Luar Negeri sendiri semasa lawatan beliau ke Malaysia pada 25hb-28hb Februari, 1984.

Menteri Luar Negeri sendiri telah berbincang dengan Encik Wu sebanyak empat kali yang merangkumi masa selama 5 jam. Perbincangan ditumpukan kepada soal-soal hubungan dua hala, regional dan juga antarabangsa. Encik Wu juga telah menerangkan kepada kita mengenai kedudukan terakhir berkenaan dengan for modernisation programme mereka dan juga menerangkan kepada kita tentang apa yang sedang berlaku di dalam bidang ekonomi negara tersebut. Saya percaya bahawa perkara ini memberi minat kepada peniaga-peniaga kita kerana ianya membuka banyak peluang kepada peniaga-peniaga kita.

Dalam isu hubungan dua hala kami telah berbincang mengenai hubungan Parti Komunis China dengan Parti Komunis Malaya, soal-soal lawatan ke China tanpa kebenaran oleh rakyat Malaysia dan juga soal-soal perdagangan. Kami juga telah mengambil kesempatan untuk menerangkan kepada Encik Wu berkenaan dengan Dasar Ekonomi Baru kerana inilah lawatan pertama beliau ke Malaysia.

Berkenaan dengan hubungan China dengan Parti Komunis Malaya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Luar Negeri juga telah mengambil kesempatan membangkitkan perkara ini dengan Encik Wu. Kami menegaskan kepada Encik Wu bahawa perhubungan China dengan PKM telah menghalang kita dari meningkatkan hubungan dua hala yang ada di antara Malaysia dan China di peringkat

Kerajaan dengan Kerajaan. Pihak negeri China masih berpegang kepada dasar lamanya iaitu membezakan perhubungan Kerajaan dan Kerajaan dan rakyat dengan rakyat. Encik Wu berjanji untuk memberi perhatian yang sewajarnya kepada masalah ini dan secara perlahan-lahan menyelesaikannya.

Sebagaimana kita sedia maklum pihak China telah memberhentikan siaran radio Suara Revolusinya pada tahun 1981. Namun demikian bagi pihak kita selagi China tidak mengubah sikapnya terhadap PKM kita hanya akan meneruskan hubungan di peringkat Kerajaan dengan Kerajaan sahaja yang mana buat masa ini adalah, dengan izin, correct and proper.

Berkaitan dengan lawatan ke China tanpa kebenaran itu pula, Kerajaan kita telah menyedari bahawa terdapat rakyat Malaysia yang telah melawat ke China tanpa mendapat kebenaran dari Kementerian Dalam Negeri. Ada kemungkinan bahawa terdapatnya agensi-agensi China seperti China Travel Service di Hongkong yang menggalakkan lawatan ini tanpa pengetahuan Kerajaan Pusat di Peking.

Di dalam bulan Disember tahun lepas, Menteri Luar Negeri telah menulis surat kepada Encik Wu mengenai perkara ini dan meminta beliau memastikan bahawa perkara ini tidak akan berlaku di masa-masa hadapan. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri Luar Negeri telah mengemukakan perkara ini sekali lagi kepada Encik Wu. Sukacita dimaklumkan kepada Dewan ini bahawa Encik Wu telah berjanji pada masa-masa hadapan visa tidak akan diberi kepada rakyat Malaysia yang ingin melawat ke China tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Kerajaan kita. Encik Wu telah mencadangkan supaya bahagian

Konsular bagi kedua-dua buah negara bertemu dan berbincang untuk mencari cara-cara untuk mengatasi masalah ini.

Wisma Putra dengan kerjasama lain-lain Jabatan Kerajaan sedang membuat tindakan susulan bagi menyelesaikan isu ini. Patutlah ditegaskan bahawa peraturan ketat yang dikenakan terhadap lawatan ke negara China dan sebaliknya adalah disebabkan oleh polisi Kerajaan China yang membezakan hubungan Kerajaan dengan Kerajaan dan rakyat dengan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Dasar Ekonomi Baru, pemimpin-pemimpin Kerajaan kita telah menyatakan kepada Encik Wu rasa ketidakpuasan hati kita terhadap sikap China yang tidak memberi layanan secukupnya kepada badan-badan seperti PERNAS dalam konteks hubungan dagangan Malaysia-China. Kami menggesa agar pihak China membenarkan PERNAS untuk memainkan peranan yang lebih penting dalam perdagangan dua hala selaras dengan cita-cita Dasar Ekonomi Baru. Kami bersukacita untuk memberitahu Dewan bahawa Encik Wu telah berjanji untuk berbincang dengan agensi-agensi Kerajaan China mengenai perkara ini dengan lebih mendalam lagi dengan tujuan membenarkan PERNAS memainkan peranan yang lebih aktif lagi. Kata akhirnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa ia akan menyimpan hujah-hujah kita dalam hati sanubarinya.

Mengenai isu-isu regional pula, kami telah pun mengadakan perbincangan yang meluas dari isu Kampuchea hinggalah kepada soal-soal di Asia Barat. Encik Wu sekali lagi menegaskan bahawa China mahukan Kampuchea menjadi sebuah Kerajaan diketuai oleh Sihanouk yang bebas.

berkecuali; bukan sosialis dan merdeka yang mana ini menyamailah hasrat Kerajaan kita.

Berkenaan dengan situasi di Asia Barat, China mempunyai pandangan yang sama dengan kita. Encik Wu juga telah memberitahu kepada kita akan kedudukan China terhadap Hongkong, Taiwan dan Semenanjung Korea. Beliau memastikan bahawa China akan terus berusaha untuk mengekalkan sistem sosial, pentadbiran dan perundangan yang ada sekarang di Hongkong. Dalam konteks ini kita diberi penerangan-penerangan yang mendalam. Beliau juga memastikan kepada kita bahawa mereka juga akan berusaha untuk mengekalkan keamanan dan kestabilan di Semenanjung Korea. Ini tentunya akan membantu kepada pencapaian keamanan dan kestabilan kepada rantau Asia Timur.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi

Pertanyaan No. 6, 11, 15 dan 17 hingga 35 adalah diberi di bawah ini).

BAHAN UTAMA—JUMLAH PENGELUARAN 1980-1983

6. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berapakah jumlah pengeluaran bahan utama seperti getah, timah, kelapa sawit, kayu kayan dan minyak dalam tahun 1980-1983. Berapakah jumlah eksport berbanding dengan pemerosesan dalam negeri. Setakat mana dan bagaimanakah dasar perindustrian berhubung dengan pemerosesan bahan-bahan mentah tempatan boleh dikatakan berjaya.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Mengikut angka-angka dari terbitan Kerajaan, pengeluaran bahan-bahan utama getah, timah dan timah padat (tin concentrate), minyak kelapa sawit mentah, kayu balak dan kayu digergaji dan petroleum mentah, untuk tahun 1980-1983 adalah berjumlah berikut:

Pengeluaran bahan-bahan utama 1980-1983

Bahan \ Tahun	1980	1981	1982	1983
Getah ('000 tan metrik)	1,530	1,510	1,516	1,530*
Timah dan timah padat ('000 tan metrik)	61.4	59.9	52.3	39.0*
Minyak kelapa sawit mentah ('000 tan metrik)	2,573	2,822	3,511	3,016
Kayu balak ('000 meter padu) . .	27,916	30,655	32,907	34,540*
Kayu digergaji ('000 meter padu)	6,233	5,480	6,280	6,920*
Petroleum mentah ('000 tong) . .	275.0	258.1	303.2	381.6*

* anggaran

1 metrik tan=7.3 tong (barrel)

Mengikut angka-angka dari laporan-laporan yang sama jumlah bahan-

bahan tersebut untuk tempoh yang sama adalah seperti berikut:

Eksport Bahan-bahan Utama 1980-1983

<i>Bahan</i>	<i>Tahun</i>				
	<i>1980</i>	<i>1981</i>	<i>1982</i>	<i>1983*</i>	
Getah ('000 tan metrik)	1,526	1,483	1,378	1,500	
Timah ('000 tan metrik)	69.5	66.5	48.6	53.0	
Minyak kelapa sawit mentah ('000 tan metrik)	197.7	138.8	78.1	70.1	
Kayu balak ('000 meter padu) ..	15,152	15,816	19,277	20,700	
Kayu digergaji ('000 meter padu) ..	3,000	2,698	2,943	3,200	
Petroleum mentah ('000 tan metrik) ..	11,252	10,143	11,973	14,046	

* anggaran

1 metrik tan=7.3 tong (Barrel)

Pada keseluruhannya pemerosesan bahan-bahan utama tempatan telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada sektor swasta. Sebagai contoh lebih kurang 68,000 metrik tan setahun dari jumlah pengeluaran tahunan getah adalah diproses untuk keluaran-keluaran seperti tayar, tiub, sarong tangan, tilam, barang 'extruded' dan 'moulded' seperti 'rubber hoses' dan sebagainya. Kayu balak di Sabah dan Sarawak dieksport sebanyak 90% tetapi peratus eksport kayu balak di Semenanjung hanya sebanyak 5% sahaja. Yang lainnya dieksport dalam lain-lain bentuk kayu seperti kayu digergaji, veneer, papan lapis, kayu kumai (timber moulding) dan sebagainya. Keadaan yang berbeza ini mungkin berpunca daripada pasaran dan bermulanya industri kayu lebih awal di Semenanjung berbanding dengan Sabah dan Sarawak. Sebanyak 1.9% dari jumlah pengeluaran timah setahun digunakan dalam negeri untuk kerja saduran, keluaran-keluaran pewter

dan lain-lain. Mengenai petroleum pula, walaupun kita mengeluarkan petroleum mentah, kita masih mengimport petroleum mentah terutamanya dari negeri Timor Tengah. Ini merupakan dasar kita. Di samping kilang-kilang penapis swasta, Shell dan Esso, sama ada di Semenanjung atau di Sarawak, loji penapis minyak Petronas di Kerteh telah pun memulakan pengeluaran sejak bulan Mac, 1983 dengan keupayaan terancang 30,000 tong sehari. Mengenai minyak kelapa sawit mentah pula, buat masa ini, hanya 2% daripada jumlah pengeluaran, dieksport dalam bentuk minyak kelapa sawit mentah.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, memang menjadi dasar kerajaan mengalakan lebih pemerosesan tempatan bagi bahan-bahan mentah tersebut, dengan memberikan galakan-galakan tertentu seperti yang diperuntukkan di bawah skim galakan yang sedia ada. Namun

demikian, kejayaan kerajaan memupuk industri-industri seperti itu bergantung kepada faktor-faktor di luar bidang kuasa kita seperti pasaran sama ada pasaran tempatan atau pasaran eksport bagi keluaran siap, faedah bandingan yang didapati oleh pengilang-pengilang dan industri berkenaan di Malaysia dan juga dasar atau strategi pemasaran kita terhadap bahan mentah tertentu. Tidak dapat tiada Kerajaan akan terus mengambil langkah-langkah yang positif untuk terus memberi perhatian utama kepada dasar perindustrian yang bertujuan meningkatkan nilai ditambah kepada keluaran kita, contohnya, menggalakan industri 'oleo chemical' dan 'fatty-alcohol' iaitu proses lanjutan dari minyak kelapa sawit.

PENYELARASAN JABATAN- JABATAN KERAJAAN

11. Tuan Seow Hun Khim minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar tidak ada penyelarasan di antara pihak Jabatan Kerja Raya, Jabatan Telekom dan pihak Berkuasa Air, sebaik-baik sahaja sesuatu jalan diturap dengan sempurna, beberapa hari kemudiannya, ia akan dikorek dan dirosakkan oleh Jabatan Telekom atau Pihak Berkuasa Air untuk menanam kabel atau paip air dan perbuatan serupa ini telah membazirkan wang rakyat dan apakah tindakan yang akan diambil untuk mengelakkan pembaziran wang rakyat.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Kerajaan sememangnya menyedari akan perlunya masalah ini diselesaikan secara jangka panjang. Atas hakikat ini, Kerajaan telah menubuhkan sebuah jawatankuasa di peringkat Persekutuan iaitu Jawatankuasa Penyelaras Masalah-masalah Laluan bagi menjalankan kajian mengenalpasti dan menentukan kaedah-kaedah untuk menempatkan

sesalur paip air, kabel letrik dan kabel telekom di bawah rizab bersama iaitu 'common reserve'.

Kajian awal Jawatankuasa ini mendapati konsep menempatkan kemudahan-kemudahan awam iaitu sesalur paip, kabel letrik dan kabel telekom di bawah rizab bersama boleh dilaksanakan. Walau bagaimanapun, pembangunan rizab bersama ini akan melibatkan perbelanjaan kewangan yang besar terutamanya di bandar-bandar yang padat dengan pembangunan.

Kerja-kerja membaiki, yang dijalankan oleh Jabatan Telekom, Lembaga Letrik Negara dan Jabatan Bekalan Air, memangnya tidak dapat diselaraskan setiap kali, kerana kerja seperti ini dibuat secara kecemasan atau "emergency". Kerosakan ke atas sesuatu kemudahan seperti, paip air, atau kabel telekom berlaku secara mendadak. Oleh itu Jabatan-jabatan berkenaan terpaksa menjalankan kerja-kerja pembaikan (repairs) ke atas kemudahan itu apabila kerosakan berlaku. Sudah tentu Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa kerosakan seperti itu boleh berlaku bila-bila masa sahaja dan tidak dapat dirancangkan.

ANCAMAN PERANG NUKLEAR

15. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Luar Negeri menyatakan memandangkan betapa bahayanya kesan ledakan bom nuklear terhadap nyawa dan keselamatan umat manusia serta tamadun dunia adakah Kerajaan bercadang untuk mengambil bahagian yang aktif bersama-sama lain-lain negara dunia bagi menentang perang nuklear di dunia ini. Jika ada apakah langkah-langkah positif yang telah dilakukan ke arah itu. Jika tidak mengapa.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Malaysia sebagai sebuah negara yang cintakan kedamaian,

mempunyai pandangan yang sama dengan masyarakat antarabangsa mengenai bahaya besar yang terdedah kepada kita mengenai ancaman perang nuklear.

Peralatan senjata nuklear yang pada masa ini adalah di dalam tangan kuasa-kuasa besar meyakinkan bahawa muka bumi ini akan musnah sama sekali jika kuasa-kuasa besar ini memutuskan untuk menggunakan senjata-senjata ini. Ancaman terhadap kita semua dimuka bumi ini adalah amat serius dan Malaysia bersama-sama dengan negara-negara lain menolak sama sekali pernyataan bahawa keamanan dan keselamatan akan berkekalan hanya dengan adanya perseimbangan "nuclear deterrence". Kita telah menyaksikan beberapa kali dalam masa-masa yang lepas bahawa konsep perseimbangan senjata nuklear hanya mempercepatkan lagi perlumbaan senjata nuklear kerana kuasa-kuasa besar ini tidak dapat bersetuju tentang apakah yang dikatakan perseimbangan nuklear. Tambahan pula konsep sedemikian menggalakkan lagi negara-negara sederhana untuk membesarkan gudang nuklearnya agar tidak jauh ketinggalan dari kedua-dua kuasa besar tersebut. Dengan demikian masyarakat antarabangsa mempunyai tanggungjawab bagi menentukan pencapaian perlucutan senjata secara am dan sepenuhnya.

Dalam hal ini, Malaysia telah mengambil bahagian yang aktif di dalam Sessi Khas Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Perlucutan Senjata dan menggesa kuasa-kuasa besar mengambil tindakan segera supaya ancaman dari perang nuklear dapat dihapuskan. Malaysia juga telah menandatangani beberapa perjanjian antarabangsa seperti Nuclear Non Proliferation Treaty kerana kita percaya ini adalah langkah yang positif untuk mengurangkan bahaya perang nuklear.

Malaysia percaya bahawa penubuhan kawasan-kawasan aman dan bebas antara negara-negara serantau akan menggalakkan pencapaian keamanan dunia, serta menggalakkan persefahaman di antara negara-negara sedunia. Dalam konteks ini, Malaysia memainkan peranan yang aktif dalam usaha-usaha untuk mencapai matlamat supaya rantau Asia Tenggara menjadi rantau aman, bebas dan berkecuali.

Di samping itu, Malaysia menyeru kuasa-kuasa besar yang mempunyai senjata nuklear mengambil berat amaran masyarakat antarabangsa serta mengambil langkah-langkah yang wajar untuk mengurangkan perlumbaan senjata ini. Kita memandang berat penangguhan perundingan-perundingan di antara Amerika Syarikat dan Soviet Union mengenai pengurangan senjata-senjata nuklear strategic dan theatre. Perundingan-perundingan seperti itu perlu dimulakan semula dengan secepat mungkin dan kedua-dua kuasa besar tersebut hendaklah menyalung perundingan sehingga mencapai penyelesaian yang memuaskan.

Malaysia berpendapat bahawa perbincangan di antara kedua-dua kuasa-besar ini perlu diperluaskan lagi untuk meliputi perbincangan mengenai prinsip campurtangan dalam hubungan mereka dengan negara-negara ketiga. Kuasa-kuasa besar ini perlu mencapai satu persefahaman mengenai peranan mereka dalam hubungan mereka dengan negara-negara ketiga, iaitu ditahap mana letaknya kepentingan sah mereka dan setakat manakah kepentingan ini merupakan campurtangan. Dalam konteks ini, kita percaya bahawa negeri China yang merupakan sebuah kuasa besar patut diberi peluang mengambil bahagian di dalam perbincangan ini. Satu persetujuan mengenai kepentingan sah mereka

dalam hubungan dengan negara-negara ketiga dan ditahap mana ia merupakan campurtangan akan meyakinkan negara-negara sederhana seperti kita untuk menikmati kestabilan dan keamanan untuk kemakmuran rakyatnya.

TANAH RUNTUH—KAJIAN

17. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Kerja Raya menyatakan, memandang bahawa semasa musim hujan beberapa kejadian tanah runtuh telah berlaku disepanjang beberapa batang jalan raya menyebabkan lalulintas tergendala, adakah kajian-kajian awal telah dibuat bagi mengenalpasti tempat-tempat yang berkemungkinan tanah runtuh akan berlaku semasa musim hujan.

Dato' S. Samy Vellu: Ya, Kementerian saya memang ada membuat kajian awal untuk mengenalpasti tempat-tempat yang berkemungkinan berlakunya tanah runtuh.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat oleh kerana jalan-jalan yang dibina adalah panjang dan keadaan tanah adalah berbeza dari satu tempat ke satu tempat yang lain maka kajian tanah adalah dibuat secara "sampling" dan ini adalah berasaskan kepada pengalaman dan mengikut amalan antarabangsa. Sungguhpun amalan ini tidak dapat menjamin bahawa tanah-tanah runtuh tidak akan berlaku tetapi ianya boleh mengurangkan kejadian tersebut.

EMAS DI SABAH— PENYELIDIKAN

18. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada benar emas telah ditemui di Kawasan Segama, Sabah, jika ya, nyatakan amaun emas

yang dianggarkan terdapat di Kawasan tersebut dan bilakah operasi mengorek emas dijangka bermula.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong): Memang benar, kerja-kerja penjelajahan dan penyelidikan awal telah menunjukkan bahawa kawasan Segama di Sabah mempunyai tanda-tanda potensi enapan emas. Namun demikian, kerja-kerja penyelidikan terperinci masih perlu dilaksanakan bagi menentukan anggaran amaun dan mutu emas yang terdapat di kawasan itu. Di sebabkan langkah berjimat cermat yang sedang diamalkan oleh pihak Kerajaan sekarang ini, kerja-kerja penyelidikan terperinci tersebut telah terpaksa ditangguhkan. Sebelum adanya penyelidikan yang sedemikian rupa serta penilaian ke atas potensinya, operasi melombong tidak boleh dijalankan, dan oleh itu masa permulaannya tidak dapat dinyatakan. Tuan Yang di-Pertua, suka saya jelaskan di sini bahawa setelah amaun emas dianggarkan kelak, maka terpulanglah pula kepada Kerajaan Negeri yang berkenaan untuk menilai dan menentukan sama ada enapan tersebut dapat diusahakan secara ekonomik atau tidak dan, seterusnya menentukan masa yang sesuai untuk memulakan aktiviti melombong di kawasan tersebut.

RUMAH AWAM KOS RENDAH—PERUNTUKAN

19. Tuan Ban Hon Keong minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) peraturan-peraturan yang sebenar dan tertentu dalam peruntukan rumah-rumah murah. Oleh kerana banyak pertelingkahan telah timbul di antara golongan Bumiputera dan golongan bukan Bumiputera. Adakah Kementerian akan menimbang menubuhkan sebuah Biro

Arahan Negara bagi memperuntukkan rumah-rumah dalam kategori ini mengikut Dasar Kebangsaan dan bukan mengikut masa yang digemari oleh pihakberkuasa yang berkenaan;

- (b) jumlah unit rumah-rumah murah yang dirancangan akan selesai di bawah Rancangan Malaysia Keempat; dan
- (c) jumlah unit rumah-rumah murah yang telah selesai dan jumlah wang yang telah digunakan untuk tahun berakhir 1983 dalam pertimbangan Rancangan Malaysia Keempat baru-baru ini.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr Neo Yee Pan): Pembahagian peruntukan rumah-rumah awam kos rendah adalah dibuat oleh Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan. Bagaimanapun pihak Kerajaan-kerajaan Negeri telah menggunakan peraturan-peraturan pembahagian Rumah Awam Kos Rendah yang telah dikeluarkan oleh Kementerian saya sebagai panduan untuk memilih pemohon yang layak.

Dalam peraturan-peraturan pembahagian rumah awam kos rendah, faktor-faktor asas yang ditegaskan diambilkira bagi menimbangkan permohonan adalah seperti berikut:

- (i) Mengutamakan pemohon yang berpendapatan sekeluarga tidak lebih daripada \$750,000 sebulan;
- (ii) Keluarga tersebut perlu menetap di kawasan tersebut dan tidak mempunyai rumah atau tanah lain di kawasan yang sama atau berhampiran dengannya;
- (iii) Lama menyewa/tinggal di kawasan tersebut;
- (iv) keadaan dan bilangan anggota keluarga pemohon;

- (v) keupayaan pemohon untuk membayar ansuran/sewa;
- (vi) keutamaan diberi kepada mereka dalam lingkungan umur 30 hingga 40 tahun;
- (vii) orang-orang yang cacat anggota dan bekas anggota pasukan keselamatan;
- (viii) keperluan menyusun semula masyarakat setempat; dan
- (ix) lain-lain faktor yang perlu dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri atau Dewan Bandaraya bersesuaian dengan keadaan tempatan masing-masing.

Sehubungan dengan itu, Kementerian saya tidak ada cadangan untuk menubuhkan sebuah Biro Arahan Negara bagi memperuntukkan rumah-rumah dalam kategori ini.

- (b) Kementerian saya membuat jangkaan sekiranya tidak ada apa-apa halangan sebanyak 92,000 unit rumah awam kos rendah yang dilaksanakan di bawah Kementerian saya akan dapat disiapkan dalam Rancangan Malaysia Keempat. Jumlah ini merupakan 70% dari jumlah unit sasaran yang telah ditetapkan di bawah Rancangan Malaysia Keempat. Dengan mengambil kira semua projek-projek rumah awam kos rendah, termasuk yang dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya, lebih kurang 123,550 unit boleh disiapkan sekiranya peruntukan yang diperlukan dapat dibekalkan. Walau bagaimanapun, memandangkan keadaan ekonomi sekarang ini, Kerajaan tidak dapat memberi kepada Kementerian ini dan juga kepada Kementerian Wilayah Persekutuan peruntukan bagi semua projek-projek yang belum ditender.

Oleh itu adalah dianggarkan hanya 50% daripada jumlah sasaran, iaitu lebih kurang 88,200 unit mungkin dapat disiapkan pada hujung tempoh Rancangan Malaysia Keempat.

- (c) Sehingga akhir tahun 1983 sebanyak 44,502 unit rumah-rumah awam kos rendah daripada sasaran Rancangan Malaysia Keempat sebanyak 176,500 telah pun dapat disiapkan termasuk bagi Wilayah Persekutuan. Mengenai perumahan kos rendah yang diselenggarakan oleh Kementerian saya sebanyak 33,639 unit (27.1%) daripada sasaran 128,098 unit telah disiapkan pada akhir tahun 1983 dan jumlah wang yang telah digunakan sehingga tempoh itu ialah sebanyak \$588,091,090.00.

SUBSIDI RUMAH/ELAUN PERKHIDMATAN

20. Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah sebabnya kemudahan subsidi Rumah dan Elaun Perkhidmatan Khas tidak dinikmati bersama oleh Guru-guru termasuk Sabah.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Untuk makluman Yang Berhormat, Negeri Sabah menghadapi kekurangan guru-guru yang berkelayakan. Untuk menampung kekurangan isi dan meningkatkan lagi mutu pembelajaran di Sabah, guru-guru yang berkelayakan dari Semenanjung terpaksa dihantar ke Negeri Sabah.

Dari pengalaman Kementerian adalah sukar untuk menempatkan guru-guru yang berkelayakan berkhidmat di Sabah. Maka dengan ini Kerajaan perlu mengujudkan insentif

untuk menggalakkan guru-guru yang berkelayakan bertugas ke Sabah dan Sarawak buat beberapa waktu.

Saya menjelaskan insentif ini bukanlah merupakan kemudahan satu hala sahaja untuk guru-guru Semenanjung yang berkhidmat di Sabah dan di Sarawak tetapi juga guru-guru yang berasal dari Sabah dan Sarawak yang berkhidmat di Semenanjung, mereka juga akan menikmati kemudahan-kemudahan subsidi sewa rumah dan juga Elaun Penempatan Khas (dan bukan Elaun Perkhidmatan Khas seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat).

Insentif-insentif tidak diberi kepada guru-guru tempatan seperti juga guru-guru Semenanjung yang berkhidmat di Semenanjung tidak menikmati kemudahan-kemudahan ini. Malahan guru-guru tempatan di Sabah adalah lebih beruntung jika dibandingkan dengan guru-guru tempatan di Semenanjung kerana selain daripada mendapat gaji biasa mereka juga menikmati elaun wilayah. Guru-guru tempatan di Semenanjung tidak menikmati sebarang elaun wilayah tetapi hanya gaji biasa sahaja.

PELATIH BUMIPUTERA SARAWAK KE KOREA SELATAN/JEPUN

21. Tuan Andrew Janggi Muyang minta Perdana Menteri menyatakan ramainya pelatih-pelatih Bumiputera dari Sarawak yang telah dan sedang berlatih di Korea Selatan dan Jepun mengikut jurusan yang mereka ambil.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Sejak program latihan perindustrian dan teknikal dilaksanakan, seramai 8 orang pelatih dari Sarawak iaitu 5 Bumiputera dan 3

bukan Bumiputera menyertai program ke Jepun dan 3 orang lagi kesemuanya Bumiputera ke Republik Korea.

Bilangan pelatih dan bidang-bidang yang diikuti oleh mereka adalah seperti berikut:

(a) *Jepun*

Bidang	KUMPULAN			
	I	II	III	V
1. Advanced Instructor Technique	—	—	—	1
2. Computer Technology ..	—	—	1	—
3. General Mechanis	—	—	1	—
4. Industrial Standardisation & Quality Control	—	—	1	—
5. Machining & Turning	—	—	1	—
6. Reconditioning of Heavy Industries Vehicle	—	—	—	1
7. Motor Mechanic	1	—	—	—
8. Sheet Metal and Welding ..	1	—	—	—
Jumlah:	2	—	4	2

(b) *Republik Korea*

Bidang	KUMPULAN		
	I	II	III
1. Architectural Drafting	—	1	—
2. Building Construction	—	2	—
Jumlah:	—	3	—

**PELABUHAN KECIL DERMAGA—
KEMUDAHAN**

23. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan mempunyai satu plan induk bagi menyediakan berbagai kemudahan seperti pelabuhan kecil dermaga (wharf), jeti dan tembok sungai (river wall) di

seluruh negeri Sarawak memandangkan sebahagian besar penduduk luar bandar di negeri ini menetap di kawasan-kawasan pantai dan di persisiran sungai dan oleh kerana itu mereka masih lagi bergantung kepada pengangkutan air untuk perhubungan. Jika ia, bilakah plan ini dilaksanakan dan adakah Kerajaan

bercadang supaya Bahagian 11 Jadual 10 dalam Perlembagaan Malaysia mengenai 'State Road Grant' diubahsuai supaya "State River Grant" diberi kepada negeri Sarawak. Jika tidak, mengapa.

Dato' S. Samy Vellu: Kerajaan Persekutuan tidak mempunyai pelan induk bagi pembinaan pelabuhan kecil, dermaga, jeti dan tembok sungai di Negeri Sarawak. Ini adalah kerana perkara-perkara tersebut adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri sendiri. Adalah difahamkan bahawa Kerajaan Negeri Sarawak sedang mengambil tindakan bagi menyediakan kemudahan-kemudahan tersebut dari masa ke semasa.

Saya juga suka menyatakan bahawa Kerajaan tidak bercadang supaya diubah Perlembagaan Malaysia untuk mengadakan peruntukan bagi 'State River Grant'. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum bantuan Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri di bawah Perlembagaan Malaysia dalam peruntukan 'State Road Grant' itu adalah dimaksudkan untuk membaiki jalan-jalan raya yang rosak dan bagi penyelenggaraan jalan-jalan ini di sepanjang tahun. Penyelenggaraan seumpama ini tidaklah dibuat bagi sungai-sungai, tetapi apabila timbulnya kehendak untuk memperdalamkan sungai-sungai tersebut itu atau membaiki tebing-tebingnya maka peruntukan yang tertentu adalah dibuat sama ada oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri di bawah mana-mana peruntukan yang tertentu baginya.

KELAS PERPADUAN RAKYAT

24. Datin Paduka Zaleha binti Ismail minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan akan mengkaji semula fungsi dan keberkesanan Kelas-kelas Perpaduan Rakyat yang ada di

antaranya tidak berjalan dan ada yang tidak melaksanakan tujuan-tujuan asal kelas-kelas tersebut ditubuhkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Rancangan Kelas Perpaduan Rakyat masih berjalan sekarang kerana masih ada sambutan dari rakyat yang ingin membaiki penguasaan Bahasa Malaysia mereka dalam kehidupan hari-hari.

Fungsi Kelas Perpaduan Rakyat yang pada asalnya hanya ditumpukan kepada pelajaran Bahasa Malaysia telah pun diluaskan bidangnya kepada pelajaran sivik; dan sebagai aktiviti-aktiviti tambahan dijalankan juga aktiviti-aktiviti kemasyarakatan seperti gotong-royong, kemahkerja, dan lawatan sambil belajar.

Jabatan Perpaduan Negara juga sedang menumpukan perhatian kepada pembukaan kelas-kelas di kampung-kampung baru, di ladang-ladang dan Persatuan-persatuan perniagaan seperti Gabungan Persatuan Perniagaan China Selangor.

Jabatan Perpaduan Negara sentiasa menekankan pengawasan dan penyeliaan yang baik terhadap perjalanan kelas-kelas ini. Penyelia-penyelia berkenaan dipertanggung-jawabkan menutup kelas-kelas yang tidak berjalan dengan baik. Pegawai-pegawai Jabatan Perpaduan Negara juga dari masa ke semasa membuat lawatan meninjau perjalanan kelas-kelas ini. Kelas-kelas yang lemah dan tidak mendapat sambutan yang memuaskan tidak dibenarkan dijalankan.

Setahu saya Jabatan Perpaduan Negara tidak ada kelas-kelas yang tidak melaksanakan tujuan asalnya. Jika ada laporan berkenaan dengan penyelewengan kelas, Jabatan akan menyiasat dan mengambil tindakan sewajarnya.

BEKAS PERAJURIT—BANTUAN

25. Tuan Abdullah bin Haji Abd. Hamid minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil dan yang akan diambil oleh Kementerian untuk membantu bekas perajurit-perajurit negara ini.

Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamed): Kerajaan tidak pernah lupa terhadap jasa-jasa dan pengorbanan bekas-bekas perajurit terhadap negara, justeru itulah Kementerian Pertahanan telah, sedang dan mengendalikn berbagai langkah dan usaha dengan merangka berbagai program pembangunan bekas perajurit dengan matlamat supaya bekas perajurit dapat menyesuaikan diri dalam masyarakat awam dengan cara makan gaji atau berusaha sendiri. Satu langkah yang penting yang telah diambil oleh Kementerian ini ialah usaha memberi kesedaran dan memupuk sikap yang positif di kalangan bakal-bakal bekas perajurit melalui Kursus Penyesuaian yang khas dengan memberi penekanan kepada segi pemikiran, sikap, dorongan dan kemahiran. Sehingga tarikh ini sebanyak 105 siri kursus penyesuaian telah diadakan yang telah diikuti oleh seramai 3,089 bakal bekas perajurit. Di samping itu, kursus Melahir dan Membina Usahawan juga diadakan dengan kerjasama Pusat Daya Pengeluaran Negara dan Mara.

Untuk menampung keperluan bakal bekas perajurit terhadap latihan vokasional dan teknikal, Kementerian ini telah pun menubuhkan satu Institut Vokasional dan Teknikal di Sungai Buluh. Institut ini telah pun merancang untuk menyediakan latihan di dalam sembilan bidang ketukangan seperti berikut:

- (1) Penerap Batu Bata.
- (2) Tukang Kayu dan Tanggam.

- (3) Penyejuk Bekuan ke Penyaman Udara.
- (4) Mekanik Motor.
- (5) Mekanik Motosikal.
- (6) Juruletrik.
- (7) Radio dan Televisyen.
- (8) Kimpalan Gas dan Arka dan Tukang Paip.

Sehingga kini 208 telah mengikuti latihan di Institut Kemahiran di Sungai Buluh semenjak September 1982. Kementerian ini juga telah mendapat tempat-tempat latihan di Institut Kemahiran MARA. Pusat Latihan Belia, Johor dan Institut Latihan Perindustrian.

Didalam segi peluang pekerjaan untuk bekas perajurit pula walaupun banyak pembekuan perlantikan ke jawatan di dalam agensi-agensi Kerajaan dalam tahun 1982 dan 1983 seramai 3,890 bekas perajurit telah mendaftar diri untuk mendapatkan pekerjaan dan Kementerian ini telah pun berjaya mendapatkan 1,338 (34.4%) pekerjaan untuk mereka. Kementerian ini sentiasa berdamping rapat dengan pihak swasta untuk mencari peluang mendapatkan pekerjaan untuk mereka.

Dalam penyertaan rancangan tanah Felda pula 20% tempat dalam sesuatu rancangan Felda adalah diperuntukkan kepada bekas anggota pasukan keselamatan dan dengan itu peluang bagi bekas perajurit untuk menjadi peneroka rancangan Felda sangatlah baik. Di dalam tahun 1982/1983 sebanyak 591 bekas perajurit telah berjaya memasuki rancangan tanah Felda.

Saya ingin menyatakan bahawa sebilangan besar daripada bakal/bekas perajurit yang akan berhenti telah mengambil peluang, kemudahan dan khidmat nasihat latihan yang telah disediakan untuk faedah mereka dan Kementerian ini sentiasa mendapat

kerjasama dengan Kementerian-kementerian lain, jabatan-jabatan Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan serta pihak swasta untuk membuka peluang-peluang latihan, pekerjaan serta peluang-peluang perniagaan untuk bekas perajurit. Apa yang penting di sini bukannya bantuan-bantuan dan kemudahan-kemudahan yang disediakan tetapi ialah sikap bekas perajurit yang menerima bantuan itu. Walau sebanyak mana Kursus yang diberi jika minat seseorang terhadap bentuk kerjaya yang diperkenalkan tidak ada maka kejayaan tidak mungkin akan tercapai.

Kementerian ini akan terus menjalankan Program Pembangunan Bekas Perajurit ini dan akan sentiasa mencari jalan bagi meningkatkan kekesan yang positif dan pencapaian matlamat program ini. Di dalam konteks ini, Kementerian saya akan mengadakan lebih banyak lagi Kursus Penyesuaian, peluang-peluang latihan vokasional dan teknikal, latihan-latihan keusahawanan, kemudahan-kemudahan khidmat nasihat dan langkah-langkah susulan bagi memastikan kemajuan yang tertentu terutamanya di dalam usaha melahirkan seberapa banyak usahawan di kalangan bekas perajurit.

DIPLOMA MAKTAB PERGURUAN—KELULUSAN

26. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk memberi diploma kepada lulusan Maktab Perguruan memandangkan tempoh kursus telah dilanjutkan dari dua hingga tiga tahun dan kurikulum kursus perguruan telah diperluas dan diperdalamkan.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Kementerian Pelajaran sedang mengkaji perkara mengenai taraf Sijil Perguruan Asas Tiga Tahun dan akan

membincangkannya dengan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam dan Agensi Pusat terlebih dahulu sebelum sebarang keputusan dibuat.

DASAR EKONOMI BARU— PENYERTAAN BUMIPUTERA

27. Tuan Omar bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan apakah sebab utamanya kadar pencapaian bumiputera dalam Dasar Ekonomi Baru tidak sampai 1% setahun, apakah langkah yang sedang diatur untuk mempercepatkan kadar pencapaian ini.

Timbalan Perdana Menteri (Dato' Musa Hitam): Penyertaan bumiputera di bawah Dasar Ekonomi Baru meliputi tiga aspek utama iaitu:

- (a) Pemilikan saham dalam syarikat-syarikat Berhad dan harta fizikal.
- (b) Gunatenaga, dan
- (c) Pembentukan masyarakat perdagangan dan perindustrian.

Soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak menjelaskan dalam aspek apakah kadar pencapaian bumiputera kurang dari 1% setahun. Daripada kajian yang dibuat pencapaian bumiputera dalam ketiga aspek di atas itu semuanya sudah melebihi 1%.

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat yang akan dibentangkan di Dewan yang mulia ini ada menunjukkan perangkaan-perangkaan tertentu mengenai pencapaian penyertaan bumiputera dalam berbagai bidang.

NEW INTERNATIONAL INFORMATION ORDER— PENGALIRAN PENERANGAN

28. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Penerangan menyatakan pendirian Malaysia mengenai "New Information

Order” seperti yang telah diutarakan di Perjumpaan Menteri-menteri Penerangan Negara-negara Berkecuali di Jakarta baru-baru ini, dan menjelaskan kesannya ke atas kebebasan akhbar di negara ini.

Menteri Penerangan (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Kerajaan memberi sokongan terhadap usaha-usaha Negara-negara membangun untuk mengujudkan satu Tata Informasi Antarabangsa Yang Baru atau “New International Information Order” seperti yang diutarakan oleh Persidangan Menteri-menteri Penerangan Negara-negara Berkecuali di Jakarta baru-baru ini. “New International Information Order” ini adalah satu langkah untuk membetulkan ketidak seimbangan pengaliran penerangan di antara Negara-negara membangun dan Negara-negara maju. Usaha-usaha ini memerlukan kerjasama Negara-negara membangun dan maju dalam pengaliran penerangan bukan hanya dari Negara-negara “Utara” ke Negara “Selatan” tetapi pengaliran yang seimbang kepada dan daripada kedua-dua pihak.

Oleh yang demikian, penerangan-penerangan atau maklumat-maklumat berkenaan dengan Negara-negara membangun bukannya dari kacamata Negara-negara maju tetapi dari pandangan Negara membangun itu sendiri dan penyebaran maklumat/penerangan bukan menjadi hak milik dan monopoli Negara-negara maju.

Penyebaran berita melalui Rancangan Pertukaran Berita Serantau atau ASIATION mulai dari 16hb Januari, 1984 di mana 7 buah organisasi penyiaran boleh bekerjasama dalam rancangan pertukaran berita adalah satu langkah ke arah pengujudan “New International Information Order” ini.

“New International Information Order” tidak akan menjejaskan kebebasan dan kedudukan akhbar di Negara malahan akan memperkukuhkan kebebasan akhbar dengan bertambahnya pengaliran penerangan dari seluruh dunia. Perasaan keraguan terhadap kesan “New International Information Order” kepada kebebasan akhbar ini mungkin adalah kekecohan badan-badan informasi Negara-negara membangun yang khuatir akan kehilangan monopolinya dalam pasaran informasi.

HARGA LADA HITAM

29. Tuan Ling Sie Ming minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan disebabkan harga lada hitam semakin naik, apakah rancangan Kerajaan untuk mengawal harganya supaya ia tidak menurun.

Dato’ Paul Leong Khee Seong: Harga lada putih, yang pada bulan Ogos/September 1983 berada di paras \$329.00/kg di Kuching telah melambung naik sehingga berada di paras \$567.00/100 kg pada minggu pertama bulan Mac tahun ini. Kadar kenaikan harga yang dialami ini adalah sebanyak 72%.

Harga lada hitam di Kuching turut meningkat sebanyak lebih kurang 45% dari \$228,00/100 kg pada bulan Ogos/September tahun lepas kepada \$330.00/100 kg pada minggu pertama bulan Mac 1984.

Kenaikan harga lada hitam ini adalah disebabkan oleh kekurangan lada hitam di pasaran dunia akibat dari musim kemarau di negara-negara pengeluar utama terutama di Brazil. Negara Brazil, yang pada tahun 1982 telah mengeksport 46,179 tan metrik lada hitam hanya dapat mengeluarkan 18,000-20,000 tan metrik lada hitam sahaja pada tahun 1983 kerana tanaman lada hitamnya telah dirosakkan oleh musim kemarau yang berlanjutan pada tahun lepas.

Di peringkat antarabangsa, iaitu melalui penyertaan Malaysia di dalam Pertubuhan Lada Hitam Antarabangsa (International Pepper Community), Kerajaan dengan kerjasama negara-negara pengeluar lada hitam yang lain iaitu Brazil, India dan Indonesia telah pun melaksanakan Skim Harga Minima Eksport (Minimum Export Price Scheme) untuk penjualan lada hitam ke pasaran New York dan akan diperkenalkan di pasaran-pasaran lain jika perlu supaya harga lada hitam tidak jatuh ke paras yang tidak berpatutan.

Usaha-usaha ke arah kestabilan harga lada hitam di pasaran dunia yang lain akan dikaji di peringkat Pertubuhan Lada Hitam Antarabangsa yang mana negara-negara ahlinya secara bersama akan mendapat faedah sama ada dari India, Indonesia, Malaysia atau Brazil. Akan tetapi, pada keseluruhannya, penentuan harga lada hitam adalah tertakluk kepada kuasa-kuasa permintaan dan penawaran di pasaran dunia dan langkah untuk mengawal harganya tidak mungkin diwujudkan oleh mana-mana negara pengeluar lada hitam.

PETRONAS—PELABURAN DI LUAR NEGERI

30. Tuan Sim Kwang Yang minta Perdana Menteri menyatakan sama ada PETRONAS mempunyai apa-apa kepentingan pelaburan di luar negeri dan jika ya, sila beri butir-butir dan sebab-sebab mengapa Kerajaan tidak menyimpan semua wang kelebihan PETRONAS dalam negeri.

Datuk Dr James P. Ongkili: Pelaburan PETRONAS di luar negeri pada 31hb Mac 1983, berjumlah M\$2.1 ribu juta atau 20.4 peratus daripada jumlah besar pelaburannya iaitu M\$10.3 ribu juta. Kesemua pelaburan di luar negeri ini dilaburkan di dalam beberapa mata wang asing dengan kebenaran Bank Negara. Pelaburan ini

adalah selaras dengan langkah-langkahnya untuk menjaga pasaran wang tempatan daripada kesan-kesan yang tidak diingini oleh kerana PETRONAS membawa pulang kesemua pelaburan mata wang asingnya dan menukarkannya kepada Ringgit. PETRONAS memerlukan mata wang asing untuk membuat bayaran bagi projek-projeknya dan untuk melindungi nilai hutang bagi pinjamannya daripada perubahan kadar pertukaran mata wang asing.

PELAJAR-PELAJAR YANG MENENTANG DASAR KERAJAAN

31. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar ancaman untuk mengambil tindakan terhadap pelajar-pelajar yang ditaja oleh Kerajaan yang kini menuntut di seberang laut kerana tidak setuju dengan dasar-dasar Kerajaan akan menjejaskan imej negara dari segi antarabangsa kerana ia akan dianggap sebagai satu percubaan kasar untuk melahirkan pandangan dan pemikiran seseorang.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Soalan yang sama telah pun dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam rangka menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka pada 13hb Mac, 1984.

PELAJAR-PELAJAR YANG MENENTANG DASAR KERAJAAN

32. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Pelajaran menyatakan sebab-sebab mengadakan langkah-langkah mengambil tindakan terhadap penuntut-penuntut di luar negeri yang mengkritik kerajaan. Setakat ini adakah tindakan diambil ke atas sesiapa kerana mengkritik kerajaan atau lain-lain sebab dan apakah perbuatan-perbuatan yang mungkin menyebabkan seseorang itu ditegur.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Pertanyaan yang sama telah dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa dalam rangka menjawab soalan Yang Berhormat Ahli dari Kota Melaka pada 13hb Mac, 1984. Dengan itu saya memohon izin hanya menjawab mengenai tindakan-tindakan yang telah diambil terhadap pelajar-pelajar yang melanggar syarat-syarat perjanjian sahaja. Pelajar-pelajar yang diambil tindakan adalah mereka yang enggan berkhidmat dengan penganjur, berkahwin tanpa kebenaran penganjur semasa di peringkat G.C.E. 'A' Level, Matrikulasi, Grade 13, dan sebagainya, gagal, menukar kursus dan universiti tanpa kebenaran, jenayah, menarik diri dari kursus, melanggar peraturan kursus, perbuatan salah laku yang pada pendapat Kerajaan menjatuhkan nama baiknya atau Kerajaan seperti menipu, memberi keterangan palsu dan menjadi ahli di dalam pertubuhan yang tidak diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.

PENYALAHGUNAAN KUASA OLEH POLIS—ADUAN

33. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan aduan Polis yang dibuat berhubung dengan kekerasan atau penyalahgunaan kuasa yang dilakukan oleh pihak Polis dalam tahun 1982, 1983 dan sehingga 1-2-1984, jumlah aduan yang disiasat dan jenis tindakan yang diambil ke atas aduan-aduan tersebut.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri (Dato' Musa Hitam): Jumlah pengaduan yang diterima daripada orang awam berkaitan dengan kekerasan atau penyalahgunaan kuasa bagi tahun 1982 hingga 1-2-1984 ialah sebanyak 301 pengaduan. Semua pengaduan itu telah disiasat dan didapati 134 daripadanya tidak berasas langsung, hanya 167 kes yang ada asas-asasnya.

Sejumlah 25 kes telah dihadapkan ke Mahkamah, 3 kes telah disabitkan kesalahannya, 3 kes telah dibuang bicara dan 19 kes lagi masih menunggu perbicaraan.

Dalam tempoh yang sama seramai 27 orang anggota telah diambil tindakan tatatertib dari amaran hingga ke buang kerja.

Daripada perangkaan tersebut adalah nyata bahawa sebilangan kecil sahaja anggota yang menyalahgunakan kuasa terhadap orang ramai dan mereka ini tidak dilepaskan dari tindakan Jabatan Polis.

MENSWASTAKAN PELABUHAN

34. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada sebarang rancangan untuk menswastakan pelabuhan-pelabuhan di negara ini. Jika ada, nyatakan sebab-sebab dan nama pelabuhan-pelabuhan yang akan diswastakan.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Sukacita saya memaklumkan Ahli Yang Berhormat bahawa pada prinsipnya Kerajaan bersetuju menswastakan beberapa aktiviti-aktiviti/perkhidmatan di pelabuhan-pelabuhan Malaysia. Dasar ini diadakan oleh kerana pihak Kerajaan berpendapat bahawa aktiviti itu dapat dikendalikan oleh pihak swasta dengan lebih baik dan cekap. Di samping itu dasar ini juga akan dapat mengurangkan beban pentadbiran dan kewangan Kerajaan. Oleh kerana dasar penswastakan ini masih dalam peringkat kajian, Kerajaan belum dapat menentukan pelabuhan-pelabuhan yang akan diswastakan.

Walau bagaimanapun, pada masa ini beberapa perkhidmatan di pelabuhan Malaysia telah pun diswastakan. Antara perkhidmatan-perkhidmatan yang diswastakan adalah seperti perkhidmatan "stevedoring" (kecuali di Pelabuhan Kelang), kerja tambat

menambat kapal, "ship chandelling", "Tally Clerk", kerja pembinaan dan penyelenggaraan beberapa peralatan di pelabuhan-pelabuhan.

KOMPUTER—PENGUNAAN

35. Tuan V. Govindaraj minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada pihak Kerajaan mempunyai apa-apa rancangan bagi menyelesaikan kelemahan-kelemahan penggunaan komputer (PDO) pemerosesan data automatik dalam tujuan perakaunan untuk sektor awam, jika ada nyatakan apakah rancangan tersebut; dan
- (b) sejauh manakah cadangan Jawatankuasa Pentadbiran Pembangunan Negara (JPN), bagi menubuhkan suatu badan tertinggi dengan nama Jawatankuasa Prosesan Data Negara (JPDN) diwujudkan untuk bertindak sebagai Jawatankuasa Pemandu, diterima oleh pihak Kerajaan.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Bagi menjawab pertanyaan (a), suka saya memaklumkan iaitu pada masa ini, Kerajaan sedang mengkaji dan mereka bentuk semula sistem perakaunan secara keseluruhannya supaya dapat meningkatkan lagi ketepatan (accuracy) dan menurut jadual (timelines) laporan-laporan kewangan melalui penggunaan komputer. Dengan pelaksanaan sistem penggunaan komputer ini, beberapa kelemahan seperti pengubahsuaian bukan vot antara Jabatan dan Akauntan Negara serta ketidaktepatan akaun yang sedia ada dapat diatasi.

Mengenai pertanyaan (b) pula, Kerajaan telah pun mengambil keputusan untuk meningkatkan taraf Jawatankuasa Prosesan Data Otomatik Negara (JPDO) menjadi

Jawatankuasa Prosesan Data Negara (JPDN) yang dipengerusikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, iaitu saya sendiri. Jawatankuasa ini bertanggungjawab bagi menggubal dan melaksana dan menyelaraskan dasar penggunaan komputer di negara ini yang meliputi Kementerian-kementerian, Badan-badan Berkanun dan agensi-agensi Kerajaan Negeri secara keseluruhannya.

Bidang kuasa JPDO adalah terhad kepada pembelian, penyewaan dan penggunaan komputer-komputer besar dan sederhana sahaja. Ia juga tidak meliputi pembelian, penyewaan dan penggunaan komputer oleh badan-badan berkanun atau agensi-agensi di Kerajaan Negeri.

RANG UNDANG-UNDANG RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN) (No. 2)

Bacaan Kali Yang Kedua

3.38 ptg.

Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan bagi mengadakan peruntukan mengenai penubuhan Wilayah Persekutuan Labuan dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya dan bagi membuat pindaan-pindaan lain kepada Perlembagaan Persekutuan dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1984 ini adalah dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama adalah mengenai perkara-perkara berhubung dengan penubuhan Wilayah Persekutuan Labuan. Bahagian kedua

adalah mengenai pindaan-pindaan yang perlu kepada Perlembagaan Persekutuan bagi melaksanakan penubuhan Wilayah Persekutuan Labuan. Bahagian ketiga adalah berkaitan dengan beberapa pindaan lain kepada Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah telah mencapai persetujuan bagi menyediakan Pulau Labuan dan pulau-pulau di bawah pentadbirannya sebagai Wilayah Persekutuan. Wilayah ini akan ditadbirkan sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan.

Tujuan utama menjadikan Pulau Labuan sebagai Wilayah Persekutuan adalah untuk memesatkan lagi pembangunan Pulau itu. Pulau Labuan mempunyai potensi yang besar untuk berkembang sebagai sebuah kawasan pelancongan dan pusat bagi persidangan rantau dan antarabangsa. Kerajaan Persekutuan telah bersetuju untuk mengambilalih usaha bagi mencorak dan memesatkan lagi pembangunan Pulau Labuan agar usaha-usaha pembangunan dapat dijalankan dengan teratur dan menjadi contoh daya penggerak kepada pembangunan di rantau ini. Memandangkan jauhnya jarak yang memisahkan Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak, langkah ini akan menjadikan Pulau Labuan sebagai lambang mendekatkan lagi Kerajaan Persekutuan ke negeri-negeri itu. Saya percaya langkah ini dapat mengeratkan lagi hubungan Kerajaan Persekutuan dengan negeri-negeri tersebut serta mempertingkatkan proses integrasi negara.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan Wilayah Persekutuan yang baru ini merupakan satu lagi peristiwa yang bersejarah bagi Malaysia. Saya suka melahirkan rasa penghargaan penuh Kerajaan Persekutuan di atas

pandangan jauh serta kemurahan hati Kerajaan Negeri Sabah kerana bersetuju menyerahkan Pulau Labuan untuk dijadikan sebagai Wilayah Persekutuan. Penyerahan Pulau Labuan kepada Kerajaan Persekutuan tidak melibatkan apa-apa bayaran pampasan atau gantirugi kepada Kerajaan Negeri Sabah. Apa yang diminta oleh Kerajaan Negeri ialah supaya bangunan Seri Labuan yang ada di pulau itu serta tanah yang menjadi tapak dan kawasan bangunan itu akan terus kekal menjadi hak milik Kerajaan Negeri Sabah sebagai rumah rehat Kerajaan Negeri. Kerajaan Persekutuan telah memberi persetujuan terhadap permintaan itu.

Kerajaan Persekutuan akan meneruskan segala usaha pembangunan yang sedang dijalankan di Labuan oleh Kerajaan Negeri serta menambahkan lagi kemudahan infrastrukturnya. Sejajar dengan cita-cita ini, Kerajaan juga akan berusaha memperkukuhkan lagi peranan Pulau Labuan sebagai sebuah pelabuhan bebas cukai dan seterusnya sebagai pusat perdagangan entrepot bagi rantau ASEAN. Usaha ke arah mencapai matlamat ini dijangka akan memesatkan pertumbuhannya dengan perubahan struktur dan pembentukan ekonomi moden yang membuka banyak peluang pekerjaan dalam kegiatan-kegiatan yang produktif. Semuanya ini akan mendatangkan faedah kepada rakyat Malaysia terutama sekali rakyat di rantau tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Kuala Lumpur dijadikan Wilayah Persekutuan dahulu, perubahan kedudukan Pulau Labuan sebagai Wilayah Persekutuan bermakna juga pemindahan kuasa dan bidang-bidang kuasa yang lengkap ke atas Pulau Labuan daripada Kerajaan Negeri Sabah kepada Kerajaan Persekutuan. Ini diperuntukkan dalam Fasal-fasal 3, 4, 5 dan 9 dalam Bahagian I, Rang Undang-undang ini. Beberapa pindaan

kepada Perlembagaan yang terkandung dalam Bahagian II serta Jadual kepada Rang Undang-undang ini juga memperuntukkan perkara-perkara yang berkaitan serta yang berbangkit dari langkah-langkah untuk menjadikan Pulau Labuan sebagai Wilayah Persekutuan. Dalam hal ini Kerajaan akan memberi keutamaan agar pemindahan kuasa dan bidang kuasa tersebut tidak akan menimbulkan apa-apa gangguan dalam pentadbiran harian Pulau Labuan ataupun kesulitan kepada penduduknya. Beberapa peruntukan telah diadakan dalam undang-undang ini bagi menjamin agar masalah seumpama ini tidak akan timbul. Antara peruntukan-peruntukan ini adalah:

- (a) Fasal 6 yang memperuntukkan agar apa-apa undang-undang yang sedia terpakai di Pulau Labuan melainkan Perlembagaan Negeri terus berkuatkuasa selepas ianya menjadi Wilayah Persekutuan sehinggalah undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen berkuatkuasa;
- (b) Fasal 8 yang membolehkan supaya pentadbiran Pulau Labuan diteruskan sebagai Majlis Perbandaran serta juga sebagai pelabuhan bebas cukai;
- (c) Fasal 17, ia membolehkan penggunaan bahasa peribumi di Mahkamah Anak Negeri (Native Courts) diteruskan; dan
- (d) Fasal 19 yang mengekalkan hak kemasukan penduduk-penduduk asal Labuan ke Sabah dan permastautin mereka di negeri itu.

Saya juga suka memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa sebuah Jawatankuasa peringkat pegawai yang diketuai oleh Ketua Setiausaha Negara telah ditubuhkan oleh Kerajaan untuk

menyelaraskan segala tindakan pentadbiran bagi memastikan supaya tidak timbul apa-apa masalah kelak. Jawatankuasa ini juga sedang menyelaraskan tindakan bagi menyerap pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan Negeri Sabah yang berkhidmat di Pulau Labuan pada masa ini untuk membolehkan mereka terus menyumbangkan khidmat mereka apabila Labuan menjadi Wilayah Persekutuan.

Selain daripada itu saya ingin juga menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa peruntukan telah juga diadakan dalam Fasal 15 Rang Undang-undang supaya seseorang Ahli Parlimen atau Ahli Dewan Undangan Negeri Sabah yang kawasan pilihanrayanya sekarang ini meliputi Pulau Labuan akan terus menduduki kerusinya selepas penubuhan Wilayah Persekutuan Labuan sehingga Parlimen ataupun Dewan Negeri Sabah dibubarkan. Ulangkaji persempadanan kawasan pilihanraya yang sedang dijalankan pada masa ini akan memperuntukkan satu bahagian pilihanraya Parlimen diwujudkan untuk Wilayah Persekutuan Labuan, tanpa menjejaskan jumlah bilangan bahagian pilihanraya Parlimen Sabah sekarang. Ulangkaji tersebut juga akan membuat peruntukan supaya bilangan bahagian-bahagian pilihanraya Negeri Sabah akan tetap sama bilangannya seperti sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan penubuhan Wilayah Persekutuan Labuan, beberapa kemusykilan telah ditimbulkan oleh pihak-pihak tertentu mengenai hak rakyat Sabah dan sama ada satu pungutan suara telah diadakan di Sabah. Soalan seumpama ini tidak seharusnya timbul kerana sebenarnya tidak terjadi kehilangan hak bagi sesiapa pun. Masa Kuala Lumpur dicadang menjadi Wilayah Persekutuan dahulu pungutan suara tidak pernah diadakan. Setelah Kuala Lumpur jadi Wilayah Persekutuan

tiada sesiapa yang kehilangan hak. Sebagaimana yang telah saya tegaskan di persidangan Dewan ini yang lalu, rakyat Sabah sama ada di tanah besar Sabah atau di Pulau Labuan adalah juga rakyat Malaysia yang mempunyai hak yang sama dengan semua rakyat Malaysia. Telah juga saya nyatakan tadi bahawa perubahan kedudukan Pulau Labuan sebagai Wilayah Persekutuan adalah bertujuan bagi memperkukuhkan lagi hubungan yang telah terjalin antara Kerajaan Persekutuan dengan Negeri Sabah. Apa-apa kemajuan yang tercapai di pulau tersebut adalah untuk dinikmati oleh semua rakyat Malaysia. Apatah lagi rakyat Malaysia di Sabah yang berhampiran sekali dengannya.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis Raja-raja dalam mesyuaratnya yang lalu telah pun bersetuju dengan penubuhan Wilayah Persekutuan Labuan dan cadangan undang-undang Persekutuan untuk maksud ini. Dewan Undangan Negeri Sabah dalam mesyuaratnya baru-baru ini juga telah meluluskan undang-undang Negeri berkaitan dengan perkara ini. Pendek kata, kesemua kehendak perkara 2 Perlembagaan Persekutuan telah dipenuhi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan ini untuk mencadangkan beberapa pindaan kepada peruntukan-peruntukan tertentu yang lain dalam Perlembagaan Persekutuan. Di antara pindaan-pindaan yang dicadangkan itu saya ingin menjelaskan sedikit mengenai cadangan pindaan kepada Perkara 55 dan Perkara 113 (2).

Adalah dicadangkan supaya Perkara 55 dipinda dengan mengadakan Fasal (5), (6) dan (7) yang baru di bawah Perkara tersebut bagi menentukan supaya Rang Undang-undang yang belum selesai dibahas dalam Parlimen tidak luput pada waktu Penggal Parlimen diberhentikan (prorogued) dan supaya

Rang Undang-undang yang menunggu pertimbangan semula oleh Parlimen menurut Fasal (4A) Perkara 66 atau yang menunggu persetujuan Yang di-Pertuan Agong di bawah Fasal (4) (a) atau (4A) Perkara 66 tidak terlibat disebabkan Parlimen berhenti atau dibubarkan.

Pindaan kepada Perkara 113 pula adalah:

- (a) Untuk membolehkan Suruhanjaya Pilihanraya memulakan urusan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihanraya pada bila-bila masa selepas genap 8 tahun daripada tarikh berakhirnya urusan persempadanan semula yang lepas. Urusan persempadanan itu hendaklah diselesaikan dalam tempoh dua tahun daripada tarikh ianya dimulakan.
- (b) Untuk membolehkan Suruhanjaya Pilihanraya menjalankan persempadanan semula sementara (an interim review of constituencies) apabila jumlah keanggotaan Dewan Rakyat atau macam-macam Dewan Undangan Negeri diubah. Persempadanan semula ini akan hanya meliputi kawasan yang terlibat dengan perubahan dan tidak akan mengubah tempoh minima 8 tahun yang ditetapkan di antara dua persempadanan semula (the general review). Urusan persempadanan semula sementara ini hendaklah diselesaikan dalam tempoh dua tahun daripada tarikh berkuatkuasanya undang-undang yang mengubah keanggotaan Dewan Rakyat ataupun Dewan-dewan Undangan Negeri.

Persempadanan semula sementara ini akan dijalankan mengikut Jadual Ke 13 Perlembagaan Persekutuan.

- (c) Memperuntukkan tarikh-tarikh permulaan dan berakhirnya sesuatu urusan persempadanan semula bagi memastikan supaya tempoh-tempoh yang disyaratkan akan dikira dengan tepat.

Di samping itu adalah perlu diadakan satu peruntukan sempadan (transitional provision) bagi membolehkan Suruhanjaya Pilihanraya menyelaraskan sesara sah urusan persempadanan semula yang sedang berjalan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan kepada perkara-perkara yang lain tidaklah perlu saya jelaskan oleh kerana telah sedia terkandung dalam huraian kepada Rang Undang-undang. Pindaan-pindaan tersebut adalah bertujuan untuk mengemas kinikan beberapa peruntukan tertentu selaras dengan kehendak pembangunan dan kemajuan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr Neo Yee Pan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang meminda Perlembagaan Persekutuan bagi membuat peruntukan mengenai penubuhan Wilayah Persekutuan Labuan dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya termasuk perubahan sempadan-empadan Negeri Sabah, dan bagi membuat pindaan-pindaan lain kepada Perlembagaan Persekutuan dibaca bagi kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

3.52 ptg.

Tuan Mohammed Yusof bin Haji Yakob (Hilir Padas): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri ingin mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang Pindaan iaitu Akta meminda Perlembagaan Persekutuan berkaitan dengan pengisytiharan Pulau Labuan sebagai Wilayah Persekutuan.

Saya ingin mengambil kesempatan dan peluang di Dewan yang mulia ini selaku Wakil Rakyat yang mewakili kawasan saya termasuk Pulau Labuan mengucapkan setinggi-setinggi tahniah dan syabas kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Persekutuan kerana telah bersusah payah untuk menjadikan Pulau Labuan sebagai Wilayah Persekutuan, satu lembaran sejarah yang kita banggakan.

Saya ingin menyampaikan sokongan rakyat dari Pulau Labuan khasnya yang mengalu-alukan pengisytiharan ini. Ternyata bahawa impian yang suci ini telah menjadi realiti yang akan berkekalan buat selama-lamanya.

Tidak dapat dinafikan bahawa pengisytiharan Pulau Labuan sebagai Wilayah Persekutuan adalah satu langkah yang bijak dan positif ke arah mencapai integrasi nasional.

Banyak sudah diperkatakan dan dibicarakan mengenai integrasi nasional ini. Tidak ada siapa yang dapat menafikan bahawa integrasi nasional adalah menjadi tonggak dan asas perpaduan negara dan perpaduan adalah faktor yang penting di dalam memastikan pembangunan negara dilaksanakan dengan lebih berkesan dan bermakna kepada rakyat. Kerjasama yang sedia wujud di antara Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Persekutuan, mencerminkan perpaduan dan kesejahteraan rakyat di seluruh negara. Kerjasama ini akan terus dikekalkan dan dipertingkatkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dunia ini memanglah mempunyai berbagai cabaran dan ragam di mana beberapa golongan masyarakat yang mewarisi berbagai ragam ini dan di antaranya terdapatlah mereka yang tidak bertanggungjawab dan sentiasa meluahkan dakyah-dakyah palsu dengan niat meracuni fikiran rakyat yang tidak berdosa. Mereka yang tidak bertanggungjawab ini telah cuba mengelirukan rakyat di Pulau Labuan mengenai pengisytiharan Pulau Labuan sebagai Wilayah Persekutuan supaya mereka mendapat sokongan dan demi kepentingan rakyat semua.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, mereka ini adalah orang-orang yang telah dilanda oleh kecewa dan apakala seseorang itu dikuasai oleh kekecewaan, mereka akan mengambil apa juga tindakan yang berlandaskan kepada sentimen dan emosi semata-mata demi kepentingan mereka sendiri sahaja. Mengapakah kita mesti ribut-ribut mengenai perkara ini?

Soal penyerahan sesuatu itu bukanlah perkara yang anih atau ganjil tetapi ianya merupakan perkara biasa yang harus dilakukan mengikut peredaran zaman.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut peraturan yang ada di dunia ini tidak ada yang tetap, yang tetap itu ialah berubah, dan berubah itulah yang menjadi ketetapan yang ada di dunia ini. Perubahan harus dibuat demi kepentingan dan faedah rakyat. Maka begitulah keadaannya dengan penyerahan Pulau Labuan.

Sejarah akan membuktikan bahawasanya penyerahan ini adalah satu tindakan yang bijaksana, mulia dan demi kepentingan rakyat semua.

Tindakan untuk mengisytiharkan Pulau Labuan sebagai Wilayah Persekutuan seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum adalah hasil dari niat suci Kerajaan Negeri Sabah iaitu Kerajaan Parti Berjaya dengan

kerjasama dari Kerajaan Barisan Nasional. Tindakan yang demikian rupa adalah mencerminkan semangat nasionalisma dan patriotik yang tulin. Inilah semangat yang seharusnya diwarisi oleh semua lapisan masyarakat di negara ini. Masanya sudah tiba bagi kita semua mengikiskan apa jua keraguan dan kesangsian terhadap di antara satu dengan yang lain.

Janganlah ada lagi tersemat di sanubari kita benih-benih kedaerahan kerana kita semua mempunyai dan menghadapi tugas yang berat dan besar di dalam membangunkan negara yang kita semua cintai ini. Andai kata pepatah: Ringan sama dijinjing, berat sama dipikul.

Saya ingin menekankan di sini, Tuan yang di-Pertua, bahawa pengisytiharan Pulau Labuan sebagai Wilayah Persekutuan adalah disambut dan disokong sepenuhnya oleh penduduk-penduduk Pulau Labuan. Adalah menjadi harapan saya semoga pembangunan yang dilaksanakan dengan pesat pada masa ini akan terus dipertingkatkan lagi di masa-masa hadapan.

Tidak ada siapa yang boleh menafikan bahawa pengisytiharan Pulau Labuan sebagai Wilayah Persekutuan ini adalah semata-mata dibuat demi kepentingan rakyat di seluruh negara. Kita harus menyedari bahawa kepentingan rakyat adalah mengatasi segala apa juga kepentingan termasuk kepentingan diri sendiri. Saya ingin menekankan di sini apa juga tuduhan bahawa pengisytiharan Pulau Labuan ini dibuat adalah demi kepentingan individu adalah tidak berasas sama sekali.

Tuduhan yang sedemikian rupa itu adalah datang dari orang-orang yang sudah kecewa dan orang-orang yang ingin melihat negara ini dilanda kehancuran. Kepastian sudah terbukti

bahawasanya apa juga tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri Sabah ataupun Kerajaan Persekutuan adalah semata-mata demi kebahagiaan dan kesejahteraan dan kepentingan rakyat.

(Dr Abdul Hamid bin Pawanteh
mempengerusikan Mesyuarat)

Saya mempunyai penuh keyakinan bahawa Kerajaan Persekutuan akan meningkatkan pembangunan yang ada di Pulau Labuan. Kita harus menyedari bahawa sama ada seseorang itu berasal dari Sabah, dari Perlis, dari Sarawak atau di mana-mana sahaja di negara ini tugas kita ialah sama iaitu sama-sama membangunkan negara yang kita cintai ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Persekutuan telah memberi jaminan bahawa hak istimewa penduduk Pulau Labuan akan sentiasa terpelihara walaupun setelah pulau itu diserahkan ke bawah pentadbiran Wilayah Persekutuan.

Jaminan ini sudah terbukti apakala kita melihat beberapa peruntukan yang terkandung di dalam Enakmen hari ini dan juga Enakmen Wilayah Persekutuan 1984 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah di sidang Dewan Undangan Negeri baru-baru ini. Jaminan hak istimewa ini bermakna semua harta dan kepentingan penduduk-penduduk di Labuan berkenaan dengan tanah, perlombongan dan perhutanan yang dipegang oleh sesiapa sahaja melalui Kerajaan Negeri Sabah akan terus dipegang sedemikian melalui Kerajaan Persekutuan mengikut syarat-syarat yang sama sebagaimana dipegang melalui Kerajaan Negeri Sabah.

Enakmen tersebut juga diperuntukkan bahawa status Labuan sebagai pelabuhan bebas akan harap

dikekalkan walaupun setelah pentadbiran pulau itu dialihkuasa kepada Wilayah Persekutuan. Demikian juga dengan projek-projek pembangunan dan kontrak-kontrak yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Sabah akan dipatuhi oleh Kerajaan Persekutuan. Enakmen tersebut juga menguntukkan bahawa semua undang-undang bertulis kecuali Perlembagaan Negeri yang sekarang terpakai untuk Labuan akan kekal sehingga dimansuhkan, dipinda atau digantikan dengan undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen. Ternyata bahawa jaminan yang termaktub itu adalah satu jaminan yang kukuh dan bersungguh-sungguh demi memastikan supaya rakyat yang bermastautin di Pulau Labuan akan sentiasa mengecap hidup di dalam suasana aman, damai, bahagia dan sejahtera. Justeru itu semestinyalah tidak ada lagi keraguan dari sesiapa pun mengenai penyerahan pentadbiran pulau Labuan ini.

Harapan saya, Tuan Yang di-Pertua, ialah semoga Pulau Labuan akan dapat menjadi sebuah pusat pentadbiran, perdagangan, perindustrian dan perkapalan yang termaju di rantau ini. Dengan itu, sekian, terima kasih.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Ahli Yang Berhormat dari Tanjong.

4.02 ptg.

Dr Koh Tsu Koon (Tanjong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk terus mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang (Pindaan) Perlembagaan Persekutuan yang kedua untuk tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang untuk meminda Perlembagaan yang dicadangkan ialah untuk membuat peruntukan untuk penubuhan Wilayah Persekutuan Labuan serta perkara-perkara yang berkaitan dengan tindakan ini. Seperti

yang diterangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi, tindakan ini akan mendatangkan faedah-faedah yang akan dinikmati oleh penduduk-penduduk Labuan dan juga penduduk-penduduk di negeri Sabah pada amnya.

Saya mengalu-alukan penubuhan Wilayah Persekutuan Labuan ini bukan sahaja kerana faedah-faedah yang akan dinikmati oleh penduduk-penduduk Labuan, tetapi juga kerana penubuhan Wilayah Persekutuan Labuan ini akan menunjukkan keazaman negara kita untuk memajukan integrasi negara iaitu di antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak. Dengan adanya Pulau Labuan sebagai Wilayah Persekutuan ini akan menunjukkan bahawa Sabah ialah tanah yang tidak dapat dipisahkan daripada negara Malaysia kita ini. Ini akan menjadi ketara kepada segala negara di dunia ini termasuk negara-negara yang mungkin tidak begitu yakin kepada keazaman kita ini.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, melalui Rang Undang-undang ini Kerajaan juga mengambil kesempatan untuk membuat pindaan-pindaan tertentu yang lain kepada Perlembagaan.

Terlebih dahulu saya ingin merujuk kepada Fasal 21 dalam Rang Undang-undang ini yang bertujuan untuk mensekukan tempoh untuk mengisikan sesuatu kekosongan dalam Dewan Negara dan Dewan Rakyat di antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, maka langkah ini ialah satu langkah yang harus dialu-alukan juga kerana ini merupakan satu lagi langkah positif untuk mencapai integrasi negara di antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Selanjutnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada Fasal 25 dan Fasal 28 yang bertujuan untuk

meminda Perkara 113 di dalam Perlembagaan. Kedua-dua Fasal ini bertujuan untuk memberi "flexibility" yang tertentu kepada Suruhanjaya Pilihanraya untuk proses persempadanan bahagian-bahagian pilihanraya. Ini memanglah baik, akan tetapi saya ingin mengemukakan pendapat saya mengenai beberapa perkara untuk diperhatikan dan dipertimbangkan oleh Kerajaan dan Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 25A ialah bertujuan untuk menggantikan Fasal 2 Perkara 113 dengan Fasal-fasal yang baru. Fasal 2 (2) yang baru menetapkan bahawa lat tempoh di antara satu-satu ulangkajian pembahagian sempadan kawasan pilihanraya dengan ulangkajian yang kemudiannya tidak seharusnya melebihi ataupun lebih daripada 8 tahun, iaitu terdapat satu lat tempoh minimum, tetapi tidak ditetapkan lat tempoh maksimum. Ini adalah berbeza daripada Fasal 2 yang asal yang menetapkan lat tempoh maksimum serta lat tempoh minimum. Lat tempoh maksimum yang ditetapkan mengikut Fasal asal ialah tidaklah harus melebihi ataupun tidak lebih daripada 10 tahun.

Saya memang memahami tujuan Kerajaan untuk meminda Perkara 113 ini kerana akan memberi flexibility supaya Suruhanjaya Pilihanraya tidak terikat dengan satu lat tempoh maksimum yang tidak begitu flexible. Di samping itu bilangan pemilih di satu-satu kawasan ataupun di semua kawasan pilihanraya di negara kita ini akan dibenarkan terus berkembang kerana pada masa sekarang ini kita mempunyai 177 buah kerusi Parlimen yang pada hitung panjangnya mendatangkan 40,000 orang pemilih bagi tiap-tiap kawasan. Bilangan ini mungkin boleh dianggap sebagai bilangan yang kecil kalau dibandingkan dengan negara-negara yang lain seperti Indonesia, Amerika Syarikat dan sebagainya.

Namun demikian, pada pendapat saya, isu di sini bukanlah saiz ataupun bilangan pemilih tiap-tiap kawasan, tetapi pembahagian yang adil di antara kawasan-kawasan pilihanraya. Sekiranya tidak ada lat tempoh yang maksimum, maka ini bermaksud bahawa ulangkajian persempadanan mungkin akan dijalankan hanya selepas 10 atau 15 ataupun 20 tahun dan ini mungkin akan mengakibatkan ketidakseimbangan yang lebih "lopsided" (dengan izin) kerana kadar pembangunan ekonomi serta kadar pertumbuhan bilangan penduduk yang berbeza dari satu kawasan kepada satu kawasan.

Misalnya kadar pertumbuhan penduduk dan kadar pertumbuhan bilangan pemilih di kawasan-kawasan di Lembah Kelang dan juga di kawasan-kawasan Kuala Lumpur adalah lebih cepat daripada kawasan-kawasan yang lain dalam negara kita ini. Begitu juga bagi kawasan-kawasan dekat dengan Johor Bahru dan begitu juga kawasan Pantai Timur di antara Kuala Terengganu dan Kemaman yang akan terus maju dengan "oil boom" yang dialami sekarang ini. Maka adalah penting bahawa ulangkajian yang lebih kerap dibuat terhadap pembahagian pemilih, tetapi mungkin tidak terhadap bilangan kerusi. Pada pendapat saya kalau kita tidak mahu mengubah atau kalau kita ingin mengekalkan bilangan kerusi Parlimen, maka kita tidak meminda Perkara 46 dan begitu sudah memadai.

Tetapi, sekiranya kita meminda Perkara 113, maka kita mungkin akan terikat dengan satu keadaan di mana pembahagian akan menjadi tidak seimbang kerana kadar pertumbuhan yang tidak seimbang itu. Maka secara idealnya pada pendapat saya kita harus juga mengadakan satu lat tempoh maksimum, mungkin kalau tidak ada lat tempoh minimum pun tidak mengapa kerana ulangkajian itu boleh dijalankan bila-bila masa pula.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya Dewan Rakyat masih berpendapat bahawa pindaan ini adalah menasabah, maka saya berharap bahawa Suruhanjaya Pilihanraya akan mengambil kira kadar pertumbuhan yang berbeza ini supaya ulangkajian yang dijalankan itu janganlah terlalu melebihi 8 tahun, iaitu sekurang-kurangnya diulangkaji 8 tahun tiap-tiap sekali. Itu ialah, pada pendapat saya, yang minimum sekali.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin menyentuh sedikit tentang Fasal 28 yang memberi peruntukan supaya ulangkajian pembahagian kawasan-kawasan pilihanraya yang sedang dilangsungkan sekarang ini disiapkan dalam tempoh tidak lebih daripada 2 tahun. Ini bermakna bahawa Suruhanjaya Pilihanraya akan diberi masa yang lebih untuk meneliti pendapat-pendapat yang dikemukakan oleh pihak awam dan juga mengkaji semula pembahagian kawasan-kawasan pilihanraya, termasuk juga kawasan-kawasan di Sabah kerana penubuhan Wilayah Persekutuan Labuan. Maka pada pendapat saya penangguhan ini haruslah dialu-alukan kerana Suruhanjaya Pilihanraya akan berpeluang untuk meneliti dengan secara lebih menyeluruh lagi, supaya seperti yang dikatakan "biar lambat asalkan tepat".

Tuan Yang di-Pertua, sejak hasil persempadanan yang dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihanraya dipamirkan di seluruh negara, tindakbalas dari orang awam, pertumbuhan-pertumbuhan dan sebagainya adalah sangat hangat. Setahu saya sejumlah 242 memorandum telah diterima berbanding dengan 146 yang diterima pada tahun 1974, iaitu sewaktu ulangkajian persempadanan dijalankan di mana hanya 41 di antaranya dianggap sebagai layak kerana memenuhi syarat bahawa ianya harus ditandatangani oleh lebih daripada 100 orang pemilih.

Tuan Yang di-Pertua, tindakbalas yang hangat ini menunjukkan kesedaran rakyat umum terhadap proses demokrasi negara kita dan hak demokrasi mereka yang kian meningkat. Pada pendapat saya, ini adalah satu petunjuk yang amat menggalakkan, terutamanya memandangkan bahawa rakyat kita baru-baru ini di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membela dan menegaskan semula keyakinan kita terhadap sistem Demokrasi Berparlimen dan sistem Raja Berperlembagaan yang telah dan akan kita terus amalkan.

Dari pendapat-pendapat yang dikemukakan dan mengikut kajian saya sendiri, sungguhpun ulangkajian pembahagian telah mengurangkan bilangan pemilih bagi hampir-hampir semua kawasan pilihanraya, akan tetapi masih terdapat beberapa kelemahan yang tertentu. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengemukakan pendapat saya mengenai kelemahan-kelemahan ini untuk maklumat Dewan yang mulia ini dan juga untuk pertimbangan Suruhanjaya Pilihanraya.

Yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya kalau kita mengkaji dari segi keadilan dalam penyertaan demokratik ataupun perwakilan demokratik (democratic representation), maka akan didapati bahawa perbezaan di antara kawasan-kawasan pilihanraya dari segi bilangan pemilih pada amnya telah dikurangkan kalau dibandingkan dengan keadaan yang wujud pada tahun 1982. Nisbah bilangan pemilih di antara kawasan yang mempunyai bilangan pemilih yang teramatnya, iaitu kawasan Petaling yang mempunyai 114,000 orang pemilih dengan kawasan Tenggaroh yang mempunyai lebih kurang 24,000 orang, nisbah-nisbah itu ialah 4.69 bagi tahun 1982. Bagi tahun 1984 kadar ini telah dikurangkan ke 3.31 kalau kita membandingkan

kawasan baru Petaling Jaya yang mempunyai lebih kurang 68,000 orang pemilih dengan kawasan yang terkecil sekali, iaitu Gua Musang yang mempunyai lebih kurang 20,000 orang pemilih.

Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, sekiranya dibandingkan dengan keadaan yang wujud pada tahun 1974, iaitu selepas ulangkajian pembahagian yang dibuat pada waktu itu, nisbah ataupun jurang sebenarnya telah menjadi lebih besar. Kalau kita membandingkan kawasan-kawasan Pilihanraya Parlimen di Semenanjung, pada waktu itu yang terbesar sekali ialah Johor Bahru yang mempunyai 51,000 orang pemilih berbanding dengan kawasan Pilihanraya Gerik yang mempunyai 17,000 yang mendatangkan satu nisbah 2.98, berbanding dengan 3.31 pada tahun 1984 ini. Begitu juga keadaannya dalam tiap-tiap negeri, kecuali Perak dan Johor di mana nisbah telah dikurangkan. Misalnya bagi Negeri Perak kalau kita membandingkan kawasan Pilihanraya Parlimen yang terbesar dengan yang terkecil, nisbah telah dikurangkan dari 2.84 ke 2.16. Di Johor pula nisbah itu dikurangkan daripada 2.97 ke 2.35.

Di peringkat Negeri, Tuan Yang di-Pertua, masih terdapat perbezaan yang ketara. Saya mengambil sebagai contoh beberapa kawasan Pilihanraya Negeri di Pulau Pinang. Pada tahun 1982, Bukit Gelugor yang merupakan kawasan yang terbesar sekali mempunyai bilangan pemilih 26,000, Sungai Dua yang terkecil sekali ialah 9,600 orang pemilih, yang mendatangkan nisbah 2.75. Pada tahun 1984, iaitu selepas ulangkajian pembahagian, Pengkalan Kota yang berada di dalam kawasan saya sendiri mempunyai 22,000 orang pemilih dibandingkan dengan Pinang Tunggal yang mempunyai hanya lebih daripada 7,000 sahaja, iaitu nisbah 3.2.

Ini bermaksud bahawa Pengkalan Kota mempunyai bilangan pengundi tiga kali ganda kalau dibandingkan dengan Pinang Tunggai. Maka ini merupakan sesuatu yang mungkin boleh dianggap sebagai kurang adil kerana di Pulau Pinang kawasan luar bandar tidak jauh berbeza daripada kawasan bandar, kalau dipandang dari segi kemudahan pengangkutan, dari segi komunikasi dan sebagainya.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, nampaknya kadar pertumbuhan di kawasan-kawasan ini tidak diambil kira oleh pihak Suruhanjaya pula. Di kawasan Pengkalan Kota yang saya sebutkan tadi sebenarnya terdapat satu projek pembangunan yang akan disiapkan pada penghujung tahun ini yang akan menyediakan lebih kurang 1,500 unit perumahan kos sederhana oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang. Oleh itu sudah tentunya pada tahun 1986 projek pembangunan ini akan menambah sekurang-kurangnya 6,000 orang pemilih yang baharu. Kalau ditambahkan kepada bilangan pemilih yang sedia ada sekarang, akan menjadikan bilangan pemilih bagi Pengkalan Kota berjumlah 28,000 orang.

Pada pendapat saya kerana kawasan Pinang Tunggai tidak mempunyai projek-projek pembangunan yang besar seperti yang diadakan di Pengkalan Kota ini, bilangan pengundinya mungkin tidak akan bertumbuh dengan begitu pesat dan akan terus kekal di lingkungan 7,000 hingga 8,000. Maka ini akan menjadikan nisbah di antara Pengkalan Kota dan Pinang Tunggai itu jauh lebih besar daripada apa yang wujud sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, faktor yang kedua yang harus kita pertimbangkan ialah dari segi kecekapan perkhidmatan dan dari segi kecekapan pentadbiran. Kalau kita mengukur dari

segi prinsip ini, maka sempadan kawasan Pilihanraya seboleh-bolehnya haruslah selaras dengan sempadan pentadbiran khasnya sempadan daerah.

Pada pendapat saya terdapatlah kes-kes di mana keadaan telah diperbaiki. Iaitu yang dahulunya sempadan kawasan Pilihanraya itu tidak selaras dengan sempadan daerah tetapi sekarang telah diselaraskan. Namun demikian ada pula kes-kes yang sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai satu contoh, sempadan di antara kawasan Pilihanraya Parlimen Bukit Mertajam dan kawasan Nibong Tebal iaitu di Seberang Perai, Pulau Pinang, dahulunya mengikut dengan tepatnya sempadan daerah di antara daerah Seberang Perai Tengah dan daerah Seberang Perai Selatan. Sekarang tidak begitu lagi kerana sempadan kawasan Pilihanraya ini telah diubah, telah dipindahkan ke selatan, kerana tiga kawasan mengundi telah dipindahkan dari Nibong Tebal dan dimasukkan ke dalam Bukit Mertajam.

Pada pendapat saya ini akan menimbulkan masalah ketidakcekapan dan kesulitan dari segi pentadbiran kerana kedua-dua orang Wakil Rakyat dari Bukit Mertajam dan Nibong Tebal ini akan dikehendaki untuk menghubungi dua pejabat daerah yang berlainan dan begitu juga sebaliknya bagi pegawai-pegawai pejabat daerah. Saya berharap bahawa perkara seperti ini dapatlah diambil kira oleh pihak Suruhanjaya Pilihanraya.

Faktor yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai prinsip bahawa pembahagian ini harus juga mengambilkira tentang kesulitan-kesulitan yang akan timbul dengan perubahan-perubahan bahagian dan juga tentang memelihara hubungan tempatan. Saya dapati bahawa ada

beberapa kes di mana prinsip ini nampaknya tidak diambil kira. Satu contoh yang ketara sekali berlaku juga di dalam kawasan Pilihanraya Nibong Tebal. Di dalam kawasan itu terdapat tiga kawasan Pilihanraya Negeri iaitu Sungai Bakap, Bukit Tambun dan Sungai Acheh. Mengikut cadangan yang dikemukakan oleh Suruhanjaya Pilihanraya, Kampung Jawi, satu daerah mengundi yang dahulunya berada di dalam kawasan Sungai Bakap, sekarang dikeluarkan daripada Sungai Bakap dan dimasukkan ke dalam kawasan Bukit Tambun dan oleh kerana itu kawasan Bukit Tambun dinamakan semula sebagai kawasan Jawi.

Tuan Yang di-Pertua, pemindahan ini akan menimbulkan bukan sahaja kekeliruan tetapi kesulitan kerana Kampung Jawi bersama-sama dengan bandar Sungai Bakap dan kawasan-kawasan yang sekeliling dengannya telah lama dikenali oleh orang di Pulau Pinang dan juga orang di Kedah dan di Perak Utara sebagai kawasan Jawi.

Maka dengan adanya satu kawasan Pilihanraya Jawi di Nibong Tebal, timbullah dua kawasan Jawi, satu kawasan Pilihanraya, satu lagi kawasan yang dikenali lama oleh penduduk-penduduk di sana sebagai Jawi yang merangkumi bandar Sungai Bakap. Maka ini satu contoh yang ketara sekali di mana nampaknya hubungan sosial dan hubungan sejarah yang sedia wujud itu tidak diambil kira. Maka saya berharap bahawa perkara ini juga akan dapat dipertimbangkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya.

Faktor yang keempat, Tuan Yang di-Pertua, ialah seperti yang disebutkan dalam Jadual ke 13 Perlembagaan di mana ada dikatakan bahawa "bilangan pemilih-pemilih dalam tiap-tiap satu bahagian Pilihanraya dalam sesuatu negeri patutlah lebih kurang sama banyaknya kecuali bahawa memandangkan kepada lebih besar kesulitan untuk sampai kepada

pemilih-pemilih dalam daerah-daerah kampung dan lainnya kesulitan yang dihadapi oleh bahagian Pilihanraya di luar bandar, luasnya bahagian-bahagian itu patutlah diberi pertimbangan."

Peruntukan 2 (c) dalam Jadual ke 13 ini bermaksud bahawa sekiranya sesuatu kawasan Pilihanraya itu lebih luas daripada sesuatu kawasan Pilihanraya yang lain, maka bilangan pemilih bagi kawasan Pilihanraya yang pertama itu haruslah kurang daripada yang kedua itu, kerana yang kedua itu kawasannya bukan begitu luas mungkin ialah kawasan bandar. Sekiranya kita menggunakan prinsip ini, akan didapati bahawa ada beberapa "inconsistency" dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, di mana prinsip ini tidak diambil kira.

Sebagai contoh dari Pulau Pinang sekali lagi ialah kawasan Pilihanraya Parlimen Bukit Mertajam yang luasnya ialah 53 batu persegi yang mempunyai pemilih 48,000 orang. Dibandingkan dengan kawasan Parlimen Permatang Pauh misalnya ataupun Kepala Batas yang masing-masing mempunyai seluas 41 dan 50 batu persegi tetapi tiap-tiap satu mempunyai 27,000 orang pengundi. Itu satu contoh.

Satu contoh yang lain ialah dalam negeri Selangor, di antara kawasan Selayang dengan Sabak Bernam, di mana kawasan Selayang yang luasnya ialah 70% lebih besar daripada Sabak Bernam, tetapi Selayang mempunyai bilangan pemilih dua kali ganda bilangan pemilih Sabak Bernam kerana Selayang sekarang mempunyai 63,000 orang pemilih dibandingkan dengan 30,000 orang pemilih bagi Sabak Bernam.

Di samping itu, sekiranya kita mengambil kira pertumbuhan penduduk dan pertumbuhan pemilih maka akan didapati bahawa jurang di antara Selayang dan Sabak Bernam akan menjadi lebih besar lagi. Kalau kita mengkaji kadar pertumbuhan

kedua-dua kawasan itu di antara tahun 1974—1984, akan didapati bahawa Selayang merupakan satu kawasan yang begitu pesat pertumbuhan penduduknya, sehingga bilangan pemilihnya bertumbuh lebih daripada 10% setiap tahun dalam tempoh itu. Akan tetapi disebaliknya di Sabak Bernam kadar pertumbuhannya ialah hanya 2%.

Maka sekiranya kita menjalankan satu ulangkajian dalam tempoh lapan tahun lagi, bilangan pemilih bagi Selayang akan meningkat, dengan mengikut kadar yang sedia ada sekarang, dan pada pendapat saya kadar itu akan berterusan kerana Selayang akan terus bertumbuh dengan begitu cepat mungkin kerana ada wakil rakyat yang begitu cekap dalam kawasan itu. Maka bilangan pemilih di Selayang akan mencapai satu tahap 153,000 dalam tempoh 8 tahun. Di sebaliknya Sabah Bernam akan hanya mencapai bilangan pengundi sejumlah 35,000 sahaja dengan kadar pertumbuhan 2% tiap-tiap tahun. Ini akan menjadikan bilangan pemilih di Selayang itu empat kali ganda kalau dibandingkan dengan Sabak Bernam, pada hal luasnya kawasan Selayang melebihi Sabak Bernam dengan kadar 70%. Maka ini merupakan satu jenis inconsistency yang pada pendapat saya harus dibetulkan.

Dengan itu saya berharap bahawa cadangan-cadangan dan juga pendapat-pendapat yang saya kemukakan tadi dapat diambil kira dengan seriusnya oleh pihak Suruhanjaya Pilihanraya. Walaupun saya memahami bahawa Suruhanjaya itu merupakan sebuah badan bebas yang akan menjalankan tugas dengan seadil-adilnya, akan tetapi saya menggesa supaya pendapat-pendapat dan isu-isu yang saya kemukakan seperti ini harus dipertimbangkan.

Maka dengan itu saya menyokong Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) bagi tahun 1984 terhadap Perlembagaan Persekutuan kita.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Ahli Yang Berhormat Labuk Sugut.

4.35 ptg.

Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong (Labuk Sugut): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian untuk membahaskan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) yang baru sahaja dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, khususnya berkenaan dengan perisytiharan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu saya ingin mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Kerajaan Malaysia berserta dengan Kerajaan Negeri Sabah yang telah membuat persetujuan menjadikan Pulau Labuan sebagai Wilayah Persekutuan.

Dengan mengambil langkah bijak menjadikan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan, pada 16hb April, 1984, mana-mana dua tokoh yang akan saya sebutkan di sini iaitu Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr Mahathir Mohamad dan juga Yang Amat Berhormat Dato Harris bin Mohd. Salleh, Ketua Menteri Sabah, akan tercatat dalam sejarah Malaysia sebagai dua tokoh yang mempunyai keyakinan penuh terhadap negara Malaysia dan sistem Kerajaan Persekutuan Malaysia.

Kita sebagai rakyat yang bertanggungjawab, pasti berdiri teguh di belakang Kerajaan untuk memperkukuhkan sistem Kerajaan Persekutuan di Malaysia ini.

Cadangan untuk mengisytiharkan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan adalah untuk kepentingan negara dan kepentingan rakyat Sabah sendiri. Sebilangan besar rakyat Malaysia di Sabah sudah menerima hakikat ini.

Di samping itu langkah mengisytiharkan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan adalah juga satu tanda konkrit tentang kepercayaan penuh dan cinta kasih kami rakyat Sabah terhadap kemampuan dan kebijaksanaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad, memimpin negara Malaysia ke arah masa depan yang lebih cemerlang.

Tuan Yang di-Pertua, Parti Berjaya adalah pejuang yang tulin ke arah perpaduan dan integrasi nasional. Perisytiharan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan adalah merupakan satu lagi usaha Parti Berjaya ke arah integrasi nasional. Sebelum ini kita telah tahu bagaimana Berjaya telah ditubuhkan untuk menentang angan-angan beberapa pemimpin Sabah untuk membawa Sabah keluar dari Malaysia pada tahun 1975.

Kita telah mendengar Kerajaan Negeri Sabah mempelawa Kerajaan Persekutuan mengambil-alih tanggungjawab-tanggungjawab Kerajaan Persekutuan di mana pentadbirannya masih dikendalikan oleh Kerajaan Negeri Sabah. Hasilnya Kerajaan Persekutuan telah mengambil-alih beberapa buah jabatan dan badan-badan berkanun seperti Jabatan Bomba dan Lembaga Letrik Sabah. Lembaga Padi dan Beras Negara juga telah mengambil alih tugas Lembaga Padi Sabah yang sudah tidak wujud lagi pada hari ini.

FELDA juga sudah memperluaskan aktiviti ke Sabah. Kesemua tindakan berani oleh Parti Berjaya ini adalah semata-mata bertujuan untuk mendekatkan negara Sabah ke arah aliran perkembangan pesat negara.

Untuk menguatkan saranan saya ini betapa komitednya Berjaya terhadap integrasi nasional, saya ingin memetik ucapan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah di Dewan Undangan Negeri Sabah pada 8hb Mac, 1984:

“Keperluan supaya wujudnya integrasi nasional itu di antara Semenanjung dan Sabah adalah lebih menonjol bukan sahaja kerana kita telah lewat menjadi anggota Persekutuan tetapi juga kerana kita dipisahkan dari Semenanjung oleh Laut China Selatan sejauh 1,600km.

Kedudukan Labuan sebagai tempat yang strategik untuk menjamin keselamatan negeri Sabah dan Sarawak dan juga kepentingan Malaysia seperti telaga minyaknya tidak dapat disangkal lagi. Kedudukan ini diakui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.”

Dengan izin, saya ingin memetik kata-kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri:

“Labuan adalah sebuah tempat yang istimewa berhubung dengan Sabah atau Sarawak. Pulau ini pernah menjadi pengkalan bagi tentera Inggeris. Tentu sekali Pulau ini penting dari segi kedudukannya yang strategik. Oleh kerana kita mewarisi pengkalan itu dari pihak Inggeris, maka sewajarnya kita memberi pulau itu penghargaan dan status yang sama seperti yang telah diberikan kepadanya oleh pihak Inggeris.”

Seperti yang kita ketahui pembinaan pengkalan-pengkalan keselamatan akan juga mendatangkan faedah seperti peluang-peluang pekerjaan dan kemudahan-kemudahan sosial kepada rakyat Pulau Labuan dan juga rakyat daripada Sabah.

Cadangan menjadi Pulau Labuan sebagai Wilayah Persekutuan akan juga membawa lain-lain faedah. Di

sini sekali lagi saya ingin memetik kata Yang Amat Berhormat Datuk Harris bin Mohd. Salleh berkenaan beberapa faedah yang pasti akan wujud selepas perisytiharan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan.

Yang pertama, Kerajaan Persekutuan bukan hanya akan dapat menyelenggarakan tetapi akan juga dapat mempercepatkan tempoh pembangunan semasa dan dengan itu infrastruktur dan kemudahan-kemudahan lain akan dapat diperbaiki.

Kedua, Kerajaan Persekutuan mampu dan berupaya membangun Labuan sebagai pusat persidangan serantau dan antarabangsa.

Yang ketiga, pusat perniagaan dan persidangan tukar barang Pulau itu akan terjamin dan diperluaskan. Kerajaan Persekutuan telah memberikan jaminan bahawa kedudukan Pulau itu sebagai sebuah pelabuhan bebas akan dikekalkan.

Tuan Yang di-Pertua, tiada sesiapa pun yang menafikan tentang kemampuan Kerajaan Persekutuan untuk membangun wilayahnya. Lihat sahaja pembangunan pesat di Bandaraya Kuala Lumpur. Pembangunan di Kuala Lumpur amat membanggakan sekali, sehingga penghijrahan penduduk-penduduk luar bandar ke bandar Kuala Lumpur tiap-tiap tahun meningkat dan bertambah. Oleh itu tidak hairan nanti selepas beberapa bulan sahaja Labuan ditadbirkan oleh Kerajaan Persekutuan maka ramailah bilangan rakyat Malaysia dari Sabah akan berhijrah ke Labuan untuk mengejar penghidupan yang baik dan pembangunan yang pesat di Pulau Labuan. Untuk menjamin pengambilan alih Pulau Labuan oleh Persekutuan, tidak menyusahkan mana-mana pihak, Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Persekutuan telah membuat satu perjanjian.

Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah telah menyebut sembilan perkara yang bertujuan untuk memelihara hak dan keistimewaan yang dinikmati oleh rakyat Malaysia berasal dari Sabah dan menetap di Pulau Labuan. Sebagai satu contoh saya petik di sini rakyat Malaysia berasal dari Sabah bermastautin dalam negeri ini dan di Labuan boleh berulang alik secara bebas menyeberangi kedua-dua sempadan.

Menurut perkiraan yang dicadangkan dan bagi maksud Akta Kemajuan Petroleum tahun 1974 semua minyak galian yang dalam keadaan semula jadi mengandungi hydrocarbon dan gas asli dan casing head, petroleum spirit termasuk lapisan-lapisan bitumen dan lapisan minyak mentah lain yang dapat digali dalam kawasan Persekutuan akan kekal menjadi hakmilik Kerajaan Sabah sebagaimana yang dipersetujui dengan PETRONAS.

Rakyat Malaysia yang taat setia kepada negara, menerima baik pengisytiharan baik Pulau Labuan sebagai Wilayah Persekutuan. Namun demikian, ada juga anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab menentang tindakan murni Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

Baru-baru ini di Keningau, Y.A.B. Perdana Menteri telah mendedahkan adanya golongan mengambil tandatangan-tandatangan rakyat untuk menentang menjadikan Pulau Labuan Wilayah Persekutuan. Penentang-penentang ini menyatakan langkah menjadikan Pulau Labuan, Wilayah Persekutuan sama seperti penyerahan Labuan kepada Semenanjung. Mereka juga berpendapat tindakan Parti BERJAYA yang menimbulkan soal menjadikan Labuan Wilayah Persekutuan ini adalah satu muslihat politik BERJAYA kerana pilihanraya sudah dekat. Soal penyerahan Labuan

kepada Semenanjung adalah tepat sama sekali kerana adalah Labuan bukan diserahkan kepada sesiapa tetapi kepada Kerajaan Malaysia. Sedangkan Sabah adalah juga sebahagian daripada Malaysia. Lagi pun Kerajaan Persekutuan telah dibentuk oleh rakyat Malaysia dan ini termasuklah rakyat Malaysia daripada Sabah. Oleh itu soal penyerahan tidak timbul sama sekali.

Seperti kata Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah, saya ingin memetik sekali lagi: "bahawasanya kita semua adalah sekeluarga. Maka dengan menjadikan Pulau Labuan sebagai Wilayah Persekutuan, samalah seperti meminta ayah kita mengangkat dan memelihara anak kita." Saranan penentang-penentang itu menjadikan Labuan, Wilayah Persekutuan sebagai satu muslihat politik BERJAYA pilihanraya sudah hampir tiba adalah semata-mata satu kenyataan palsu dan bohong. Pada pilihanraya Negeri pada tahun 1976, pilihanraya Parlimen 1978. Begitu juga pilihanraya tahun 1981 dan 1982, BERJAYA telah mencatat kemenangan yang cemerlang tanpa ada isu-isu seperti isu Labuan ini. Oleh itu tidaklah tepat jika ada yang mengatakan parti BERJAYA bergantung untuk mendapat kemenangan terhadap isu-isu seperti Pulau Labuan ini.

Saya merayu kepada Kerajaan Persekutuan untuk memerhatikan gerak-geri mereka yang menentang kemasukan Labuan menjadi Wilayah Persekutuan. Janganlah kita biarkan mereka nanti akan menghancurkan cita-cita kita mewujudkan suatu perpaduan dan integrasi nasional yang tulin. Saya harap Kerajaan akan mengambil tindakan tegas kepada sesiapa juga yang mengapi-apikan soal Labuan dijadikan Wilayah Persekutuan.

Akhirnya, sekali lagi saya ingin menyokong pindaan Perlembagaan yang kedua pada tahun 1984.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera.

3.47 ptg.

Tuan Gooi Hock Seng (Bukit Bendera): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahas ke atas Rang Undang-undang Perlembagaan Pindaan (No. 2) Tahun 1984.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh sembilan bulan lalu mulai Julai Tahun 1983 hingga ke persidangan semasa Dewan Rakyat, Ahli Yang Berhormat sekalian perlu membahas sebanyak tiga Rang Undang-undang yang telah membuat pindaan ke atas Perlembagaan. Sepertimana sudah berlaku pada Julai tahun 1983 dan Januari, 1984, dan ketika ini Ahli-ahli masih diedarkan salinan-salinan Rang Undang-undang pada saat-saat terakhir.

Pada tarikh Julai, tahun 1983 kami diberikan Rang Undang-undang beberapa hari sebelum perbincangan walaupun kepentingan Rang Undang-undang itu tidak boleh dinafikan sehingga ia bukan sahaja hampir-hampir meruntuhkan pentadbiran 2M, tetapi juga membawa negara ke krisis Perlembagaan. Yang lebih menyesali ialah pada Januari tahun 1984 di mana Ahli Yang Berhormat sekalian hanya diedarkan salinan-salinan Rang Undang-undang pada hari perbincangan itu. Situasi bagi kali ini juga tidaklah berbeza. Sepertimaneh anda-anda menyedari Rang Undang-undang (Pindaan) ini yang kita sedang berdebat hanya diedarkan pada minggu lalu sahaja bersama-sama dengan 9 rang undang-undang lain. Saya juga sedar masalah ini iaitu menyedarkan ahli-ahli dengan Rang Undang-undang pada saat-saat terakhir telah dibangkitkan beberapa kali dahulu oleh rakan sejawat saya dalam parti DAP. Oleh sebab kepentingan serta masa pengajian bagi Rang Undang-undang adalah amat diutamakan, adalah padan jika

diingatkan berkali-kali bahawa Ahli-ahli Dewan Rakyat dan rakyat harus diperuntukkan masa yang cukup untuk mengkaji Rang Undang-undang sebelum ianya dibentangkan. Kalau tidak proses berparlimen demokratik hanya menjadi cemoh sahaja. Dan ekoran dari itu telah bertentangan dalam tugas dan tanggungjawab kita semua ini untuk melindungi dan mengekalkan proses berparlimen. Yang paling dikesalkan ialah kesemua aduan dari Ahli-ahli Parlimen mahupun dari rakyat telah jatuh dengan telinga pekak. Corak seumpama ini merupakan satu tabiat yang telah menjadi satu amalan berkekalan Kerajaan Barisan Nasional dengan mengedarkan Rang Undang-undang selewat-lewatnya.

Nampaknya bagi memerintah menganggap proses perundangan berparlimen sebagai proses yang tidak berpatutan yang harus dicepatkan dengan publisiti dan perbahasan yang minima. Maka sedemikian, pihak Barisan Nasional boleh dinyatakan sebagai parti yang bersalah serta berdosa dalam tindakan sabotaj yang melampau terhadap proses berparlimen demokratik ini. Parti Komunis Malaya sedang mencuba menghancurkan proses berparlimen negara dari luar melalui perjuangan bersenjata manakala Barisan Nasional sedang berusaha untuk menghancurkan Parlimen dari dalam Bangunan Parlimen ini. Ketika wujudnya tindakan Eksekutif untuk memperolehi proses perundangan untuk menghakis atau memindah hak-hak dan kebebasan rakyat, rakyat mempunyai hak untuk menentang bukan selepas Rang Undang-undang ini telah menjadi Undang-undang tetapi sebelumnya, lebih-lebih lagi berkaitan dengan pindaan Perlembagaan. Pemerintah semasa telah diberi mandat untuk memerintah tetapi ianya tidak boleh diinterpretasikan sebagai satu mandat untuk membuat apa jua yang ia

digemari. Kuasa atau mandat itu ialah untuk mentadbir selama lima tahun tertakluk kepada peruntukan-peruntukan dan jaminan-jaminan Perlembagaan.

Sistem Parlimen kita adalah berdasarkan kepada Perlembagaan berdemokratik dan Perlembagaan mengawal kelakuan dan tindakan Parlimen mahupun Kerajaan yang berkuasa. Yang maha berkuasa ialah Perlembagaan yang memerintah Kerajaan dan bukan sebaliknya. Mungkin parti memerintah mempunyai bilangan ahli-ahli yang mencukupi untuk membentang dan meluluskan Rang Undang-undang dar. perbuatan itu mungkin boleh dianggap sebagai berpatutan dari segi undang-undang tetapi adalah tersalah dari segi moral. Pendapat-pendapat dan sentimen rakyat tidak secara otomatik tamat kepentingannya sebaik sahaja selesainya pilihanraya selepas parti pemerintah telah memperolehi mandatnya. Lebih-lebih lagi jika pihak memerintah adalah pekak bersensitif serta bertimbang rasa kepada kehendak-kehendak dan asperasi kalangan rakyat. Parti pemerintah tidak pernah menyenaraikan perkara-perkara yang akan dilaksanakannya kalau dilantik semula dan sebaliknya rakyat juga tidak memberi parti pemerintah cek kosong untuk membuat sebarang ianya digemari.

Jadi untuk Kerajaan semasa percaya bahawa ianya mempunyai budibicara yang mutlak untuk berbuat apa sahaja yang digemari tanpa memperolehi pendapat daripada rakyat dengan tidak memberikan mereka notis dan publisiti yang cukup dalam hal pindaan kepada Perlembagaan baharu-baharu ini. Pihak pemerintah telah melanggar mandat yang diberikan oleh rakyat dan dengan berbuat itu telah menjadi dengan sendirinya satu ancaman serius kepada demokrasi berperlembagaan yang sepatutnya kita mempunyai di negara ini. Di sini saya ingin memetik

daripada salah seorang ahli Hakim Amerika yang telah bercakap, dengan izin,

“Where discretion is absolute, man always suffered. At times it has been his property that has been invaded, at times his freedom of thought, at times his life. Absolute discretion is a ruthless master. It is more destructive of freedom than of any man's other inventions.”

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sekarang merujuk kepada Fasal 12 Rang Undang-undang ini yang bertujuan meminda Artikel 42 bersabit dengan kuasa pengampunan, reprieve dan respite, supaya Yang di-Pertuan Agong boleh melaksanakan kuasa sedemikian di Wilayah Persekutuan Labuan dan ianya juga bertujuan menubuhkan sebuah Lembaga Pengampunan tunggal bagi kedua-dua Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur dan Labuan. Saya difahamkan bahawa pindaan ini bertujuan meluaskan kuasa pengampunan Yang di-Pertuan Agong untuk mengampun kesalahan-kesalahan dilakukan apabila Pulau Labuan menjadi Wilayah Persekutuan. Yang di-Pertuan Agong sebagai Fountain of Justice hanya menggunakan budibicara, belas kasihannya terdiri melalui Lembaga Pengampunan yang terdiri daripada Peguam Negara, Menteri Wilayah Persekutuan dan tidak melebihi tiga orang Ahli yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Lembaga pengampunan menasihatkan Yang di-Pertuan Agong menggunakan budibicara, belas kasihan Diraja. Untuk melindungi dan mengekalkan status dan kedaulatan Yang di-Pertuan Agong sebagai Fountain of Justice dan juga untuk mengelak Kerajaannya sebagai Fountain of Injustice, kami dari DAP menyeru satu supaya satu garis panduan spesifik dirumuskan untuk Lembaganya bertindak apabila menasihatkan Yang di-Pertuan Agong

dalam pelaksanaan Pengampunan Dirajanya supaya memastikan wujudnya keadilan dan belas kasihan harus wujud konsep keadilan dan belas kasihan yang tertentu. Hanya oleh wujud sejenis keadilan dan belas kasihan tanpa menghiraukan bangsa, agama atau kedudukan sosial persalah tersebut, maka dengan itu keadilan dan belas kasihan hendaklah tertentu dan bukan meragu-ragu dan tidak consistent.

Baharu-baharu ini diperhatikan bahawa seorang bekas Menteri yang didapati bersalah dalam kes pembunuhan dan dihukum mati telah diampunkan oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Lembaga Pengampunan dan hukumannya telah dikurangkan kepada penjara seumur hidup. Juga terdapat ramai orang dalam penjara yang dihukum mati hanya atas kesalahan yang kurang berat iaitu memiliki senjata. Mereka tidak langsung membunuh orang dan rayuan mereka tidak berjaya. Apa yang tidak dapat difahami ialah kenapa dalam kes-kes ini Lembaga Pengampunan tidak menasihati Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong untuk menggunakan budibicara dan belas kasihan dan khasnya apakah garis panduan, jika ada, yang digunakan oleh Lembaganya untuk tidak menasihatkan Yang di-Pertuan Agong untuk menguatkuasakan budibicara belas kasihan Diraja Baginda? Mengikut teladan yang ditunjukkan oleh Lembaga ini dalam kes pembunuhan bekas Menteri itu maka mereka yang sedang menunggu untuk digantung juga harus diberi pengampunan dan hukuman mereka itu dikurangkan kepada penjara seumur hidup.

Tuan Yang di-Pertua, parti DAP tidaklah membangkang Fasal 2 yang bercadang memperuntukkan tempoh sebanyak 60 hari untuk mengisi kekosongan kerusi dalam Dewan Rakyat ke seluruh negara. Tetapi kami

dari DAP dengan tegasnya menyeru Kerajaan memperkenalkan undang-undang yang memerlukan Ahli-ahli Dewan Rakyat yang telah meletakkan jawatan atau dipecat dari parti mereka untuk mengosongkan kerusi mereka dan bertanding semula untuk mendapat mandat baru. Di negara ini Ahli-ahli Dewan Rakyat adalah dipilih oleh rakyat berdasarkan parti yang mereka wakili dan bukan atas sifat peribadi mereka. Jika mana-mana Ahli Dewan Rakyat yang gagal mendapat kepercayaan parti atau tiket mana mereka dipilih perlu mendapat semula mandat baru dari pengundi-pengundi mereka untuk membuktikan bahawa mereka masih mempunyai sokongan rakyat yang mereka mewakili dan bahawa mereka masih berhak kepada kerusi Parlimen tersebut. Dewan Rakyat bukanlah tempat untuk mereka yang telah mengkhianati rakyat.

Kerajaan Barisan Nasional jika ia benar-benar ikhlas dengan cogan kata "Bersih, Cekap dan Amanah" harus tidak teragak-agak untuk meluaskan tema itu kepada Dewan Rakyat. Sebarang keengganan atau keberatan parti pemerintah untuk meluaskan tema tersebut kepada Dewan Rakyat hanya bererti bahawa Barisan Nasional dengan sepenuhnya menggesa, menggalak serta menyokong pbaikan Ahli-ahli Dewan Rakyat yang mengkhianati dan yang tidak mempunyai sebarang prinsip.

Parti DAP sungguh-sungguhnya menyesali cadangan di bawah Fasal 12 untuk meminda Artikel 45 untuk memperuntukkan seorang Senator dilantik bagi Pulau Labuan. Kita rasa telah tiba masanya untuk Kerajaan mengkaji semula komposisi Senate yang tidak mewakili sesiapa kecuali tuan politik mereka dan berusaha mewujudkan sebuah Dewan yang dipilih. Sejak kemerdekaan Senate telah dan kini berkhidmat sebagai rubber-stamp dalam proses perundangan.

Semasa sejarahnya Senate tidak pernah membuktikan bahawa memiliki kemahuan pemikirannya sendiri untuk menolak sebarang rang undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Rakyat. Seringkali didapati Senate telah merupakan padang meragut (grazing ground) bagi mereka yang tertewas dalam pilihanraya atau gagal dipilih menjadi Ahli Dewan Rakyat mahupun Dewan Undangan Negeri menerusi pemilihan popular. Peristiwa seumpama ini telah dibuktikan melalui perlantikan Encik Lim Kean Siew kepada Senate baru-baru ini setelah tertewas dalam pilihanraya tahun 1982. Maka untuk memberikan peranan yang lebih bermakna kepada Senate, Senate harus terdiri daripada Ahli-ahli yang dipilih oleh rakyat dan semua Senator yang dicalonkan harus dimansuhkan sama ada oleh Dewan Undangan Negeri atau oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Perkara 45 (4) (b) dan (c) di bawah Perlembagaan dengan khususnya memperuntukkan undang-undang bagi Senate di mana ahli-ahlinya dipilih oleh rakyat. Selain daripada meng-amanahkan Senate peranan yang lebih bermakna, Senate yang terdiri daripada ahli-ahli yang dipilih juga akan memulihkan keyakinan rakyat kepadanya sebagai sebuah badan yang benar-benar boleh mewakili pendapat mereka.

Parti DAP ingin merakamkan bantahan kerasnya terhadap cadangan yang terkandung dalam Fasal 25 (a) Rang Undang-undang ini yang mana jika diluluskan oleh Dewan Rakyat akan melayakkan Suruhanjaya Pilihanraya mengadakan kajian semula dari masa ke semasa apabila difikirkan perlu sebarang pindaan kepada kawasan-kawasan pilihanraya Parlimen dan Dewan Undangan Negeri. Parti DAP tidak menyokong usul ini atas sebab bahawa di bawah undang-undang yang sedia ada

Suruhanjaya Pilihanraya mesti mengkaji semula kawasan-kawasan pilihanraya sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 10 tahun tanpa mengira sama ada pindaan ada dibuat ataupun tidak.

Di bawah pindaan yang dicadangkan, di bawah Fasal 25 (a), Suruhanjaya Pilihanraya tidak perlu membuat sebarang pengkajian langsung. Suruhanjaya Pilihanraya diberikan kuasa untuk memutuskan masa yang dianggap sesuai dan berpatutan untuk mengadakan pengkajian dan sama ada sekali dalam 20 tahun atau 30 tahun ataupun tidak perlu langsung jika Suruhanjaya Pilihanraya berkehendak demikian. Diskresi seperti ini tidaklah diinginkan dan juga tidaklah munasabah. Kawasan-kawasan yang memerlukan kajian semula dari masa ke semasa terdiri khasnya daripada kawasan-kawasan pilihanraya di kawasan bandar. Statistik telah menunjukkan bahawa pertumbuhan bilangan pengundi bertambah dengan lebih pantas di kawasan bandar jika dibandingkan dengan kawasan-kawasan pilihanraya di desa.

Sebagai satu contoh di negeri Pulau Pinang antara tahun-tahun 1974 dan 1982 kawasan pilihanraya Parlimen Jelutong dan Bukit Bendera telah mengalami penambahan bilangan pengundi sebanyak 28,289 dan 26,366 pengundi masing-masing; manakala di kawasan pilihanraya Parlimen Kepala Batas dan Permatang Pauh peningkatan hanya menyentuh 8,563 dan 9,715 masing-masing. Pertumbuhan pesat di kawasan pilihanraya bandar juga disebabkan oleh galakan yang diberikan oleh Kerajaan kepada rakyat untuk berpindah dari desa ke bandar. Oleh yang demikian tanpa wujudnya satu kajian semula yang wajib dari masa ke semasa, perwakilan yang sudah pun kurang daripada sewajarnya akan bertambah buruk pada masa-masa akan datang.

Dalam kajian kawasan-kawasan pilihanraya di mana pindaan-pindaan harus dibuat, prinsipnya adalah terkandung dalam Jadual Ketigabelas malangnya Suruhanjaya Pilihanraya tidaklah mengikut prinsip-prinsipnya. Dalam amalan persempadanan kawasan pilihanraya baru-baru ini, Suruhanjaya Pilihanraya telah mengabaikan prinsip yang terkandung dalam Jadual Ketiga belas berhubung dengan bilangan pemilih di sesuatu kawasan pilihanraya. Fasal 2 (c). Jadual Ketigabelas Perlembagaan dengan tepatnya mencatatkan prinsip bahawa bilangan pengundi dalam sesuatu kawasan pilihanraya patut hampir-hampir sama kecuali timbulnya masalah perhubungan dengan pengundi dalam kawasan-kawasan desa atau atas sebab-sebab lain di mana ketidak samaan itu adalah berpatutan.

Suruhanjaya Pilihanraya dalam persempadanan kawasan baru-baru ini telah mengeneipkan prinsip bahawa bilangan pengundi dalam sesebuah kawasan harus dipersamakan tetapi sebaliknya telah banyak kali menggunakan pengecualian di Fasal 2 (c) sebagai dasar utama iaitu dengan memberikan weightage kelebihan kepada kawasan-kawasan desa dan sebagai tidak mencerminkan prinsip-prinsip demokrasi "one-man one-vote".

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menyentuh kepada hal penyerahan Pulau Labuan kepada Kerajaan Persekutuan untuk ditubuhkan sebagai Wilayah Persekutuan. Pada Persidangan Parlimen yang lalu dalam bulan Oktober, November dan Disember 1983, rakan sejawat saya dari Sandakan dalam ucapan beliau telah menyentuh tentang pengetahuan umum di Sabah bahawa Ketua Menteri Sabah Yang Amat Berhormat Datuk Harris Salleh memiliki kadar tanah yang paling banyak di Pulau Labuan serta hakikat bahawa pihak

yang akan paling banyak beruntung dari pertukaran status Labuan ialah tidak lain daripada Datuk Harris sendiri. Rakan saya dari Sandakan dalam ucapan beliau telah juga mengesahkan bahawa Datuk Harris Salleh memiliki sebanyak 70% tanah di Pulau Labuan yang telah dinafikan oleh Datuk Harris sebaliknya beliau telah mendakwa bahawa beliau tidak memiliki lebih daripada 2% tanah di situ. Akibat daripada kejadian itu kedua-dua Ahli Dewan Rakyat berkenaan telah dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan tentang dakwaan masing-masing.

Saya difahamkan bahawa Jawatankuasa Hak dan Kebebasan telah memulakan penyiasatannya. Saya ingin menarik perhatian kepada sebuah petikan di dalam majalah, tajuk membongkar

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Ahli Yang Berhormat, adakah apa yang Yang Berhormat akan sebutkan ini bersabit dengan perkara dalam pertimbangan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan?

Tuan Gooi Hock Seng: Ini mengenai Pulau Labuan dengan hak-hak tanah di sana.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Jemput duduk, Ahli Yang Berhormat! Sekiranya apa Yang Berhormat akan bacakan petikan itu bersabit dengan perkara yang dalam pertimbangan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, saya akan menghentikan Yang Berhormat daripada bercakap. Yang Berhormat boleh teruskan.

Tuan Gooi Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingin menyentuh dengan perkara-perkara yang sedang disiasat oleh Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, tetapi saya ingin mengemukakan bahan-bahan yang mana saya percaya Jawatankuasa ini boleh dirujuk.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Jemput duduk Yang Berhormat. Bahan-bahan ini Yang Berhormat boleh kemukakan terus kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Yang Berhormat boleh teruskan.

Tuan Gooi Hock Seng: Kalau begitu, saya tiada lain-lain ucapan yang hendak dibuat.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Ahli Yang Berhormat dari Mukit Mas.

5.14 ptg.

Tuan Mutang Tagal (Bukit Mas): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut serta membahar Rang Undang-undang yang meminda Perlembagaan Persekutuan bagi membuat peruntukan mengenai penubuhan Wilayah Persekutuan Labuan. Dengan lulusnya Rang Undang-undang ini persempadanan negeri Sabah akan diubah dan dari segi undang-undang dan pentadbiran beberapa pindaan-pindaan lain kepada Perlembagaan Persekutuan dan Undang-undang Negeri Sabah perlu diadakan untuk melicinkan penubuhan Wilayah Persekutuan Labuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan langkah Kerajaan Persekutuan untuk menubuhkan Wilayah Persekutuan Labuan oleh kerana dengan penubuhan tersebut Kerajaan Persekutuan akan mengambil alih ataupun menjalankan kedaulatan segala kuasa dan bidang kuasa ke atas kawasan tersebut. Langkah ini saya percaya memang akan membawa beberapa faedah atau keuntungan kepada Wilayah Persekutuan Labuan khususnya dan Negeri Sabah amnya. Adalah diharapkan bahawa Kerajaan Persekutuan akan mengadakan satu pelan induk yang Komprehensif bagi membangun dan memajukan secara berterusan Wilayah Persekutuan

Labuan dari segi infrastruktur, pentadbiran, ekonomi, perindustrian dan perkapalan termasuk kalau boleh membuat satu kajian sama ada praktik ataupun tidak pembinaan satu jambatan yang akan menghubungkan Wilayah Persekutuan Labuan dengan pantai lautan Negeri Sabah yang berdekatan dengan Wilayah Persekutuan Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, jikalau jambatan Pulau Pinang dapat dibina saya percaya mudah-mudahan jambatan Labuan dapat dibina. Jika pembinaan jambatan Labuan walaupun memakan belanja yang besar akan memberi manfaat yang besar kepada negeri Sabah dan Sarawak ataupun kawasan yang berhampiran dengan Wilayah Persekutuan Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, pembinaan jambatan tersebut akan memberi faedah ataupun keuntungan manfaat kepada rakyat Malaysia di Wilayah Persekutuan Labuan, Sabah dan Sarawak oleh kerana ia akan memudahkan perjalanan ke Wilayah Persekutuan Labuan. Selain daripada menaiki kapal terbang bagi melawat Wilayah Persekutuan Labuan, rakyat di Negeri Sabah dan Sarawak menggunakan bot mereka apabila mereka mengunjungi Wilayah tersebut dan ini berlaku tiap-tiap hari oleh kerana kawasan saya berhampiran dengan kawasan ataupun rantau Wilayah Persekutuan Labuan. Dalam bulan November lalu, satu bot laju dari kawasan saya iaitu Lawas yang berhampiran dengan Wilayah Persekutuan Labuan telah terancam oleh gelombang dan ombak yang hebat di Laut Cina Selatan. Bot laju itu dipenuhi oleh air sehingga bot itu hampir tenggelam. Nasib baik ada kapal yang sedang berlabuh di tengah laut itu. Dengan pertolongan kakitangan di kapal itu semua penumpang-penumpang di bot laju itu diselamatkan. Ini merupakan satu daripada kemalangan-kemalangan

yang banyak kali berlaku di perairan Laut Cina Selatan waktu musim hujan di mana keadaan cuaca yang buruk telah pun menimbulkan keadaan bahaya kepada pengguna-pengguna perairan Laut Cina Selatan waktu mengunjungi Wilayah Labuan. Adalah diramalkan bahawa dengan penubuhan jalan raya Trans-Borneo Highway pada masa akan datang bilangan pelawat-pelawat dari Sarawak dan Brunei ke Sabah akan bertambah dan dengan adanya jambatan Labuan, perjalanan mereka ke Wilayah Persekutuan Labuan akan dimudahkan.

Tuan Yang di-Pertua, jika pembinaan jambatan tersebut dianggap tidak praktik oleh kerana kos dan perbelanjaan yang sangat tinggi, saya menyeru Kerajaan supaya mengadakan kemudahan feri di antara Wilayah Persekutuan Labuan dan Negeri Sabah supaya rakyat jelata yang tidak mampu untuk menaiki kapal terbang ataupun membeli bot laju dengan alat-alat enjin yang laju dapat juga menggunakan feri tersebut untuk mengunjungi Wilayah Persekutuan Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, Wilayah Persekutuan Labuan merupakan satu tempat yang strategik dari segi pertahanan kedaulatan negara kita. Adalah diharapkan supaya Kerajaan Persekutuan menggunakan peluang ini untuk mengukuhkan lagi kedudukan jentera-jentera pertahanan kita di Wilayah tersebut supaya kawalan dan pertahanan, kedaulatan negara kita khasnya Sabah dan Sarawak adalah terkawal dari ancaman-ancaman luar dari masa ke semasa.

Memandangkan Wilayah Persekutuan Labuan terdiri daripada beberapa pulau adalah diharapkan supaya Kerajaan Persekutuan menumpu perhatian dan mengkhususkan strategi pembangunan mereka ke atas Wilayah tersebut ke

arah kemajuan dan pembangunan pesat dan pemodenan hidupan laut (marine life). Yang saya maksudkan ialah Kerajaan Persekutuan harus membuat satu kajian mengenai potensi hidupan laut di Wilayah atau di rantau tersebut supaya rancangan aquaculture dapat dijalankan secara besar-besaran di wilayah tersebut. Selain daripada memungut hasil bagi negara kita dari segi pengeksporan hasil-hasil dari aquaculture tersebut rancangan ini akan juga memberi peluang kerja kepada para nelayan-nelayan di wilayah tersebut.

Sekalipun faedah-faedah yang timbul ataupun dengan izin, spin of benefit, rancangan tersebut akan menimbul ataupun dengan izin, spin of benefit, rancangan tersebut akan menimbul ataupun mewujudkan peluang-peluang untuk membina kilang-kilang berkaitan dengan industri laut (marine industry) seperti ikan, udang, kerang dan sebagainya. Pembinaan kilang-kilang tersebut akan menjadi asas di mana sumber pendapatan yang constant dapat dinikmati oleh golongan-golongan yang miskin di wilayah tersebut supaya di masa depan sumber pendapatan mereka akan terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan ada beberapa golongan tertentu di negara kita yang masih ragu-ragu tentang hasrat Kerajaan Persekutuan menubuhkan Wilayah Persekutuan Labuan, saya bercadang kepada Kerajaan Persekutuan supaya mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memberi keterangan yang selanjutnya kepada rakyat Labuan khususnya dan rakyat Sabah amnya mengenai penyerahan Pulau Labuan.

Yang penting saya rasa ialah Kerajaan harus memberi jaminan kepada rakyat Labuan dan Sabah bahawa penubuhan Wilayah Persekutuan Labuan akan memberi

faedah dan keuntungan yang lebih kepada rakyat di Labuan dan Sabah. Jaminan ini telah pun diberi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apabila beliau membentangkan Rang Undang-undang ini di dalam Dewan yang mulia sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, soal rugi itu tidak timbul dalam penyerahan ini oleh kerana hak istimewa yang terdapat ataupun status quo yang terdapat di Labuan sebelum ianya dijadikan Wilayah Persekutuan Labuan masih dikekalkan.

Selain daripada meminda kedaulatan kuasa dan bidang kuasa dari Kerajaan Sabah kepada Kerajaan Persekutuan, Rang Undang-undang ini telah pun memberi peruntukan di mana hak istimewa yang terdapat di Labuan sebelum ini masih dipertahankan ataupun dikekalkan kecuali beberapa ubahsuaian-ubahsuaian yang dianggap perlu. Sebagai misalnya Fasal 17 dan 18 Rang Undang-undang ini bertujuan mengiktiraf dan mengekalkan status bumiputera dan tanah mereka dalam Wilayah Persekutuan yang akan ditubuhkan. Pengekalan ini perlu oleh kerana latar belakang penduduk di Labuan, adat istiadat dan undang-undang tanah mereka berlainan daripada yang terdapat di Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai Fasal 16 saya mengalu-alukan pengkalan ini oleh kerana kesulitan yang timbul disebabkan oleh masalah geography. Saya menyeru Kerajaan Persekutuan supaya kuasa Kehakiman Mahkamah Tinggi di Borneo dikekalkan oleh kerana ini akan memudahkan dan melicinkan pentadbiran kehakiman dan keadilan di negeri Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Memang dari segi keseragaman di dasar integrasi nasional satu Mahkamah Tinggi Malaysia

nampaknya elok, tetapi kita harus menerima hakikat bahawa negeri Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan adalah terpisah beribu batu oleh Laut China Selatan. Dari segi pentadbiran, masalah geography ini menjadi alasan yang penting mengapa Mahkamah Tinggi di Borneo ini harus dikekalkan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah diperkatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi, penubuhan Wilayah Persekutuan Labuan akan mempercepatkan proses integrasi nasional negara dan adalah diharapkan dengan penubuhan Wilayah Persekutuan Labuan supaya selain daripada rakyat umum lebih ramai lagi pemimpin-pemimpin kita dapat melawat bukan sahaja Wilayah Persekutuan Labuan tetapi negeri Sarawak dan Sabah. Dengan lawatan-lawatan itu pemimpin-pemimpin kita terutama Menteri-menteri Kerajaan Persekutuan dapat tahu secara first information report, dengan izin, dengan lebih mendalam masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat di negeri tersebut supaya apabila menteri-menteri Kerajaan Persekutuan membuat dasar-dasar dalam Kementerian mereka mengenai rancangan-rancangan di semua negeri di negara ini negeri Sarawak dan Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan tidak akan tertinggal dalam arus perkembangan pembangunan di negara ini.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Ahli Yang Berhormat dari Parit.

5.30 ptg

Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis (Parit): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut bersama-sama dengan Ahli-ahli yang lain untuk memberikan sokongan yang sepenuh-penuhnya kepada Rang Undang-undang iaitu untuk meminda Perlembagaan Persekutuan bagi membuat peruntukan penubuhan Wilayah Persekutuan Labuan seperti yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan negeri Sabah yang telah sama-sama mengambil persetujuan bagi pembentukan Wilayah Persekutuan ini.

Langkah Kerajaan menjadikan Pulau Labuan sebagai Wilayah Persekutuan adalah merupakan satu langkah yang membuktikan betapa jujur dan ikhlasnya Kerajaan Barisan Nasional di dalam memberikan keadilan kepada seluruh rakyat di mana-mana sahaja ceruk rantau takluknya. Kecekanan hati kedua-dua pihak iaitu Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Sabah sudah tentu akan banyak memberi faedah dan kemudahan-kemudahan kepada penduduk-penduduknya dan ternyata kepada kita tidak ada pihak yang akan hilang hak mereka sementara penduduk-penduduk tempatan akan terjamin hak-hak mereka akan terus menjadi rakyat Malaysia dan mempunyai hak yang sama dengan rakyat di seluruh negara, lebih-lebih lagi mereka akan mendapat jaminan hidup yang lebih sempurna di masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, daripada huraian yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ternyata bahawa penubuhan Wilayah Persekutuan ini

adalah mempunyai satu cita-cita yang sungguh tinggi oleh Kerajaan kita, oleh Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri Sabah iaitu dengan tujuan untuk memesatkan lagi pembangunan di Pulau Labuan tersebut setelah dijadikan sebagai Wilayah Persekutuan. Di sini jelaslah kepada kita betapa besarnya hasrat Kerajaan untuk memberikan layanan yang sama dan layanan yang sebaik-baiknya kepada penduduk-penduduk yang berada di Pulau tersebut seperti mana layanan dan kemudahan-kemudahan yang telah dinikmati oleh rakyat negara Malaysia yang lain.

Sebagaimana pembangunan yang begitu pesat yang berlaku di hadapan mata kita terhadap kawasan Kuala Lumpur selepas menjadi Wilayah Persekutuan maka diharapkan rakyat Malaysia di Pulau Labuan akan dapat pula melihat pembangunan yang demikian setelah mereka berada di dalam Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, di samping Kerajaan membangunkan kawasan-kawasan Wilayah iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan akan diikuti pula pembangunan di Wilayah Persekutuan di Labuan, rakyat Malaysia terutamanya di kawasan-kawasan pendalaman, luar bandar masih banyak lagi menunggu-nunggu akan pembangunan-pembangunan dari Kerajaan khususnya dengan kemudahan-kemudahan asas seperti yang selalu disebut-sebutkan iaitu terutamanya perhubungan dengan adanya jalan raya yang sempurna, dengan adanya bekalan elektrik dan juga dengan adanya bekalan air. Sungutan-sungutan yang tidak berhenti sentiasa disampaikan oleh rakyat jelata, oleh rakyat luar bandar, kepada Wakil-wakil Rakyat akan nasib mereka yang masih tertinggal daripada menikmati kemudahan-kemudahan tersebut kalau dibandingkan dengan rakyat Malaysia yang lain khususnya yang tinggal di

bandar-bandar terutamanya setelah 26 tahun negara kita mencapai kemerdekaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga ada menyebutkan bahawa dengan penubuhan Wilayah Persekutuan di Pulau Labuan, ini akan memudahkan pihak Kerajaan untuk menjadikan pulau tersebut sebuah pusat pelancongan. Sebuah pulau yang akan menjadi pusat pelancongan yang akan menarik pelancong-pelancong ke negara kita. Ini sudah tentu akan meletakkan Malaysia menjadi sebuah negara yang menarik dan akan diminati oleh pelancong-pelancong dari seluruh dunia dan ini juga sudah tentu dapat menampung ataupun dapat mewujudkan tempat-tempat yang menarik dalam negara kita yang menjadi kebanggaan kita nanti, dan kepada seluruh rakyat. Dapatlah kita bandingkan dengan kebanggaan rakyat negara-negara lain, misalnya kalau rakyat Thailand berbangga dengan Bandar Pattayanya dan rakyat Filipina dengan Bagio Citynya merupakan pusat-pusat pelancongan yang menarik hati pelancong-pelancong seluruh dunia, maka kita harapkan Pulau Labuan akan dapat menandingi kedua-dua tempat yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam masalah ini saya mencadangkan supaya pihak Kerajaan akan berusaha dengan lebih bersungguh-sungguh untuk mengadakan lebih banyak pusat-pusat pelancongan yang akan menarik bukan sahaja di kawasan-kawasan ibukota dan Wilayah Persekutuan ataupun di kawasan-kawasan bandar, tetapi juga di kawasan-kawasan luar bandar supaya bukan sahaja rakyat di kawasan bandar dapat menikmati kemudahan-kemudahan pelancongan ataupun menikmati keindahan ini, tetapi juga rakyat luar bandar akan berpeluang menikmati perkara yang sama, tetapi

pihak yang merancang untuk mendirikan pusat-pusat pelancongan ini hendaklah lebih berhati-hati supaya perbelanjaan yang akan dikeluarkan ataupun yang telah dikeluarkan yang berjuta-juta ringgit itu tidak akan jadi membazir seperti apa yang berlaku di pusat pelancongan di Bukit Nenas yang telah mengalami kerugian beratus-ratus ribu ringgit di mana ia tidak lagi menarik hati pelancong-pelancong sama ada dari luar mahupun dari dalam negeri, tinggallah kawasan itu dari pusat yang indah dahulu menjadi semak-samun yang sepi, yang hanya sesuai menjadi tempat muda-mudi bercumbucumbuan. Oleh yang demikian di dalam merancang pusat-pusat pelancongan seperti apa yang diharapkan di Pulau Labuan nanti tidaklah akan terjadi perancangan yang kurang teliti seperti yang telah ternyata di hadapan mata kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tertarik hati dengan apa yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu tentang pengkalan Pulau Labuan menjadi sebagai Pelabuhan Bebas. Ini adalah satu tindakan yang sungguh wajar dan sungguh dialu-alukan oleh rakyat. Ini sudah tentu menjadi satu asas yang menarik rakyat negara ini sendiri untuk melancong ke sana dan sudah tentulah tidak merugikan negara ini dari mengalirnya wang negara kita ke negara asing seperti apa yang berlaku hari ini begitu banyak rakyat negara Malaysia melawat ke Singapura dengan tujuan untuk membeli-belah dan mendapatkan barang-barang dengan harga yang jauh lebih murah, sedangkan barang yang tersebut begitu banyak terdapat di dalam negara sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam masalah ini saya mencadangkan supaya pihak Kerajaan mengkaji semula untuk mewujudkan beberapa lagi Pelabuhan Bebas dalam negara

kita, misalnya meletakkan sebuah Pelabuhan Bebas di Utara Malaysia iaitu dengan mewujudkan semula Pulau Pinang sebagai Pelabuhan Bebas, kemudian apa salahnya di Pantai Timur kita adakah sebuah Pelabuhan Bebas dan di Malaysia Timur iaitu Sarawak kita pilihlah mana-mana bandar yang pelabuhan yang sesuai untuk dijadikan Pelabuhan Bebas supaya dengan ini rakyat negara kita tidaklah perlu lagi pergi ke Singapura ataupun ke lain-lain negara dengan tujuan untuk mendapatkan barang yang murah dan sudah tentulah ini sangat menguntungkan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, jadi akhirnya saya sekali lagi memberikan sokongan yang sepenuh-penuhnyalah kepada Rang Undang-undang bagi meminda Perlembagaan Persekutuan bagi menubuhkan Wilayah Persekutuan Labuan.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:
Yang Berhormat dari Sandakan.

5.40 ptg.

Tuan Fung Ket Wing (Sandakan):
Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbincangan ke atas penubuhan Pelabuhan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan, yang bertujuan di antara lain membuat peruntukan bagi penubuhan Wilayah Persekutuan Labuan.

Sejak cadangan untuk menjadikan Wilayah Persekutuan Labuan diumumkan, Kerajaan Negeri Sabah telah menerangkan bahawa Kerajaan Persekutuan hanya mengambil alih pentadbiran Labuan kerana Majlis Perbandaran Labuan sedang mengalami kerugian dan bahawa Kerajaan Negeri tidak mensubsidikan Majlis Perbandaran Labuan. Jika dijelaskan bahawa tanah masih akan berada di bawah

kedaulatan Kerajaan Negeri dan rakyat negeri tidak perlu bimbang sangat mengenai cadangan tersebut.

Fasal 5 Rang Undang-undang menjelaskan dengan terangnya bahawa semua tanah dalam Labuan diletak hak pada Persekutuan apabila Wilayah Persekutuan Labuan ditubuhkan. Apa yang timbul ialah apabila Kuala Lumpur menjadi Wilayah Persekutuan, Kerajaan Persekutuan telah membayar \$3 billion sebagai pampasan kepada Kerajaan Selangor. Adalah tidak adil bagi Kerajaan Persekutuan untuk tidak membayar sebarang pampasan kepada negeri Sabah wal hal ia telah dibuat demikian bagi Selangor. Sabah adalah sebuah negeri dalam Persekutuan Malaysia dan prinsip yang sama harus digunakan.

Ingin saya menyebut di sini bahwa Negeri Sabah telah membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk memaju dan membangunkan Pulau Labuan dan kini pulau tersebut terserah pula kepada Persekutuan dan tanpa apa-apa pampasan. Sekiranya Kerajaan Pusat ini ingin mengisytiharkan mana-mana bahagian negara ini sebagai Wilayah Persekutuan, maka pampasan hendaklah dibayar seperti di lakukan apabila Kuala Lumpur dijadikan Wilayah Persekutuan. Di samping itu, Pihak berkuasa hendaklah menjelaskan dengan tepatnya tujuan-tujuan sebalik tawaran menjadikan Labuan sebuah Wilayah Persekutuan dan jangan cuba memesongkan rakyat dengan mengatakan bahawa tawaran untuk menjadikan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan adalah terhad kepada pentadbirannya sahaja. Kerajaan Negeri Sabah harus menuntut maaf kepada rakyat Sabah atas perkara ini kerana tidak memberi sebab-sebab atau faktor-faktor yang sebenarnya yang melibatkan Kerajaan Negeri Sabah mengeluarkan Labuan untuk dijadikan sebagai Wilayah Persekutuan.

Apakah pendapat rakyat Sabah diperolehi dengan mengadakan satu pungutan suara untuk memperolehi pendapat mereka atas perkara tersebut. Salah satu sebab yang diutarakan oleh Kerajaan Berjaya untuk tawaran menjadikan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan ialah supaya wujudnya integrasi yang lebih di antara Kerajaan Pusat dengan Negeri tersebut. Menurut logik ini, apakah ini bermakna negeri-negeri lain juga harus mengira sebahagian tanah mereka untuk dijadikan Wilayah Persekutuan. Apakah ini bermakna Sarawak harus mengira Bintulu untuk dijadikan Wilayah Persekutuan; Kedah—Pulau Langkawi; Johor—Pasir Gudang untuk dijadikan Wilayah Persekutuan. Sekiranya ini tidak dibuat, apakah ini bermakna negeri-negeri tersebut adalah kurang berintegrasi dengan Kerajaan Pusat.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

Fasal 8 Rang Undang-undang ini memperuntukkan bahawa Majlis Perbandaran Labuan akan terus menjadi sebuah Majlis Perbandaran dalam Wilayah Persekutuan dan taraf Pelabuhan Bebas Labuan akan terus juga dikekalkan. Ini bererti bahawa penduduk-penduduk Labuan akan hilang hak mereka untuk memilih wakil-wakil negeri mereka. Kita semua sedar bahawa Ahli-ahli Majlis Perbandaran Labuan adalah merupakan "political appointee" yang dilantik oleh Kerajaan Negeri dan Ahli-ahli Majlis yang dilantik itu lazimnya tidak berkhidmat untuk kepentingan rakyat. Mereka hanya berkhidmat untuk kepentingan diri mereka sendiri.

Saya dengan seriusnya mencadangkan kepada Kerajaan supaya penduduk-penduduk Labuan diberi peluang untuk memilih wakil-wakil mereka kepada Majlis

Perbandaran Labuan supaya kepentingan mereka diwakili. Labuan harus ada memerlukan sebuah Majlis Perbandaran yang dipilih dengan Ahli-ahli Majlis yang ditanggungjawabkan satu "accountable" kepada rakyat. Kerajaan Pusat harus memastikan bahawa apabila Labuan menjadi sebuah Wilayah Persekutuan, Ahli-ahli Majlis Perbandarannya tidak akan menggunakan pengaruh dan kedudukan mereka sebagai Ahli Majlis untuk merekomen serta mempengaruhi keputusan-keputusan di mana mereka sendiri akan menjadi "beneficiaries" yang terpaksa sekali akibat projek-projek yang dicadangkan. Mereka yang mempunyai pertalian perniagaan dengan Majlis Perbandaran haruslah diminta meletakkan jawatan untuk mengelakkan berlakunya penyalahgunaan kuasa untuk berkepentingan sendiri.

Pada awal tahun lalu seramai 22 orang pemilik tanah di Labuan telah dipelawa oleh Labuan Industries Sendirian Berhad untuk menghadiri suatu mesyuarat. Dalam mesyuarat tersebut bersama 22 orang pemilik tanah berkenaan telah diberitahu bahawa mereka harus menimbangkan satu cadangan yang dibuat oleh Labuan Industries Sendirian Berhad untuk membina sebuah projek commercial bernilai \$50 juta yang akan menguasai kira-kira 3½ ekar tanah mereka.

Saya diberitahu mesyuarat tersebut dihadiri oleh Ketua Menteri Sabah serta Presiden Majlis Perbandaran Labuan dan pemilik-pemilik tanah diberitahu bahawa syarikat tersebut telah meluluskan butir-butir lanjut

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun di belakang.

Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid: Minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Minta penjelasan, ya?

Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid: Syarikat manakah yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat yang menjalankan perniagaan di Labuan?

Tuan Fung Ket Wing: Itu syarikat Labuan Industries Sendirian Berhad. Pemilik-pemilik tanah diberitahu bahawa syarikat tersebut telah meneruskan butir-butir lanjut berkaitan dengan kewangan perancangan dan pemulihan kelulusan dari pihak berkuasa.

Pemilik-pemilik tanah berkenaan telah "hailan". Projek tersebut adalah terlalu

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada orang bangun di belakang. Hendak apa?

Tuan Mohamad Yahya bin Lampong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan. Apakah yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat daripada Sandakan mengenai perkataan "hailan".

Tuan Yang di-Pertua: Apa dia?

Tuan Mohamad Yahya bin Lampong: Hailan.

Tuan Yang di-Pertua: Hailan?

Tuan Mohamad Yahya bin Lampong: Hailan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Ahli dari Sandakan menjawab. Orang lain tidak boleh menjawab. (*Ketawa*)

Tuan Fung Ket Wing: Dia hanya minta jalan sahaja, Projek tersebut adalah terlalu besar bagi mereka, kerana mereka adalah warganegara yang simple dan rendah diri. Mereka mahu mengikut kemampuan kewangan mereka sendiri. Akibat

daripada ini pemilik-pemilik tanah berkenaan telah membantah idea tersebut.

Mesyuarat kedua diadakan sekali lagi oleh Labuan Industries Sendirian Berhad pada 8hb Julai, 1983 di Hotel Labuan. Agenda berkenaan mesyuarat tersebut adalah seperti berikut, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua:

1. To agree on and register a company name.
2. Nominate the subscribers of the company.
3. To establish and initiate a plan of approval and development of the site of a commercial centre for Labuan.

Satu-satu salinan notis mesyuarat tersebut juga telah dihantar kepada Jabatan Ketua Menteri, Kota Kinabalu. Tidak mendapat apa-apa kemajuan dari mesyuarat tersebut. Satu lagi mesyuarat dipanggil pada 23hb Januari 1984 di Bilik Mesyuarat Majlis Perbandaran Labuan.

Majoriti pemilik-pemilik tanah yang bersabit itu telah menolak cadangan tersebut. Saya diberitahu bahawa akibat peringkarannya pemilik-pemilik tanah untuk menerima cadangan yang dikemukakan oleh Labuan Industries Sendirian Berhad itu.

Mereka iaitu pemilik-pemilik tanah berkenaan telah diugut bahawa sekiranya mereka tidak menerima cadangan tersebut sebelum 24hb Februari 1984 yang juga merupakan tarikh bagi mesyuarat terakhir.

Maka Majlis Perbandaran Labuan akan mengambil langkah-langkah untuk mengambilalih semua tanah yang terlibat itu sebelum Labuan menjadi Wilayah Persekutuan.

Satu pemeriksaan yang dilakukan di Pejabat Pendaftar Syarikat menunjukkan bahawa pengarah-pengarah syarikat itu terdiri daripada:

1. Dato' Ong Chik Lin.
2. Lok Ken Seng.
3. Husin Wahid Dali.
4. Haji Abdul Samad bin Haji Johari.
5. Morris John Barry.
6. Kebelanchi Morus Kasu.

Di antara pengarah-pengarah ini Dato' Ong Chik Lin adalah seorang Ahli Majlis Perbandaran Labuan dan kesemua pengarah-pengarah lain mempunyai pertalian politik yang rapat dengan parti pemerintah.

Saya menyeru Kerajaan Pusat menyiasat perkara ini supaya tindakan, amaran-amaran seumpama ini dan juga siasatan sama ada telah berlaku apa-apa penyalahgunaan kuasa dan bercanggah dengan kepentingan.

Tuan Yang di-Pertua, Labuan adalah terkenal untuk barter tradingnya yang dilakukan dengan Filipina Selatan. Akan tetapi apa yang mengejutkan adalah semua permohonan-permohonan oleh orang-orang tempatan untuk menjalankan seharusnya diluluskan oleh Barter Trade Centre, Labuan yang merupakan sebuah syarikat swasta.

Mengapakah syarikat ini diberi kuasa exclusive untuk mengeluarkan lesen-lesen, walhal Kerajaan dan khasnya Majlis Perbandaran Labuan harus memberikan kebenaran tersebut. Apakah ini berlaku disebabkan kerana Labuan Barter-Trade Centre mempunyai pertalian rapat dengan pemimpin-pemimpin atasan parti yang memerintah? Saya menyeru Kerajaan menyiasat perkara ini dan saya juga menggesa Menteri Wilayah Persekutuan memastikan bahawa kuasa-kuasa yang diberikan

kepada pihak Barter Trade-Centre di Labuan itu ditarik balik dan Kerajaan sendiri hendaklah menjadikan pihak berkuasa yang memberi kebenaran seumpama itu di masa hadapan.

Satu perkara lagi yang saya ingin bangkitkan ialah kedudukan kakitangan-kakitangan Kerajaan Negeri. Disebabkan Labuan kini akan menjadi sebuah Wilayah Persekutuan, kakitangan Kerajaan Negeri yang bertugas di Labuan berada dalam dilemma.

Walaupun saya mengakui mereka telah diberi option untuk memasuki ke dalam perkhidmatan sebagai kakitangan Kerajaan Negeri, mereka adalah tertakluk kepada pertukaran. Ini akan mendatangkan ketidak-selesaian kepada mereka dan mereka mungkin terpaksa meletakkan jawatan pada akhirnya.

Saya menyeru kepada Kerajaan Pusat untuk memastikan bahawa dalam urusan pengambilan-alih ini tidak seorang pun pekerja-pekerja akan mengalami sebarang kerugian atau kesusahan dan tidak harus menyebabkan kehidupan keluarga mereka dan kaum keluarganya terganggu.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Pelabuhan Kelang.

6.03 ptg.

Tuan V. Govindaraj (Pelabuhan Kelang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1984 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita merupakan satu Akta yang amat bersejarah untuk Kerajaan kita setelah mencapai kemerdekaan sekian lama.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya mengambil kesempatan ini bagi merakamkan syabas kepada Tuan

Yang Terutama Negeri Sabah, Yang Amat Berhormat Dato' Harris bin Mohd. Salleh, Ketua Menteri Sabah, para Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Sabah serta secara amnya rakyat negeri Sabah dan secara khasnya kepada Kerajaan pimpinan 2M atas kesudian serta kesungguhan dan ketabahan bagi mengisytiharkan pembentukan Wilayah Persekutuan Labuan melalui Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1984 ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan terbentuknya Wilayah Persekutuan Labuan melalui Akta ini, saya memohon pihak Kerajaan Pusat supaya memfokuskan tugas dan tanggungjawabnya supaya Wilayah Persekutuan Labuan dijadikan sebagai tempat utama bagi mencapai objektif Kerajaan terutamanya bagi menyusun semula masyarakat Sabah tanpa mengira kaum serta untuk meninggikan taraf kehidupan rakyat tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, melalui tindakan seperti ini saya berharap Wilayah Persekutuan Labuan akan dapat berkembang sebagai pusat mencerminkan perpaduan negara serta sebagai pusat perkembangan ekonomi negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1984.

6.06 ptg.

Timbalan Perdana Menteri (Dato' Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan kita pada hari ini.

Sebagai permulaan saya suka mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kepong di atas ucapan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Sandakan (*Ketawa*).

Itulah sebabnya, Tuan Yang di-Pertua, saya fikir sungguhpun dia telah berdiri dan terlambat sedikit, saya pun merasa "conscience" saya "Clear" juga kerana sungguhpun dia tidak berucap, ucapan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Sandakan itu bunyi-bunyi dan nampak-nampak gayanya seolah-olah ucapan itu dia yang punya. Jadi, saya ucapkan tahniah kepada kedua-duanya dan dengan seriusnya juga Tuan Yang di-Pertua, saya fikir saya akan, dengan izin, give credit where credit is due.

Saya suka mengucapkan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat dari Sandakan yang telah cuba sedaya upaya berucap di dalam Bahasa Kebangsaan dan nasihat saya kepada kedua-dua mereka itu ialah kalau hendak berbuat demikian pada masa yang akan datang, Ahli Yang Berhormat dari Kepong hendaklah menggunakan perkataan-perkataan yang lebih senang lagi supaya Ahli Yang Berhormat dari Sandakan akan dapat membaca dengan lebih senang lagi. (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat-sangat sukacita mendengar hujah-hujah yang dikemukakan oleh begitu ramai Ahli-ahli Yang Berhormat. Apa yang sangat menarik kepada saya ialah bahawa tiap-tiap seorang daripada wakil atau Ahli Yang Berhormat yang datang daripada Sabah dan Sarawak, bila bangun berucap telah menitikberatkan aspek integrasi nasional.

Kepada kami di peringkat Kerajaan Pusat dan saya percaya kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat, bahawa penyebutan aspek integrasi nasional oleh kedua-dua orang wakil rakyat ataupun Ahli Yang Berhormat dari kedua-dua negeri Sabah dan Sarawak itu adalah besar ertinya kepada masa hadapan negara kita. Insya Allah dengan kesedaran mereka serta kesedaran kita semua, lebih-lebih lagi

tidak ketinggalan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Semenanjung, negara kita benar-benar akan merupakan negara Malaysia yang bersatupadu tidak mengira kaum, bangsa ataupun tidak mengira daripada mana wilayah atau negeri kita datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan di sini bahawa berasaskan kepada apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, saya perlu menjelaskan di sini bidang tugas dan tanggungjawab Suruhanjaya Pilihanraya.

Yang pertamanya, saya suka menyatakan bahawa Suruhanjaya Pilihanraya telah membuat kajian yang begitu teliti berhubung dengan penukaran kawasan-kawasan pilihanraya dan apa juga pendapat yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat daripada kawasan-kawasan yang lain juga, pasti akan diambilkira oleh Suruhanjaya itu sendiri. Malahan seperti Ahli-ahli Yang Berhormat semua sedia maklum, Suruhanjaya itu adalah merupakan Suruhanjaya yang bebas dan saya percaya juga Ahli-ahli Yang Berhormat juga telah bersama-sama mengambil bahagian untuk mengemukakan apa juga pandangan atau pendapat mereka ataupun perhatian ataupun bantahan di atas cadangan-cadangan yang telah dibuat oleh Suruhanjaya Pilihanraya di dalam pengkajian yang sedang berjalan pada masa ini.

Apa yang saya suka menegaskan di sini ialah bahawa pada umumnya weightage iaitu diberi keberatan (weightage) di dalam menentukan wakil-wakil daripada satu-satu kawasan tidak semestinya, malahan memang tidak bergantung kepada bilangan pengundi. Weightage yang diberi adalah berasas kepada kemunduran sesuatu kawasan itu. Lebih-lebih lagi apabila kawasan itu ialah merupakan

kawasan luar bandar. Sepertimana kita semua sedia maklum, kawasan luar bandar ialah merupakan kawasan yang begitu lama telah tertinggal dan masih tertinggal lagi, maka berasas kepada itulah maka memang diberi lebih lagi keberatan ataupun lebih lagi kekuatan perwakilan didalam Dewan Rakyat ataupun Undang-undang Negeri kepada wakil-wakil yang datang daripada kawasan-kawasan yang berkenaan. Maka oleh sebab itu tidaklah tepat dan tidak kena kalau hendak dibandingkan sesuatu kawasan di antara satu sama lain lebih-lebih lagi, misalnya, kalau dibandingkan di antara kawasan Gua Musang dengan kawasan Petaling Jaya. Tentulah jelas pada kita di sini bahawa kawasan Gua Musang merupakan kawasan yang begitu jauh dan memang begitu mundur, dan kawasan Petaling Jaya merupakan kawasan yang begitu maju di dalam berbagai bidang.

Perkara kedua yang suka saya sebutkan mengenai tugas Suruhanjaya Pilihanraya semasa ia menjalankan penyemakan semula kawasan-kawasan ialah bahawa tiap-tiap satu kawasan itu tidak semestinya berpandukan dengan sempadan daerah. Ini telah dibangkitkan juga oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjung, tetapi saya suka menyatakan bahawa apa yang terjadi di dalam kawasannya bukanlah merupakan satu kejadian yang ganjil ataupun kejadian yang baru, malahan banyak juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang mewakili kawasan-kawasan di mana kawasannya meliputi dua atau tiga atau empat daerah di mana Wakil Rakyat yang berkenaan terpaksa mengurus, membuat urusan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan wakil-wakil ataupun dengan pegawai-pegawai di daerah-daerah yang berkenaan.

Perkara ketiga yang suka saya sebutkan berhubung dengan tajuk

yang sama ialah, soal kadar pertumbuhan sama ada kadar pertumbuhan ini dari segi pemilih, ataupun pertumbuhan manusia ataupun kadar pertumbuhan pembangunan. Saya suka menyatakan di sini bukan menjadi tugas dan tanggungjawab Suruhanjaya Pilihanraya untuk membuat apa-apa projection dari segi pertumbuhan. Suruhanjaya Pilihanraya cuma mengkaji atau meneliti keadaan sebenar yang berlaku pada sesuatu waktu yang tertentu dan mengambil kira keadaan pada waktu itu sahaja. Apa yang akan jadi pada masa-masa akan datang akan diambil apa juga langkah mengikut Pindaan Perlembagaan yang sedang kita buat dan insya Allah akan kita luluskan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera telah membuat ucapannya seperti biasa seperti yang dibuat oleh ahli-ahli daripada Parti politik DAP. Dia membuat semua tafsirannya berasas kepada tafsiran politik walaupun bukan sahaja politik tetapi politik negatif. Saya menyatakan demikian oleh sebab saya memandang berat apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat ini, lebih-lebih lagi di dalam satu perkara yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera, iaitu berhubung dengan peranan Lembaga Pengampunan Wilayah Persekutuan di mana Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menjadi Pengerusinya.

Saya nampak Ahli Yang Berhormat ini sama ada tidak memahami fungsi ataupun memang sengaja hendak membuat nakal atas tugas dan tanggungjawab Lembaga Pengampunan. Apabila beliau menyatakan bahawa peranan Lembaga Pengampunan ini telah diragui oleh masyarakat dan tindakannya tidak begitu consistent dengan mengambil satu contoh sahaja umpamanya, baru-baru ini kes

seorang Menteri yang telah disebutkan dalam Mahkamah dan dihukum mati telah ditukarkan hukuman itu kepada hukuman seumur hidup. Pada pendapat saya nampaknya Ahli Yang Berhormat ini cuba mengambil kesempatan mengelirukan masyarakat dan rakyat jelata dari segi tugas dan tanggungjawab Lembaga Pengampunan.

Lembaga Pengampunan ialah merupakan Lembaga ataupun satu Badan yang khusus ditubuhkan sebagai satu institusi yang boleh saya panggil peringkat akhir untuk menentukan untung nasibnya seseorang yang dihukum oleh mahkamah, setelah rayuan dibuat oleh orang yang disabitkan oleh Mahkamah. Ia merupakan institusi ataupun badan yang terakhir, lebih tinggi daripada Mahkamah sendiri. Dan setelah Mahkamah membuat sesuatu keputusan maka seseorang yang disabitkan itu boleh membuat rayuan kepada Lembaga ini. Dan apa yang diputuskan oleh Lembaga ini tidak menjadi tugas dan tanggungjawab Lembaga itu untuk menghuraikan sebab musababnya. Sebab-sebab di atas keputusan yang telah dibuat tidak seharusnya diberi. Malahan memang menjadi kebiasaan dan amalan Lembaga ini tidak berbuat demikian. Dan kalaulah seseorang itu memilih satu contoh sahaja dan mengatakan ini tidak adil dan mempersoalkannya dengan cara terbuka maka saya fikir ini tidaklah wajar. Oleh sebab pada pendapat saya kalau satu contoh sahaja diambil tentulah timbul kekeliruan. Walhal di dalam sejarah pentadbiran keadilan di negara kita ini banyak contoh-contoh lain boleh digunakan untuk menunjukkan bagaimana tiap-tiap satu kes yang dibawa kepada Lembaga Pengampunan itu telah ditimbang, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, on the merit of each case dan tidak ada hubungan di antara satu sama lain. Dan saya suka menyatakan bahawa

oleh sebab Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ialah merupakan pengerusinya maka soal nasihat menasihat tidak timbul. Oleh sebab tiap-tiap seseorang Ahli Lembaga bertanggungjawab bersama dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ialah merupakan pengerusinya dan apa juga keputusan diambil atas nama Lembaga.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir perlu saya sebutkan perkara ini oleh sebab takut perkara ini nanti dipanjang-panjangkan oleh pihak parti Pembangkang dan akan mengelirukan keadaan dari segi tugas dan tanggungjawab Lembaga Pengampunan yang merupakan satu daripada proses keadilan di negara kita yang kita semua berasa sangat-sangat bangga. Saya tidak hendak mempersoalkan ataupun membangkitkan apa juga kemusykilan di kalangan rakyat jelata di atas cara pentadbiran keadilan di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan di sini bahawa pada keseluruhannya tidaklah ada perkara-perkara lain yang hendak saya sebutkan atau bangkitkan oleh sebab Y.A.B. Perdana Menteri telah pun membentangkan di dalam ucapannya dengan sejelas-jelasnya tujuan kita mencadangkan pindaan kepada Perlembagaan pada kali ini, dan juga di dalam huraian yang diberi di atas yang termaktub dalam Rang Undang-undang ini jelas maksudnya.

Itulah sahaja jawapan saya, dan saya ucapkan sekali lagi ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MASYUARAT

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan usul:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12 (1) iaitu persidangan Majlis hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) dibincangkan dan diluluskan.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, usul dari Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12 (1) iaitu persidangan Majlis hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) dibincangkan dan diluluskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12 (1) iaitu persidangan Majlis hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) dibincangkan dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN) (NO. 2)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah atas Rang Undang-undang untuk dibaca kali kedua.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum mengikut Fasal 3 Perkara 159 Perlembagaan Persekutuan yang berbunyi: Suatu Rang Undang-undang bagi membuat pindaan kepada Perlembagaan tidak boleh diluluskan dalam mana-mana Majlis Parlimen melainkan jika Rang Undang-undang itu telah disokong pada bacaan kali yang kedua dan ketiga dengan undi sebanyak tidak kurang dua pertiga daripada jumlah bilangan Ahli Majlis itu.

Majlis akan mengadakan belah-bahagian di bawah Peraturan Mesyuarat 46 (4). Oleh yang demikian saya mintalah Ahli-ahli yang menyokong diadakan Belah-bahagian, sila berdiri, sekurang-kurangnya 15 Ahli baharulah boleh diadakan Belah-bahagian.

(Ahli-ahli Yang Berhormat berdiri)

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Lebih daripada 15 orang seperti yang dikehendaki di bawah Peraturan Mesyuarat 46 (4). Oleh yang demikian, saya arahkan diadakan keputusan dengan Belah-bahagian.

Penghitungan-penghitungan undi diminta mengambil tempat mereka di hadapan blok tempat duduk mereka masing-masing. Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain diminta menyatakan undi mereka seorang demi seorang apabila ditanya oleh penghitung undi iaitu sama ada bersetuju atau tidak bersetuju atau tidak mengundi. Keputusan undi itu akan dicatat oleh penghitung undi dalam borang yang akan disediakan. Setelah tamat, penghitung undi mengambil catatan undi bagi bloknya termasuk undinya sendiri, beliau diminta menyerahkan undi itu kepada Setiausaha. Setiausaha, saya minta bunyikan loceng selama satu hingga dua minit.

Loceng dibunyikan

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang. Pinta mengundi mengikut belah bahagian.

Dewan berbelah bahagi: Yang bersetuju, 121 undi; Yang Tidak Bersetuju, 4 undi; Yang Tidak Mengundi, Tiada.

YANG BERSETUJU

1. Dato' Musa Hitam.
2. Dato' Dr Neo Yee Pan.
3. Dato' S. Samy Vellu.
4. Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie.
5. Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani.
6. Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj bin Tengku Ismail.
7. Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah.
8. Tan Sri Chong Hon Nyan.
9. Dato' Paul Leong Khee Seong.
10. Dato' Abdul Manan bin Othman.
11. Datuk Leo Moggie anak Irok.
12. Datin Paduka Rafidah Aziz.
13. Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud.
14. Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi.
15. Dato' Mak Hon Kam.
16. Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam.
17. Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze.
18. Dato Mohamed bin Rahmat.
19. Dato Chin Hon Ngian.
20. Dato Shahrir bin Abdul Samad.
21. Datuk Dr James P. Ongkili.

22. Dato' Chan Siang Sun.
23. Dato' K. Pathmanaban.
24. Dato Dr Ling Liong Sik.
25. Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman.
26. Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman.
27. Dato' Abu Hassan bin Haji Omar.
28. Tuan Bujang bin Haji Ulis.
29. Tuan Luhath Wan.
31. Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed.
32. Puan Shariffah Dora binti Syed Mohamed.
33. Tuan S. Subramaniam.
34. Puan Hajjah Rahmah binti Othman.
35. Dato' Mohamed Khalil Yaakob.
36. Dato Sabbaruddin Chik.
37. Puan Napsiah binti Omar.
38. Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir.
39. Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad.
40. Dato Lee Kim Sai.
41. Tuan Oo Gin Sun.
42. Tuan Law Hieng Ding.
43. Tuan Jawan anak Empaling.
44. Tuan Hussein bin Mahmud.
45. Au How Cheong.
46. Tuan Zainal Abidin bin Zin.
47. Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali.
48. Tuan Awang bin Jabar.
49. Datuk William Lye Chee Hien.
50. Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin.
51. Dato Michael Chen Wing Sum.
52. Dato Dr Tan Tiong Hong.
53. Tuan Edmund Langgu anak Saga.

54. Dato' Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa.
55. Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-Haj.
56. Dato Lew Sip Hon.
57. Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau.
58. Datuk Clarence E. Mansul.
59. Tuan V. Govindaraj.
60. Dato Lee Boon Peng.
61. Tuan Yeoh Poh San.
62. Tuan Megat Junid bin Megat Ayob.
63. Tuan Daim Zainuddin.
64. Tuan Yahya bin Haji Zakaria.
65. Dato' Haji Ngah bin Haji Abdul Rahman.
66. Tuan Omar bin Abdullah.
67. Dato Jamaluddin bin Haji Suhaimi.
68. Tuan Thomas Salang Siden.
69. Tuan Ismail bin Arshad.
70. Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri.
71. Tuan Richard Dampeng anak Laki.
72. Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad.
73. Tuan Newman Gaban.
74. Tuan Mokhtaram bin Rabidin.
75. Tuan Kan Yau Fa.
76. Tuan Peter Chin Gan Oon.
77. Datuk Edwin anak Tangkun.
78. Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid.
79. Tuan Justine anak Jinggut.
80. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron.
81. Tuan Ng Cheng Kuai.
82. Tuan Lim Liang Seng.
83. Tuan Khadri bin Sabran.
84. Dr Koh Tsu Koon.
85. Tuan Daud bin Dato' Haji Taha.
86. Tuan Shamsuri bin Md. Salleh.
87. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim.
88. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad.
89. Tuan Abdul Ghani bin Misbah.
90. Tuan Alias bin Md. Ali.
91. Tuan Tan Koon Swan.
92. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah.
93. Tuan Abdul Rahim bin Abu Bakar.
94. Dr Leo Michael Toyad.
95. Tuan Ismail bin Said.
96. Dr Abdul Hamid bin Pawanteh.
97. Dato' Haji Mohamed bin Haji Ali.
98. Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis.
99. Dr George Chan Hong Nam.
100. Tuan Bahari bin Baron.
101. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim.
102. Tuan Mutang Tagal.
103. Tuan Mamat Ghazali bin Abdul Rahman.
104. Tuan Tan Kok Hooi.
105. Datin Paduka Zaleha binti Ismail.
106. Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad.
107. Tuan Quah Wee Liam.
108. Tuan Andrew Janggi Muyang.
109. Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud.
110. Tuan brahim Azmi bin Hassan.
111. Tuan Ban Hon Keong.
112. Tuan Othman bin Abdul.
113. Datuk Haji Abu Bakar bin Umar.
114. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah.

115. Tuan Hassan bin Mohamed.
116. Wan Ibrahim bin Wan Abdullah.
117. Tuan Mohammad Yahya bin Lampong.
118. Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid.
119. Tuan Haji Affandy bin Tun Haji Mohd. Fuad Stephens.
120. Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong.
121. Tuan Mohammed Yussof bin Haji Yakob.

YANG TIDAK BERSETUJU

1. Tuan Lee Lam Thye.
2. Tuan Fung Ket Wing.
3. Dr Tan Seng Giaw.
4. Tuan Sim Kwang Yang.

YANG TIDAK MENGUNDI

Tiada.

Tuan Yang di-Pertua: Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 20 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 21 hingga 28—

6.32 ptg.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh Fasal 25 (3A) adalah menyatakan bahawa peruntukan-peruntukan Jadual Ketigabelas kepada Perlembagaan adalah terpakai bagi ulangkajian di bawah Fasal ini, tetapi pemakaiannya

adalah tertakluk kepada apa-apa ubahsuaian sebagaimana difikirkan perlu oleh Suruhanjaya Pilihanraya.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini adalah paling mustahak

Tuan Pengerusi: Tuan Pengerusi!

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, pindaan ini adalah paling mustahak kerana ia merupakan sebahagian daripada sejarah panjang Jadual Ketiga Belas di mana peruntukan-peruntukannya menjadi semakin kabur dan cenderung menguntungkan Kerajaan parti pemerintah. Ia juga bermakna bahawa secara langsung kedaulatan dan kebebasan Suruhanjaya Pilihanraya akan terhakis dan terpaksa memenuhi kepentingan Kerajaan.

Tuan Pengerusi Fasal baru ini terutama sekali peruntukan Fasal baru (3A) bermakna bahawa Suruhanjaya Pilihanraya kini diberikan kuasa oleh suatu rangkaikata yang mencakup semua (catch all) untuk membuat ubahsuaian-ubahsuaian kepada Jadual Ketiga Belas seperti yang difikirkan perlu. Ini adalah melibatkan 3 fasal Perlembagaan berhubung dengan keseluruhan proses persempadanan pilihanraya iaitu Perkara 113, 116 dan 117. Kini kesemua peruntukan dan batasan yang dikenakan ke atas Suruhanjaya Pilihanraya akan dimansuhkan.

Suruhanjaya adalah diamankan dengan kuasa yang terlalu banyak sehingga kawalan ini tidak diadakan lagi. Ini jelaslah merupakan suatu titik kemuncak di dalam trend persejarahan di mana keunggulan Suruhanjaya lama kelamaan terhakis dan Kerajaan dijamin kejayaannya di dalam pilihanraya.

Tuan Pengerusi, pada mulanya persempadanan kawasan-kawasan pilihanraya untuk pilihanraya tahap

Persekutuan diuruskan oleh suatu Suruhanjaya dengan 3 anggota diketuai oleh Lord Merton. Perlembagaan Malaya tahun 1957 telah meletakkan tanggungjawab mempersempadankan kawasan-kawasan pilihanraya dan menjalankan pilihanraya di tangan Suruhanjaya Pilihanraya. Prinsip-prinsip ini telah termaktub di Jadual Ketiga Belas. Pada tahun 1960 Suruhanjaya Pilihanraya telah menyediakan laporan persempadanan pilihanraya

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, saya minta maaf, saya agak Yang Berhormat bercakap di atas principle. Sekarang dalam Jawatankuasa kita tidak boleh bercakap di atas prinsip, kita bercakap di atas detail.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya cuma hendak menerangkan di sini. Jadi dengan pindaan ini kuasa yang dikawal, yang dipegang, dikuatkuasakan oleh Kerajaan melalui Suruhanjaya Pilihanraya ini telah terlampau banyak, terlampau melulu. Ini boleh berlakunya ketidakadilan dan ketidakseimbangan. Walaupun Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menyatakan bahawa prinsip jumlah pemilih dan prinsip jumlah penduduk tidak difikirkan perlu sekarang, cuma prinsip kemunduran sahaja, tetapi di sini saya hendak menekankan bahawa hanya kemunduran tidak boleh menjadi satu-satunya ukuran. Jadi ketidakseimbangan yang penting. Kalau ini terlalu berat sebelah, jadi polarisasi kaum itu tidak akan dihapuskan sama sekali.

Itulah yang penting dan di sini saya hendak membangkitkan satu perkara di mana pihak MCA dan pihak Gerakan

Tuan Pengerusi: Saya tidak membenarkan Yang Berhormat bercakap mengenai perkara itu.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, perkara yang penting sekali ialah kuasa yang diberi melalui peruntukan di Fasal baru (3A) ini adalah terlalu banyak kuasa diberi kepada Suruhanjaya sehingga kawalan tidak dapat diadakan. Sekian, terima kasih.

Dato' Musa Hitam: Tuan Pengerusi, saya cuma suka menjelaskan di sini iaitu dari segi pindaan ataupun pemberian terlampau banyak yang dikatakan kuasa ataupun tidak kepada Suruhanjaya Pilihanraya ialah pandangan Ahli Yang Berhormat dari Kepong sahaja. Pendapat Dewan yang mulia ini nampaknya berasas kepada perbincangan kita tadi tidak, bukan dari segi kuasa dan kemungkinan penyalahgunaan kuasa tipis oleh sebab Suruhanjaya Pilihanraya ialah suatu Suruhanjaya yang bebas dan kita harus ingat di sini bahawa kuasa mutlak untuk memberi kuasa lebih atau kurang ialah Dewan yang mulia ini. Pada hari ini Dewan yang mulia ini saya pasti nampaknya bersetuju bahawa kita memberi kuasa ini dari segi penyesuaian berasas kepada pengalaman-pengalaman yang didapati oleh Suruhanjaya itu sendiri dari segi amalannya (practicality).

Itu sahaja jawapan saya tetapi saya nampak tidak ada apa-apa cadangan pindaan dan sebagainya. Ia menggunakan perbincangan ini untuk mengambil kesempatan sahaja melepaskan steam (*Tepuk*).

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, cadangan saya ialah kita tidak menerima pindaan ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat tidak boleh buat cadangan pada masa sekarang. Jika sekiranya ada pindaan hendaklah membuat dengan secara bertulis.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Fasal 21 hingga 28 dijadikan sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 21 hingga 28 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Bacaan Kali Yang Ketiga

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Perlembagaan Persekutuan bagi membuat peruntukan mengenai penubuhan Wilayah Persekutuan Labuan dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya termasuk pengubahan sempadan-sempadan negeri Sabah dan bagi membuat pindaan-pindaan lain kepada Perlembagaan Persekutuan telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah diper-setujukan tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali ketiga dan diluluskan sekarang.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Saya kemukakan masalah di atas Rang Undang-undang ini untuk bacaan kali ketiga dan bagi maksud ini, Majlis akan mengadakan belah bahagian mengikut cara yang dibuat bagi bacaan kali yang kedua tadi.

Penghitung-penghitung undi diminta mengambil tempat masing-masing.

Setiausaha, minta bunyikan loceng sehingga satu hingga kedua minit.

Loceng dibunyikan.

Usul dikemuka bagi diputuskan.

Dewan berbelah-bahagi: Yang Bersetuju, 121; Yang Tidak Bersetuju, 4; Yang Tidak Mengundi, tiada.

YANG BERSETUJU

1. Dato' Musa Hitam.
2. Dato' Dr Neo Yee Pan.
3. Dato' S. Samy Vellu.
4. Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie.
5. Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani.
6. Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj bin Tengku Ismail.
7. Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah.
8. Tan Sri Chong Hon Nyan.
9. Dato' Paul Leong Khee Seong.
10. Dato' Abdul Manan bin Othman.
11. Datuk Leo Moggie anak Irok.
12. Datin Paduka Rafidah Aziz.
13. Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud.
14. Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi.
15. Dato' Mak Hon Kam.
16. Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam.
17. Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze.
18. Dato Mohamed bin Rahmat.
19. Dato Chin Hon Ngian.
20. Dato Shahrir bin Abdul Samad.
21. Datuk Dr James P. Ongkili.
22. Dato' Chan Siang Sun.
23. Dato' K. Pathmanaban.
24. Dato Dr Ling Liong Sik.
25. Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman.

26. Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman.
27. Dato' Abu Hassan bin Haji Omar.
28. Tuan Bujang bin Haji Ulis.
29. Tuan Luhah Wan.
31. Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed.
32. Puan Shariffah Dora binti Syed Mohamed.
33. Tuan S. Subramaniam.
34. Puan Hajjah Rahmah binti Othman.
35. Dato' Mohamed Khalil Yaakob.
36. Dato Sabbaruddin Chik.
37. Puan Napsiah binti Omar.
38. Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir.
39. Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad.
40. Dato Lee Kim Sai.
41. Tuan Oo Gin Sun.
42. Tuan Law Hieng Ding.
43. Tuan Jawan Anak Empaling.
44. Tuan Hussein bin Mahmud.
45. Tuan Au How Cheong.
46. Tuan Zainal Abidin bin Zin.
47. Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali.
48. Tuan Awang bin Jabar.
49. Datuk William Lye Chee Hien.
50. Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin.
51. Dato' Michael Chen Wing Sum.
52. Dato Dr Tan Tiong Hong.
53. Tuan Edmund Langgu Anak Saga.
54. Dato' Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa.
55. Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-Haj.
56. Dato Lew Sip Hon.
57. Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau.
58. Datuk Clarence E. Mansul.
59. Tuan V. Govindaraj.
60. Dato Lee Boon Peng.
61. Tuan Yeoh Poh San.
62. Tuan Megat Junid bin Megat Ayob.
63. Tuan Daim Zainuddin.
64. Tuan Yahya bin Haji Zakaria.
65. Dato' Haji Ngah bin Haji Abdul Rahman.
66. Tuan Omar bin Abdullah.
67. Dato Jamaluddin bin Haji Suhaimi.
68. Tuan Thomas Salang Siden.
69. Tuan Ismail bin Arshad.
70. Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri.
71. Tuan Richard Dampeng Anak Laki.
72. Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad.
73. Tuan Newman Gaban.
74. Tuan Mokhtaram bin Rabidin.
75. Tuan Kan Yau Fa.
76. Tuan Peter Chin Gan Onn.
77. Datuk Edwin Anak Tangkun.
78. Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid.
79. Tuan Justine Anak Jinggut.
80. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron.
81. Tuan Ng Cheng Kuai.
82. Tuan Lim Liang Seng.
83. Tuan Khadri bin Sabran.
84. Dr Koh Tsu Koon.
85. Tuan Daud bin Dato' Haji Taha.
86. Tuan Shamsuri bin Md. Salleh.
87. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim.

88. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad.
89. Tuan Abdul Ghani bin Misbah.
90. Tuan Alias bin Md. Ali.
91. Tuan Tan Koon Swan.
92. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah.
93. Tuan Abdul Rahim bin Abu Bakar.
94. Dr Leo Michael Toyad.
95. Tuan Ismail bin Said.
96. Dr Abdul Hamid bin Pawanteh.
97. Dato' Haji Mohamed bin Haji Ali.
98. Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis.
99. Dr George Chan Hong Nam.
100. Tuan Bahari bin Baron.
101. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim.
102. Tuan Mutang Tagal.
103. Tuan Mamat Ghazali bin Abdul Rahman.
104. Tuan Tan Kok Hooi.
105. Datin Paduka Zaleha binti Ismail.
106. Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad.
107. Tuan Quah Wee Liam.
108. Tuan Andrew Janggi Muiyang.
109. Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud.
110. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan.
111. Tuan Ban Hon Keong.
112. Tuan Othman bin Abdul.
113. Datuk Haji Abu Bakar bin Umar.
114. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah.
115. Tuan Hassan bin Mohamed.
116. Wan Ibrahim bin Wan Abdullah.

117. Tuan Mohammad Yahya bin Lampong.
118. Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid.
119. Tuan Haji Affandy bin Tun Haji Mohd. Fuad Stephens.
120. Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong.
121. Tuan Mohammed Yussof bin Haji Yakob.

YANG TIDAK BERSETUJU

1. Tuan Lee Lam Thye
2. Tuan Fung Ket Wing.
3. Dr Tan Seng Giaw.
4. Tuan Sim Kwang Yang.

YANG TIDAK MENGUNDI

Tiada.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, keputusan belah bahagian adalah seperti berikut:

Yang Bersetuju, 121 (*Tepuk*);

Yang Tidak Bersetuju, 4 undi;

Yang Tidak Mengundi, tiada.

Lebih suara yang bersetuju dan lebih daripada 2/3 seperti yang dikehendaki oleh Perlembagaan.

Sekarang Rang Undang-undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang (*Tepuk*).

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, persidangan ditangguhkan sehingga 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.46 petang.